BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Tinjauan Kestabilan Kewangan
Separuh Pertama
2022



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Prakata

Tinjauan Kestabilan Kewangan – Separuh Pertama 2022 memberikan penilaian Bank Negara Malaysia mengenai risiko semasa dan potensi risiko terhadap kestabilan kewangan dan daya tahan sistem kewangan Malaysia yang berperanan penting sebagai pengantara kewangan dalam ekonomi. Tinjauan Kestabilan Kewangan ini turut melaporkan pelbagai langkah yang telah dilaksanakan untuk menguruskan risiko kepada kestabilan kewangan serta mengandungi rencana mengenai isu yang mendapat perhatian ramai.

Tinjauan Kestabilan Kewangan ini diterbitkan dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang isu-isu dan perkembangan yang mempengaruhi kestabilan kewangan di negara ini.

Semua analisis dalam dokumen ini menggunakan data sehingga 30 Jun 2022 atau dinyatakan sebaliknya.

Tinjauan Kestabilan Kewangan – Separuh Pertama 2022ini boleh didapati dalam Portable Document Format (PDF) di www.bnm.gov.my

Kandungan

Sorotan Penting

Tinjauan Keseluruhan

Perkembangan Penting pada Separuh Pertama Tahun 2022

9 Risiko Pasaran
12 Risiko Kredit
23 *Rencana: Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan bagi Tahun 2021*
29 Risiko Operasi

Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

35 Sektor Perbankan
42 *Rencana: Institusi Perbankan Terus Menyokong Pemulihan Ekonomi Meskipun Mengalami Kemerosotan Keuntungan yang Ketara Semasa Pandemik*
48 *Rencana: Memperkukuh Daya Tahan Sistem Kewangan dengan Rangka Kerja Perancangan Pemulihan dan Resolusi*
47 *Rencana: Mengawal Selia Bank-bank Digital*
53 Sektor Insurans dan Takaful
58 *Rencana: Keadaan Semasa Aset Digital di Malaysia dan Hubung Kait dengan Kestabilan Kewangan*
64 *Rencana: Pelaksanaan Ujian Tekanan Risiko Iklim*

Tambahan

Glosari, Akronim dan Singkatan

Sorotan Penting
Tinjauan Kestabilan Kewangan – Separuh Pertama Tahun 2022

Keadaan pasaran kewangan domestik kekal teratur walaupun volatiliti pasaran global adalah ketara

Meskipun tinggi, tekanan pasaran kewangan masih jauh di bawah paras tertinggi yang dicatatkan pada tahun 2020

Indeks Tekanan Pasaran Kewangan



Keadaan mudah tunai dalam pasaran bon dan pertukaran asing kekal kukuh

Minat pelabur terhadap bon korporat kekal tinggi

46.5 mata asas*
Spread purata antara bon AAA 10 tahun dengan MGS 10 tahun *(purata 2015–2019: 55.4 mata asas)*

Permintaan kukuh bagi terbitan bon kerajaan baharu

2.3 kali*
Purata nisbah bida kepada perlindungan bagi terbitan bon kerajaan baharu *(purata 2015–2019: 2.3 kali)*

Keadaan pasaran bon dan pertukaran asing adalah teratur

RM 2.8 bilion*
Purata jumlah dagangan harian dalam pasaran sekunder bon kerajaan *(purata 2015-2019: RM3.1 bilion)*

USD13.3 bilion*
Purata jumlah dagangan harian dalam pasaran pertukaran asing domestik *(purata 2021: USD11.2 bilion)*

*Data setakat 23 September 2022.

Institusi kewangan berupaya menguruskan kesan daripada keadaan pasaran yang tidak menentu

Bank-bank memiliki aset mudah tunai mata wang asing yang mencukupi

2.6 kali^
Nisbah aset mudah tunai mata wang asing kepada hutang luar negeri berisiko *(purata 2017-2019: 2.6 kali)*

Dedahan mata wang asing kekal terurus

4.5%^
Kedudukan terbuka bersih mata wang asing sebagai bahagian daripada jumlah modal *(purata 2015-2019: 5.7%)*

^Data setakat bulan Jun 2022.

Institusi kewangan kekal pada kedudukan yang baik untuk menyokong pemulihan ekonomi

Bank-bank mengekalkan penampan modal dan mudah tunai yang kukuh untuk menyokong pengantaraan kewangan

18.0%
Nisbah Jumlah Modal
(Dis. '21: 19.2%)

RM122.9 bilion
Lebihan Penampan Modal
(Dis. '21: RM135.4 bilion)

148%
Nisbah Perlindungan Mudah Tunai
(Dis. '21: 153%)

Tahap permodalan penanggung insurans dan pengendali takaful terus kukuh melebihi keperluan pengawalseliaan minimum

224%
Nisbah Kecukupan Modal
(Dis. '21: 222%)

RM35.8 bilion
Lebihan Penampan Modal
(Dis. '21: RM36.8 bilion)

Penampan peruntukan bank-bank mencukupi untuk menyerap sebarang peningkatan kerugian kredit, manakala perolehan terus bertambah baik

1.8%
Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar
(Dis. '21: 1.7%)

1.8%
Jumlah Peruntukan kepada Jumlah Pinjaman
(Dis. '21: 1.8%, purata 2015-2019: 1.4%)

117%
Nisbah Perlindungan Kerugian Pinjaman
(termasuk rizab pengawalseliaan)
(Dis. '21: 123%, purata 2015-2019: 113%)

11.8%
Pulangan atas Ekuiti
(Dis. '21: 9.5%)

Data setakat bulan Jun 2022 kecuali dinyatakan sebaliknya.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg dan Reuters

Sektor isi rumah dan perniagaan terus pulih sejak pandemik, namun risiko masih wujud dalam beberapa segmen

Bahagian pinjaman di bawah bantuan bayaran balik pinjaman terus menurun

Hutang di bawah Bantuan Bayaran Balik Pinjaman
(sebagai % daripada jumlah pinjaman sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan)



Pinjaman terjejas meningkat disebabkan oleh sebilangan kecil peminjam yang terus mudah terjejas selepas keluar daripada bantuan bayaran balik pinjaman

Nisbah Pinjaman Terjejas
(sebagai % daripada jumlah pinjaman sistem perbankan masing-masing kepada isi rumah dan PKS)



Bank-bank mampu menghadapi peningkatan pinjaman terjejas di bawah simulasi kejutan makroekonomi dan kewangan yang teruk

Nisbah Pinjaman Terjejas* Berdasarkan Ujian Tekanan dengan Kejutan Tambahan menjelang akhir tahun 2023



Isi Rumah
5.7% ↑
(Ujian tekanan sebelum ini: 5.0%)



PKS
6.9% ↑
(Ujian tekanan sebelum ini: 5.9%)

Parameter Kejutan Tambahan**	
USD/MYR	Lebih teruk daripada tahap yang dicatatkan semasa Krisis Kewangan Asia
Kadar US Federal Funds	Peningkatan 12 bulan paling tinggi dalam tempoh empat dekad
Kadar Hasil MGS	Paras tertinggi dalam tempoh dua dekad

Data setakat bulan Jun 2022 kecuali dinyatakan sebaliknya.
^ PKS terus mencakupi 94% syarikat yang mendapat manfaat daripada bantuan bayaran balik pinjaman.
* Sebagai % daripada jumlah pinjaman sistem perbankan masing-masing kepada isi rumah dan PKS.
** Meningkatkan tahap keterukan parameter kejutan yang dikenakan pada ujian tekanan makro yang diterbitkan dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua 2021 BNM.

Khidmat nasihat dan bantuan kewangan disediakan untuk peminjam yang terkesan dalam persekitaran semasa

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit			Institusi Perbankan
Sokongan khidmat nasihat kewangan	**Individu** • Program Pengurusan Hutang	**Perniagaan** • Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil	Pelan penjadualan dan penstrukturan semula yang khusus

Rencana: Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan (FCI) 2021

Pandemik telah meningkatkan ilmu kewangan secara keseluruhan, namun menjadikan keadaan lebih mencabar kepada beberapa golongan

- Indeks Celik dan Keupayaan Kewangan Malaysia meningkat kepada 59 (2018: 57), menunjukkan bahawa individu lebih mengambil maklum tentang hal kewangan berikutan pandemik
- Tahap celik kewangan digital masih rendah meskipun penggunaan produk digital lebih meluas. Sebanyak 37% daripada individu berkongsi kata laluan dan/atau nombor PIN mereka dengan kawan rapat
- Pekerja bergaji cenderung berasa lebih yakin tentang aliran pendapatan mereka yang menyebabkan mereka cenderung untuk mengambil terlalu banyak hutang
- Pengeluaran simpanan persaraan menyebabkan lebih banyak individu (2021: 27% daripada responden; 2018: 16%) bimbang akan daya tahan jangka panjang mereka
- Daya tahan kewangan jangka pendek meningkat sedikit disebabkan oleh pelbagai bantuan yang tersedia
- Satu daripada tiga individu menyatakan bahawa mereka tidak berminat untuk mengambil tahu tentang produk insurans/takaful

Rencana: Keadaan Semasa Aset Digital di Malaysia dan Hubung Kait dengan Kestabilan Kewangan

Risiko kestabilan kewangan berkaitan dengan penggunaan semasa aset digital di Malaysia kekal rendah

- Tahap penggunaan aset digital yang rendah berbanding dengan aset tradisional
- Aliran keluar deposit yang kecil daripada institusi perbankan untuk pelaburan aset digital
- Dedahan institusi perbankan terhad kepada memudahkan perkhidmatan pelanggan berisiko rendah

Volatiliti harga dan percambahan penyedia perkhidmatan yang tidak berdaftar menimbulkan risiko yang ketara kepada pelabur

- **70%** penurunan permodalan pasaran aset digital global pada bulan Jun 2022 daripada paras tertingginya pada bulan November 2021
- **87%** daripada pelabur aset digital mempunyai tahap pengetahuan yang hanya setakat sederhana mengenai pelaburan aset digital mereka
- **62%** daripada akaun bursa aset digital dimiliki oleh pelabur berumur 35 tahun ke bawah yang lazimnya mempunyai penampan kewangan yang lebih sedikit

Bank Negara Malaysia terus berwaspada dalam usaha memantau perkembangan pasaran dan pengawalseliaan

- Pemantauan perkembangan aset digital pada peringkat domestik dan global yang berterusan
- Pengaturan kerjasama dengan agensi lain untuk memudahkan perkongsian maklumat dan menangani potensi arbitraj pengawalseliaan
- Penambahbaikan terhadap rangka kerja pengawalseliaan yang berpandukan perkembangan piawaian antarabangsa
- Kerjasama serantau bagi memperkukuh pengaturan pemantauan dan pengawasan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Tinjauan Keseluruhan

Tinjauan Keseluruhan

Keadaan pasaran kewangan global menjadi ketat pada separuh pertama tahun 2022 berikutan kebimbangan berhubung dengan pertumbuhan ekonomi global, inflasi yang semakin meningkat dan harga komoditi yang tidak menentu. Volatiliti pasaran kewangan terus didorong oleh dasar monetari di ekonomi utama yang kembali ke paras wajar secara lebih cepat daripada jangkaan bagi mengawal inflasi, serta prospek peperangan yang berlarutan di Ukraine dan risiko gangguan ekonomi global yang berterusan disebabkan oleh sekatan COVID-19 di beberapa negara. Di dalam negeri, tahap tekanan pasaran kekal tinggi sejak suku kedua tahun 2022, mencerminkan sentimen penghindaran risiko global sebagai tindak balas kepada peningkatan kadar hasil bon global. Meskipun volatiliti terus ketara dalam pasaran kewangan domestik, keadaan pasaran kekal teratur dengan pengantaraan aliran dua hala yang lancar dalam pasaran bon dan ekuiti. Dolar Amerika Syarikat (AS) mengukuh dengan ketara dan kekal pada paras tertinggi dalam tempoh dua dekad disebabkan oleh kenaikan kadar dasar yang agresif di AS dan peralihan kepada aset dolar AS yang dianggap selamat. Mudah tunai yang berterusan dalam pasaran pertukaran asing dalam negeri menyokong pelarasan yang teratur terhadap perkembangan luaran. Hal ini seterusnya akan menyokong perniagaan dan peserta pasaran menguruskan dedahan pertukaran asing mereka.

Sektor perniagaan terus menunjukkan peningkatan dalam prestasi kewangan mereka pada separuh pertama tahun 2022 sejajar dengan kegiatan ekonomi yang disambung semula sepenuhnya dan pembukaan semula sempadan antarabangsa. Prestasi kewangan pada tahap agregat telah pulih melebihi tahap sebelum pandemik dengan median nisbah perlindungan faedah dan margin operasi masing-masing sebanyak 7.1 kali dan 7.3%. Walau bagaimanapun, pemulihan kekal tidak sekata dan lebih perlahan dalam subsektor ekonomi tertentu. Mencerminkan keadaan ini, bahagian keseluruhan syarikat berisiko adalah stabil tetapi kekal tinggi dalam sektor hotel dan restoran, pembinaan dan harta tanah. Keseluruhan pinjaman terjejas perniagaan kekal rendah pada 1.1% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan dengan penunjuk utama juga menunjukkan risiko yang boleh diurus dan mampu diserap dengan baik oleh bank-bank. Yang penting, bahagian pinjaman perniagaan dengan risiko kredit yang lebih tinggi terus menurun kepada 14.4% daripada jumlah pinjaman perniagaan sejajar dengan keadaan perniagaan yang beransur-ansur pulih. Sementara itu, bahagian pinjaman perniagaan kecil dan sederhana (PKS) di bawah bantuan bayaran balik pinjaman telah berkurang separuh kepada 13.1% daripada jumlah pinjaman PKS (atau 2.3% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan). Sebahagian besar PKS yang telah keluar daripada program bantuan bayaran balik pinjaman telah dapat menyambung semula bayaran balik pinjaman mereka. PKS yang lewat membayar balik pinjaman mencakupi kurang 1% daripada jumlah pinjaman PKS. Penunjuk risiko mungkir korporat juga terus bertambah baik. Walaupun perniagaan dijangka menghadapi rintangan yang berterusan pada tempoh akan datang, termasuk kesan daripada keadaan kewangan global yang semakin ketat dan perkembangan kadar pertukaran, kemungkiran perniagaan tambahan dijangka kekal terurus di bawah simulasi senario tekanan yang teruk. Yang penting, pelbagai program pengurusan hutang yang bersasar dengan sokongan bank-bank terus tersedia bagi PKS yang masih mengalami cabaran kewangan sementara.

Daya tahan isi rumah terus disokong oleh keadaan ekonomi dan pasaran pekerja yang bertambah baik. Nisbah hutang isi rumah kepada KDNK telah kembali menghampiri paras sebelum pandemik pada 84.5% apabila bank-bank terus mengekalkan piawaian pemberian pinjaman berhemat dalam

keadaan pemulihan pemberian pinjaman isi rumah yang berterusan. Hal ini membantu mengekalkan penampan bayaran balik pinjaman yang kukuh dalam kalangan isi rumah dan keupayaan mereka untuk menguruskan kesan peminjaman yang lebih tinggi serta kos-kos lain. Median nisbah hutang kepada pendapatan (*debt-to-income*, DTI) untuk keseluruhan isi rumah hanya meningkat sedikit kepada 1.5 kali sepanjang tempoh pandemik meskipun terdapat kejutan pendapatan dan bantuan bayaran balik pinjaman berskala besar yang diberikan oleh bank-bank. Ukuran-ukuran lain bagi keupayaan membayar balik hutang termasuk untuk hutang perumahan juga kekal stabil. Bahagian hutang isi rumah di bawah bantuan bayaran balik pinjaman menurun dengan ketara daripada 18.8% pada bulan Disember 2021 kepada 2.4% pada bulan Jun 2022, bersama-sama dengan penurunan bahagian hutang isi rumah yang berisiko lebih tinggi seperti yang dilaporkan oleh bank-bank. Beberapa segmen peminjam isi rumah yang mempunyai leveraj yang tinggi dengan penampan kewangan yang rendah mungkin mengalami tekanan kewangan berikutan kenaikan kos sara hidup dan bayaran balik pinjaman yang lebih tinggi bagi pinjaman berkadar terapung. Peminjam yang masih di bawah tempoh lanjutan bantuan bayaran balik pinjaman juga mungkin menimbulkan risiko yang lebih tinggi. Bank-bank telah menyediakan penampan peruntukan yang mencukupi terhadap risiko ini dan terus memberikan sokongan yang sewajarnya, termasuk melalui Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), kepada peminjam isi rumah yang masih menghadapi cabaran kewangan. Tindakan kebankrapan terus menjadi pilihan terakhir bagi bank-bank selepas semua usaha untuk pemulihan dan pengutipan hutang yang lain telah dilaksanakan. Di bawah senario tekanan yang menggabungkan kos pinjaman tambahan dan kejutan perbelanjaan asas, pinjaman terjejas isi rumah mungkin meningkat sedikit berbanding dengan ujian tekanan yang dijalankan sebelum ini. Walau bagaimanapun, kebanyakan isi rumah serta sistem perbankan akan kekal berdaya tahan.

Keuntungan sistem perbankan terus pulih pada separuh pertama tahun 2022 disokong oleh peningkatan dalam pemberian pinjaman dan kos kredit yang lebih rendah. Kedudukan mudah tunai bank-bank yang kukuh, seperti yang dicerminkan dalam Nisbah Perlindungan Mudah Tunai sebanyak 148.3% dan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih sebanyak 118.5%, juga membantu mengekalkan kos pendanaan yang rendah. Hal ini mengekalkan margin faedah bersih meskipun terdapat prospek persaingan yang lebih besar bagi deposit tetap berkos lebih tinggi dan penetapan semula harga deposit disebabkan oleh kenaikan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR). Kos kredit telah menurun sebanyak 24 mata asas sejak bulan Disember 2021 tetapi kekal melebihi paras sebelum pandemik apabila bank-bank terus berwaspada terhadap mula terjadinya kerugian kredit daripada peminjam yang terjejas lebih teruk akibat pandemik COVID-19. Seiring dengan perkembangan ini, bahagian pinjaman di bawah bantuan bayaran balik pinjaman juga telah menurun daripada paras tinggi semasa pandemik kepada hanya 7.2% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan. Nisbah pinjaman terjejas dalam sistem perbankan juga kekal rendah pada 1.8%. Walaupun kadar faedah dan kos sara hidup yang lebih tinggi boleh menyebabkan kemungkiran meningkat bagi sesetengah peminjam pada separuh kedua tahun 2022, peningkatan dalam pinjaman terjejas keseluruhan dijangka sederhana berikutan kegiatan ekonomi yang kembali normal dan keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik. Walau bagaimanapun, peruntukan bank-bank bagi potensi kerugian kredit dijangka terus tinggi sepanjang tahun. Keadaan ini kerana bank-bank terus memantau trend bayaran balik pinjaman bagi peminjam yang telah keluar daripada program bantuan bayaran balik pinjaman sebelum melupuskan peruntukan. Yang penting, penampan modal bank kekal kukuh dengan jumlah nisbah modal sistem perbankan pada 18.0% setakat akhir bulan Jun 2022 dan lebihan penampan modal melebihi keperluan modal pengawalseliaan minimum berjumlah RM122.9 bilion.

Keuntungan keseluruhan dana insurans dan takaful menurun pada separuh pertama tahun 2022 didorong oleh prestasi pelaburan dana insurans hayat dan takaful keluarga yang lebih lemah. Sebaliknya, pendapatan daripada aktiviti pengunderaitan dana insurans hayat dan takaful keluarga meningkat, disokong oleh pertumbuhan perniagaan baharu yang lebih kukuh yang menyebabkan kebanyakan premium pulih ke tahap sebelum pandemik. Perolehan daripada dana insurans dan takaful am terjejas teruk akibat peristiwa banjir besar pada awal tahun 2022 dan tuntutan motor yang lebih tinggi apabila pergerakan kembali kepada keadaan normal. Meskipun terdapat dedahan yang besar kepada risiko pasaran daripada pegangan bon

dan ekuiti mereka, penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operators*, ITO) kekal berdaya tahan terhadap potensi kesan buruk daripada volatiliti pasaran kewangan yang ketara. Prestasi ITO pada masa hadapan juga dijangka mencerminkan keadaan tuntutan yang semakin kembali normal, peningkatan kos tuntutan perubatan dan motor serta berlakunya bencana yang teruk dan kerap seperti banjir yang boleh menjejaskan keuntungan. ITO dijangka kekal berdaya tahan terhadap risiko ini, disokong oleh kedudukan modal yang kukuh. Nisbah kecukupan modal agregat ITO berada pada 224% dengan lebihan penampan modal melebihi keperluan pengawalseliaan minimum sebanyak RM35.8 bilion setakat bulan Jun 2022. Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk mengekalkan rangka kerja modal yang kukuh untuk ITO, Bank telah memulakan kajian semula berbilang fasa terhadap keperluan kecukupan modal untuk ITO.

Penampan bank-bank dan ITO akan terus memelihara daya tahan institusi kewangan terhadap potensi kerugian tidak dijangka, lantas membolehkan mereka menyokong keperluan pembiayaan serta perlindungan isi rumah dan perniagaan semasa kegiatan ekonomi bersambung semula. Hal ini disahkan lagi oleh ujian tekanan Bank yang menggabungkan kejutan tambahan daripada keadaan kewangan global dan domestik yang semakin ketat serta penurunan nilai ringgit. Nisbah modal agregat selepas kejutan setakat akhir tahun 2023 kekal selesa melebihi tahap pengawalseliaan minimum sebanyak 15.4% bagi bank-bank dan 209% bagi ITO.

Usaha memastikan daya tahan operasi dan siber institusi kewangan terus menjadi keutamaan penting bagi Bank dan institusi kewangan. Institusi kewangan sedang memperuntukkan sumber yang besar bagi mengekalkan pertahanan siber dan kawalan risiko teknologi yang kukuh. Berikutan ciri risiko ini yang berubah-ubah, Bank terus bekerjasama rapat dengan industri, agensi utama dan pihak berkuasa undang-undang untuk menangani ancaman baharu dan meningkatkan keupayaan industri kewangan untuk pulih daripada pelbagai insiden operasi. Hal ini termasuk memastikan keupayaan institusi kewangan dan pengendali sistem pembayaran untuk melaksanakan pelan tindak balas insiden siber secara berkesan di bawah ujian simulasi secara langsung. Institusi kewangan juga dikehendaki melaksanakan langkah-langkah tambahan terhadap penipuan perbankan dalam talian. Seiring dengan itu, Bank sedang menyelaraskan usaha dengan industri, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk menambah baik usaha tindak balas dan pemulihan terhadap insiden penipuan serta mendidik orang ramai tentang penggunaan perkhidmatan kewangan digital secara selamat.

Perkembangan Penting pada Separuh Pertama 2022

9 Risiko Pasaran
12 Risiko Kredit
23 Rencana: Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan bagi Tahun 2021
29 Risiko Operasi

Perkembangan Penting pada Separuh Pertama Tahun 2022

RISIKO PASARAN

Keadaan pasaran kewangan domestik kekal teratur meskipun terdapat volatiliti yang ketara dalam pasaran global

Pasaran kewangan Malaysia terus dipengaruhi dengan ketara oleh perkembangan global. Kebimbangan yang semakin meningkat mengenai pertumbuhan global, peningkatan inflasi dan harga komoditi yang tidak menentu menyebabkan keadaan pasaran kewangan global menjadi lebih ketat. Volatiliti pasaran kewangan semakin meningkat disebabkan oleh dasar monetari ekonomi utama yang kembali ke paras wajar dengan lebih cepat daripada jangkaan bagi mengawal inflasi, di samping kemungkinan perang yang berlarutan lebih lama di Ukraine serta risiko gangguan yang berterusan terhadap kegiatan ekonomi akibat sekatan COVID-19 di beberapa negara. Di dalam negeri, tahap tekanan pasaran yang kekal tinggi sejak suku kedua tahun 2022 mencerminkan sentimen penghindaran risiko global disebabkan kenaikan kadar hasil bon global. Walau bagaimanapun, tahap tekanan ini masih lebih rendah berbanding dengan tahap tekanan yang dicatatkan pada permulaan pandemik COVID-19 antara bulan Mac hingga April 2020 (Rajah 1.1).

Pasaran ekuiti domestik menurun seiring dengan negara serantau, mencatatkan kerugian selepas merekodkan keuntungan pada awal tahun 2022 (Rajah 1.2). FBM KLCI susut 142.6 mata sejak awal tahun sehingga kini[1] dengan jumlah permodalan pasaran Bursa Malaysia menurun sebanyak 9.0%. Nilai dan jumlah dagangan pasaran ekuiti domestik telah menurun ke paras sebelum pandemik. Hal ini didorong oleh sentimen pelabur yang lemah dalam pasaran ekuiti berikutan kebimbangan mengenai kemelesetan di ekonomi maju dan tekanan inflasi yang berterusan.

[1] Data setakat 23 September 2022.

Rajah 1.1: Pasaran Kewangan – Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (FMSI)



Nota: FMSI berada pada aras tertinggi sebanyak 28.2% pada permulaan pandemik COVID-19 pada bulan Mac 2020.

Sumber: Bloomberg, Reuters dan anggaran Bank Negara Malaysia

Pelabur institusi domestik kekal sebagai penjual bersih ekuiti domestik berbanding dengan aliran sebelum pandemik (sejak awal tahun sehingga kini: -RM9.7 bilion; purata 2015-2019: +RM8.2 bilion). Hal ini sebahagiannya mencerminkan aktiviti pengambilan untung oleh pelabur institusi domestik berikutan pembelian oleh bukan pemastautin. Walaupun wujud sentimen penghindaran risiko global, pelabur bukan pemastautin mencatatkan aliran masuk bersih ke dalam pasaran ekuiti domestik untuk kali pertama dalam tempoh empat tahun (sejak awal tahun sehingga kini: +RM7.4 bilion). Sebahagian besar aliran ini dicatatkan oleh sektor perkhidmatan kewangan dan perladangan berikutan prospek sektor perbankan yang bertambah baik susulan kenaikan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) mulai bulan Mei serta harga minyak sawit mentah yang lebih tinggi.

Aktiviti perdagangan pelabur runcit berkurang dengan mendadak dan kini mencakupi kira-kira 24% (2021: 35%; purata 2015-2019: 18.5%) daripada jumlah nilai yang didagangkan dalam pasaran ekuiti. Hal ini mungkin disebabkan oleh gabungan beberapa faktor, termasuk

Rajah 1.2: Pasaran Kewangan – Aliran Ekuiti Bukan Pemastautin Kumulatif dan Prestasi Pasaran Ekuiti Domestik



Sumber: Bloomberg

kadar deposit yang semakin meningkat, volatiliti pasaran yang ketara dan perbelanjaan runcit yang bermula kembali susulan pembukaan semula ekonomi. Pada akhir bulan Jun 2022, lebih sedikit daripada 18% aset kewangan isi rumah berada dalam bentuk ekuiti[2] (2019: 20%). Sebahagian besar pelaburan ini tidak dibiayai oleh peminjaman, lantas isi rumah terlindung daripada tekanan berkaitan hutang yang disebabkan oleh perubahan harga ekuiti yang mendadak.

Pelabur institusi domestik terus aktif dalam pasaran bon kerajaan

Aliran portfolio bukan pemastautin dalam pasaran bon kerajaan domestik[3] menjadi negatif mulai suku kedua, sebahagiannya mencerminkan peralihan kepada aset selamat apabila meningkatnya kebimbangan mengenai pertumbuhan global yang lebih perlahan. Hal ini ditambah lagi oleh spread UST-MGS yang semakin mengecil susulan kenaikan kadar yang agresif oleh Federal Reserve Amerika Syarikat (AS). Purata perbezaan kadar hasil antara Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) dengan US Treasuries (UST) mengecil kepada 137 mata asas sejak awal tahun sehingga kini (purata 2015-2019: 166 mata asas). Aliran keluar bersih bukan pemastautin berjumlah RM5.3 bilion sejak awal tahun sehingga kini (Rajah 1.3). Kesannya, bahagian pemegangan bukan pemastautin dalam pasaran bon kerajaan menurun kepada 23% sejak awal tahun sehingga kini (Disember 2021: 25.4%; purata 2015-2019: 27%).

Pelabur institusi domestik seperti bank-bank, institusi kewangan bukan bank (IKBB) serta penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operators*, ITO) terus aktif dalam pasaran bon kerajaan. Bank-bank telah menjadi pembeli bersih bon kerajaan yang terbesar sejak bermulanya pandemik (sejak awal tahun sehingga kini: RM24.2 bilion; Januari-September 2021: RM24.9 bilion). Menjelang akhir tahun 2022, bank-bank akan kembali mematuhi Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) tanpa mengambil kira pemegangan MGS dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Investment Issues, MGII). Walaupun hal ini boleh menyebabkan sedikit perubahan pada permintaan bank-bank terhadap bon kerajaan, keadaan ini dijangka tidak menyebabkan pelarasan yang mengganggu pasaran pembiayaan berikutan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam sistem perbankan. Bon kerajaan Malaysia terus mencatatkan nisbah bida kepada perlindungan yang kukuh, iaitu berpurata sebanyak 2.3 kali (purata 2015-2019: 2.3 kali). Purata jumlah dagangan harian dalam pasaran bon sekunder pula adalah sebanyak RM2.8 bilion (purata 2015-2019: RM3.1 bilion). Hal ini mencerminkan keadaan pasaran yang terus teratur. Keyakinan pelabur terhadap pasaran bon kerajaan Malaysia dijangka berterusan didorong oleh prestasi ekonomi yang kukuh dan prospek penarafan berdaulat yang stabil.[4]

Rajah 1.3: Pasaran Kewangan – Aliran Bon Bukan Pemastautin Kumulatif dan Prestasi Pasaran Bon Domestik



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Pasaran bon korporat juga terus berfungsi dengan lancar dan mengekalkan keadaan pendanaan yang secara relatif stabil untuk sektor perniagaan. Spread kredit antara kertas AAA 10 tahun dengan MGS 10 tahun adalah lebih

[2] Termasuk dana unit amanah berharga tidak tetap yang dilaburkan terutamanya dalam ekuiti.
[3] Merujuk bon dan sukuk kerajaan Malaysia, kecuali dinyatakan sebaliknya.
[4] Fitch (BBB+), Moody's (A3) dan S&P (A-) menunjukkan prospek yang stabil bagi Malaysia. S&P telah menaikkan semula prospek penarafan Malaysia daripada 'negatif' kepada 'stabil' pada bulan Jun 2022 dan pada masa yang sama mengesahkan semula penarafan pada 'A-', susulan prospek negatif selama dua tahun sejak bulan Jun 2020 sewaktu kemuncak pandemik COVID-19.

ketat berbanding dengan purata sebelum pandemik, mencerminkan minat pelabur yang beterusan terhadap bon korporat (purata sejak awal tahun sehingga kini: 46.5 mata asas; purata 2015-2019: 55.4 mata asas). Terbitan bon korporat kasar kekal kukuh meskipun terbitan berada di bawah paras yang dicatatkan pada tempoh yang sama pada tahun 2021 (Januari-Julai 2022: RM60.1 bilion; Januari-Julai 2021: RM63.8 bilion) kerana sesetengah penerbit menangguhkan aktiviti pengumpulan dana berikutan volatiliti yang tinggi dalam kadar hasil bon domestik. Walau bagaimanapun, terbitan dijangka pulih secara beransur-ansur pada masa hadapan berikutan kegiatan ekonomi yang terus kembali normal.

Dolar Amerika Syarikat (AS) telah mengukuh dengan ketara sepanjang tahun ini dan kekal pada paras tertinggi dalam tempoh dua dekad sejak 26 April 2022. Gabungan kenaikan kadar dasar yang agresif di AS, peralihan kepada aset dolar AS yang dianggap selamat susulan konflik ketenteraan di Ukraine serta prospek pertumbuhan global yang lebih sederhana telah memberikan kesan pada kebanyakan mata wang pasaran utama dan pasaran sedang pesat membangun, termasuk ringgit. Sejak awal tahun sehingga kini, nilai ringgit menurun sebanyak 8.6% berbanding dengan dolar AS. Penurunan nilai ini sejajar dengan mata wang utama dan serantau lain,[5] yang menurun nilai antara -4.8% hingga -19.1% berbanding dengan dolar AS. Berbanding dengan rakan-rakan perdagangan utama yang lain, ringgit kekal stabil secara keseluruhan seperti yang dicerminkan oleh penambahan nilai Kadar Pertukaran Efektif Nominal[6] yang marginal, iaitu sebanyak 0.2%. Walaupun ringgit menurun nilai berbanding dengan dolar AS, pelarasan dalam pasaran pertukaran asing dalam negeri kekal teratur, dengan purata volatiliti tersirat USD/MYR 1 bulan berada pada 4.2%, iaitu lebih rendah daripada purata yang pernah dicatatkan baru-baru ini (2021: 4.3%; purata 2015-2019: 6.5%). Jumlah perdagangan pasaran pertukaran asing domestik juga terus kukuh, dengan purata jumlah dagangan harian sebanyak USD13.3 bilion (2021: USD11.2 bilion). Keadaan ini dijangka memastikan pasaran pertukaran asing domestik terus memberikan sokongan kepada perniagaan dan peserta pasaran bagi menguruskan dedahan pertukaran asing mereka.

Pemberhentian Kadar Tawaran Antara Bank London (London Interbank Offered Rate, LIBOR) bukan USD secara global dan tetapan LIBOR USD 1 minggu dan 2 bulan pada 31 Disember 2021 berlaku tanpa gangguan pasaran. Sejak tarikh itu, dedahan legasi LIBOR bagi tetapan ini telah beralih kepada kadar alternatif,[7] manakala 72% daripada kontrak legasi telah berjaya merangkumkan peruntukan sandaran pada bulan Jun 2022. Dedahan industri perbankan Malaysia terhadap LIBOR terus menurun (Jun 2022: RM744 bilion; Disember 2021: RM876 bilion) apabila industri telah mencapai kemajuan yang berterusan dalam peralihan pada kadar bebas risiko (*risk-free rates*, RFR) alternatif. Bank-bank Malaysia mula mendagangkan derivatif Kadar Pembiayaan Semalaman Bercagar sejak akhir tahun 2021 dan bersedia menyokong permintaan yang semakin bertambah bagi pinjaman yang merujuk RFR. Peralihan baki dedahan LIBOR USD dijangka berjalan lancar menjelang bulan Jun 2023, dengan bank-bank giat melaksanakan libat urus dengan pelanggan bagi menguruskan risiko peralihan yang mungkin berlaku.

[5] Yen Jepun, dolar Singapura, baht Thailand, peso Filipina, rupiah Indonesia dan dong Vietnam.

[6] Merujuk purata berwajaran mata wang negara asal dibandingkan dengan mata wang rakan-rakan perdagangan utama.

[7] Sebagai contoh, kadar bebas risiko dan kos dana.

RISIKO KREDIT

Prestasi perniagaan terus pulih, tetapi keadaan kekal mencabar bagi beberapa sektor berikutan peningkatan kos input dan kekurangan tenaga kerja

Persekitaran operasi perniagaan semakin pulih pada separuh pertama tahun 2022 apabila Malaysia beralih ke fasa endemik. Perniagaan dibenarkan beroperasi pada kapasiti penuh. Kebanyakan syarikat, khususnya sektor perdagangan borong dan runcit mencatatkan prestasi yang kukuh pada suku kedua tahun 2022, disokong oleh peningkatan mendadak perbelanjaan berkaitan perayaan dan langkah-langkah bantuan COVID-19. Pembukaan semula sempadan antarabangsa sejak 1 April 2022 juga menyokong pemulihan sektor berkaitan pelancongan. Kadar penghunian hotel juga pulih daripada paras rendahnya sebanyak 11% pada suku kedua tahun 2020 kepada 46.6% pada suku kedua tahun 2022 (S4 2021: 49.9%; purata 2019: 56.6%). Prestasi kewangan sektor perniagaan kekal melebihi purata sebelum pandemik, dengan median nisbah perlindungan faedah (*interest coverage ratio*, ICR)[8] dan margin operasi masing-masing pada 7.1 kali dan 7.3% (S4 2021: 7.1 kali dan 7.4%; purata 2015-2019: 6.2 kali dan 6.6%) (Rajah 1.4). Syarikat terus menyimpan penampan mudah tunai bagi menangani ketidakpastian perniagaan, dengan agregat nisbah tunai kepada hutang jangka pendek (*cash-to-short-term debt ratio*, CASTD)[9] kekal tinggi.

Rajah 1.4: Sektor Perniagaan – Penunjuk Prestasi Kewangan Utama



a Awalan

Nota: Paras ambang kehematan bagi nisbah perlindungan faedah dan nisbah tunai kepada hutang jangka pendek masing-masing adalah dua kali dan satu kali.

Sumber: S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 1.5: Sektor Perniagaan – Syarikat yang Berisiko bagi Sektor Terpilih



a Awalan

Sumber: S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

Walau bagaimanapun, tahap agregat yang bertambah baik menyembunyikan pemulihan yang tidak sekata dalam sektor tertentu. Bahagian keseluruhan syarikat berisiko[10] stabil (S2 2022: 24.1%; S4 2021: 24.7%). Namun, bahagian tersebut kekal melebihi purata sebelum pandemik bagi sektor hotel dan restoran, pembinaan serta harta tanah (Rajah 1.5). Hal ini mencerminkan cabaran berterusan yang dihadapi oleh syarikat dalam sektor-sektor ini. Libat urus dengan syarikat-syarikat menunjukkan bahawa isu utama berkaitan kos input yang meningkat dan kekurangan tenaga kerja menjadi semakin ketara sejak awal tahun 2022. Kekurangan tenaga kerja telah sedikit menjejaskan pendapatan dan kedudukan kewangan syarikat, terutamanya dalam kalangan syarikat kecil sektor pembinaan, kelapa sawit dan aktiviti perkilangan terpilih (seperti produk elektrik dan elektronik, plastik, bahan kimia dan produk kimia). Pelaksanaan gaji minimum yang lebih tinggi pada bulan Mei 2022 juga telah menambahkan tekanan terhadap kos operasi syarikat. Bagi sektor harta tanah komersial, keadaan lebihan bekalan sedia ada dan permintaan yang lemah terus memberikan tekanan pada kadar kekosongan serta penyewaan ruang pejabat dan ruang niaga. Meskipun menghadapi

[8] Paras ambang kehematan bagi ICR ialah dua kali.

[9] Paras ambang kehematan bagi CASTD ialah satu kali.

[10] Syarikat berisiko ditakrifkan sebagai syarikat bukan kewangan yang tersenarai dengan ICR di bawah paras ambang kehematan sebanyak dua kali.

cabaran, prestasi kewangan dan keupayaan membayar balik hutang syarikat dalam sektor-sektor ini secara amnya berdaya tahan (Rajah 1.6). Hal ini disokong oleh penampan kewangan yang terkumpul sejak beberapa tahun dan strategi pengurusan inventori yang proaktif, terutamanya dalam kalangan syarikat yang lebih besar. Walau bagaimanapun, bank-bank terus mengekalkan tahap kewaspadaan yang tinggi terhadap prestasi pinjaman perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan dedahan syarikat besar yang mempunyai kedudukan kewangan yang lebih lemah. Tindakan ini termasuk memperhebat pemantauan dan libat urus dengan peminjam serta pengelasan pinjaman dan amalan peruntukan yang proaktif bagi menguruskan potensi risiko kredit yang timbul daripada dedahan tersebut.

Rajah 1.6: Sektor Perniagaan – Penunjuk Margin Operasi dan Keupayaan Membayar Balik Hutang bagi Sektor Terpilih



a Awalan

Nota: 1. Paras ambang kehematan bagi nisbah perlindungan faedah adalah dua kali.
2. [...%] merujuk pinjaman kepada sektor sebagai bahagian daripada jumlah pinjaman sistem perbankan.

Sumber: S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

Kebanyakan PKS yang telah keluar daripada bantuan bayaran balik pinjaman telah kembali menyambung bayaran balik pinjaman mereka

Memandangkan penampan tunai yang lebih kecil dan margin keuntungan yang lebih rendah berbanding dengan syarikat yang lebih besar, PKS terus mencakupi bahagian terbesar (94%) syarikat yang mendapat manfaat daripada bantuan bayaran balik pinjaman.[11]

[11] Merujuk semua jenis bantuan bayaran balik pinjaman bagi PKS termasuk pakej khusus daripada bank-bank serta penjadualan semula dan penstrukturan semula (*rescheduling and restructuring*, R&R).

Walau bagaimanapun, pinjaman PKS di bawah bantuan bayaran balik pinjaman telah berkurang sehingga separuh selepas program PEMULIH tamat. Setakat bulan Jun 2022, 13.1% daripada jumlah pinjaman PKS (atau 2.3% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP)) kekal di bawah bantuan bayaran balik pinjaman (Rajah 1.7). Kebanyakan PKS yang keluar daripada program bantuan bayaran balik pinjaman telah mampu menyambung semula bayaran balik pinjaman mereka. Hanya sebilangan kecil akaun (sebanyak 7% atau kurang 1% daripada jumlah nilai pinjaman PKS terkumpul) yang keluar daripada bantuan bayaran balik pinjaman sejak bulan Disember 2021 lewat membuat bayaran balik pinjaman. Daripada jumlah ini, kurang 2% menjadi pinjaman terjejas (0.3% daripada jumlah nilai pinjaman PKS terkumpul) manakala akaun selebihnya secara am layak mendapat bantuan bayaran balik pinjaman selanjutnya menerusi pelbagai program pengurusan hutang yang tersedia termasuk yang ditawarkan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dengan sokongan bank-bank. Memandangkan program-program ini lebih bersasar, risiko yang dikaitkan dengan bank-bank yang menyokong peminjam tidak berdaya maju dari segi kewangan juga rendah kerana bank-bank dapat menilai keadaan kewangan peminjam. Bank Negara Malaysia juga mendapati tiada amalan *evergreening of loans*[12] oleh bank-bank yang boleh meningkatkan risiko pada masa hadapan.

Rajah 1.7: Sektor Perniagaan – Bahagian Pinjaman yang Menjalani Penjadualan dan Penstrukturan Semula Mengikut Segmen



Sumber: Bank Negara Malaysia

[12] Ditakrifkan sebagai pelanjutan tempoh peminjaman kepada syarikat yang berpotensi tidak berdaya maju tanpa mengelaskan pinjaman sebagai tidak berbayar.

Peminjam berdaya maju terus mendapat akses kepada pembiayaan

Pertumbuhan pinjaman perniagaan terus pulih sejajar dengan prospek perniagaan yang bertambah baik. Pinjaman perniagaan terkumpul[13] pada separuh pertama tahun 2022 berkembang sebanyak 5.5% (Disember 2021: 4.8%) pada asas tahunan, didorong sebahagian besarnya oleh permintaan yang berterusan untuk modal kerja. Pertumbuhan tahunan pengeluaran pinjaman kekal ketara lebih tinggi melebihi purata sebelum pandemik (ST1 2022: 23.6%; 2021: 27.1%; purata 2015-2019: 2.5%). Hal ini mencerminkan keperluan modal kerja yang lebih tinggi berikutan aktiviti perniagaan yang lebih kukuh dan tekanan kos yang meningkat. Pinjaman terkumpul bagi PKS juga meningkat dengan lebih pantas sebanyak 7.5% (Disember 2021: 4.9%), dilengkapi oleh kemudahan yang terus tersedia di bawah Dana BNM untuk PKS.[14] Secara keseluruhan, kadar kelulusan pembiayaan PKS sedang pulih ke paras sebelum pandemik (Jun 2022: 80.2%; Disember 2021: 78.7%; purata 2015-2019: 82.8%) apabila bank-bank dapat menilai kelayakan kredit peminjam PKS dengan lebih baik berikutan peralihan kepada program bantuan bayaran balik pinjaman yang lebih bersasar. Sementara itu, syarikat-syarikat yang lebih besar dengan kewangan yang kukuh terus mendapatkan pendanaan menerusi pasaran bon korporat. Walau bagaimanapun, terbitan bon korporat[15] menurun pada separuh pertama tahun 2022 (-7.6%; Jun 2021: +0.4%), sebahagian besarnya disebabkan oleh kadar hasil bon domestik yang tidak menentu. Hutang luar negeri syarikat korporat tidak mencatatkan peningkatan yang ketara berbanding dengan bulan Disember 2021 kerana syarikat korporat terus berwaspada dengan perkembangan persekitaran luaran. Secara agregat, nisbah hutang korporat bukan kewangan kepada KDNK menurun hingga 104.4% (Disember 2021: 109.7%) disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan KDNK yang lebih kukuh.

Pinjaman terjejas perniagaan meningkat sedikit tetapi kekal rendah pada 1.1% (Disember 2021: 1.0%; purata 2015-2019: 1.0%) daripada jumlah pinjaman sistem perbankan atau 3.0% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan kepada perniagaan (Rajah 1.8). Peningkatan ini didorong terutamanya oleh peminjam dalam sektor pembinaan, perlombongan dan pengkuarian, serta sektor perdagangan borong dan runcit. Seperti yang dijangka, PKS menghadapi lebih banyak cabaran untuk membayar balik obligasi hutang mereka memandangkan penampan mereka yang lebih kecil. Walau bagaimanapun, penunjuk berpandangan ke hadapan bank-bank menunjukkan bahawa pinjaman terjejas perniagaan keseluruhan yang selanjutnya secara relatif adalah dibendung. Bahagian pinjaman perniagaan yang mempunyai risiko kredit yang meningkat[16] terus menurun (Jun 2022: 14.4%; Disember 2021: 16.2%; Disember 2019: 11.4%) sejajar dengan keadaan perniagaan yang bertambah baik secara beransur-ansur. Risiko daripada hutang luar negeri syarikat korporat bukan kewangan juga kekal terurus dengan sebahagian besar (74%) dedahan tersebut mempunyai tempoh matang jangka sederhana hingga jangka panjang melebihi satu tahun. Selain itu, analisis terhadap syarikat korporat yang mempunyai peminjaman luaran yang besar[17] menunjukkan bahawa kebanyakan peminjaman tersebut dilindung nilai secara semula jadi atau dari segi kewangan. Sebanyak 15% daripada dedahan luaran utama syarikat korporat mungkin lebih mudah terjejas oleh volatiliti kadar pertukaran. Walau bagaimanapun, para peminjam ini mempunyai hutang dalam negeri yang minimum (kurang 1% daripada pinjaman dan sekuriti hutang sistem perbankan domestik) lantas mengehadkan risiko langsung terhadap kestabilan kewangan domestik.

Rajah 1.8: Sektor Perniagaan – Pinjaman Terjejas Kasar



Nota: Data pinjaman/pembiayaan yang digunakan adalah berdasarkan keperluan pelaporan statistik yang dikemas kini untuk mencerminkan takrifan data dan metodologi pelaporan yang lebih tepat. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[13] Merujuk pinjaman dan pembiayaan daripada sistem perbankan dan IKP. Data pinjaman/pembiayaan yang digunakan adalah berdasarkan keperluan pelaporan statistik yang dikemas kini untuk mencerminkan takrifan data dan metodologi pelaporan yang lebih tepat. Oleh itu, data mungkin tidak boleh dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.

[14] Kira-kira RM9.1 bilion (daripada jumlah peruntukan sebanyak RM31.1 bilion) kekal tersedia pada akhir bulan Jun 2022.

[15] Merujuk bon dan sukuk, termasuk kertas jangka pendek, kecuali dinyatakan sebaliknya. Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas, institusi kewangan dan bukan pemastautin.

[16] Dikelaskan sebagai pinjaman Tahap 2 di bawah Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (Malaysian Financial Reporting Standard 9, MFRS 9).

[17] Terdiri daripada kira-kira 90% peminjaman luaran bagi syarikat korporat, tidak termasuk pinjaman antara syarikat dan dedahan kredit dagangan.

Perniagaan dijangka terus menghadapi rintangan, terutamanya daripada kebimbangan berterusan terhadap gangguan dari segi bekalan, kos input yang lebih tinggi dan keadaan kewangan global yang semakin ketat. Menyedari cabaran ini, Bank telah menjalankan analisis sensitiviti[18] tentang kesan keadaan kewangan yang semakin ketat dan penurunan nilai ringgit terhadap pinjaman perniagaan. Apabila analisis sensitiviti ini digunakan pada ujian tekanan Bank sebelum ini, pinjaman terjejas perniagaan (termasuk PKS) boleh meningkat hingga 6.9% daripada pinjaman perniagaan (atau 2.5% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan) menjelang akhir tahun 2023[19] di bawah senario buruk yang lebih melampau.[20] Hasil analisis ini kekal dalam jangkaan ujian tekanan institusi perbankan dan keupayaan penampan untuk menyerap kerugian, seperti yang ditunjukkan oleh nisbah modal selepas kejutan bagi sistem perbankan iaitu sebanyak 15.4% pada akhir tahun 2023. Penunjuk risiko mungkir syarikat korporat[21] juga terus bertambah baik, dengan kebarangkalian berlakunya mungkir bagi syarikat yang berada pada kedudukan median terus menurun pada suku kedua tahun 2022 (0.17%; S4 2021: 0.22%; purata 2015-2019: 0.15%). Skim jaminan kredit sedia ada[22] dan program bantuan bayaran balik pinjaman yang sedang dijalankan oleh bank-bank akan terus menyokong peminjam berdaya maju. Mekanisme penyelesaian hutang[23] seperti Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (Small Debt Resolution Scheme, SDRS)[24] dan Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat (Corporate Debt Restructuring Committee, CDRC) menyediakan pilihan penstrukturan semula luar mahkamah bagi syarikat berdaya maju yang menghadapi kesukaran, meskipun bilangan kes yang dikendalikan melalui mekanisme ini kekal rendah.

Hal ini sebahagiannya disebabkan oleh keupayaan bank-bank yang telah bertambah baik sejak Krisis Kewangan Asia untuk menguruskan dan menyelesaikan hutang berbilang pemberi pinjaman. Selain itu, bank-bank telah meningkatkan keupayaan operasi mereka dengan ketara untuk menyokong bantuan balik pinjaman yang disesuaikan bagi peminjam mereka dengan memanfaatkan pengalaman mereka semasa pandemik.

Walaupun usaha penyelesaian hutang terus didorong terutamanya oleh bank-bank, rangka kerja penyelesaian hutang yang mantap dapat memainkan peranan penting di bawah keadaan tekanan yang lebih meluas untuk mengurangkan jurang ketaksolvenan dan memberikan bantuan penting kepada syarikat berdaya maju yang menghadapi kesukaran. Faktor utama rangka kerja sedemikian ialah mekanisme penyelamatan (*rescue mechanism*) syarikat korporat melalui penyelesaian di luar mahkamah dan penyelesaian yang dibenarkan oleh mahkamah yang dapat:

i. Membantu memulihkan kedudukan kewangan dan aliran tunai serta mengelakkan kegagalan pramatang peminjam yang berdaya maju;
ii. Meningkatkan kepantasan dan nilai pemulihan hutang; dan
iii. Mengurangkan potensi kerugian institusi kewangan yang boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan prospek pemulihan dengan teruk.

Oleh itu, adalah sangat penting untuk mempercepat usaha penambahbaikan perundangan bagi Akta Syarikat 2016[25] dan meningkatkan usaha bagi memudahkan proses pelupusan syarikat perniagaan yang lebih kecil.

[18] Analisis sensitiviti ini mengandaikan keadaan kewangan yang semakin diperketat, termasuk penurunan nilai ringgit hingga 10% dan peningkatan purata kadar hasil bon korporat hingga lebih 200 mata asas. Rujuk bahagian 'Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan – Sektor Perbankan' untuk keterangan lanjut.

[19] Ujian tekanan sebelum ini: Hingga 6.2% daripada dedahan pinjaman perniagaan (2.2% daripada jumlah dedahan bank) mungkin berisiko untuk mungkir menjelang akhir tahun 2023.

[20] Rujuk bahagian 'Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua 2021 BNM untuk keterangan lanjut.

[21] Seperti yang direkodkan oleh penunjuk Bloomberg Default Risk yang mengukur kebarangkalian kemungkiran dalam tempoh satu tahun untuk sampel syarikat yang tersenarai dalam Bursa Malaysia. Penunjuk ini adalah berdasarkan ukuran jarak kemungkiran (*distance-to-default*) Merton, berserta dengan faktor tambahan yang berkaitan dengan ekonomi dan statistik.

[22] Jaminan kredit oleh Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad dan Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad.

[23] Rujuk Rencana 'Mekanisme Penyelesaian Hutang bagi Perniagaan Berdaya Maju yang Menghadapi Kesukaran Kewangan Sementara' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua 2020 BNM untuk keterangan lanjut.

[24] SDRS telah membantu lebih 1,500 PKS dengan pembiayaan berjumlah RM2.4 bilion di bawah R&R sejak tahun 2003.

[25] Suruhanjaya Syarikat Malaysia telah menerbitkan dokumen rundingan berhubung dengan Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2020 yang akan memperluas rangkuman syarikat yang akan mendapat manfaat daripada mekanisme penyelamatan ini dan pada masa yang sama menerapkan perlindungan yang secukupnya terhadap kemungkinan mekanisme ini disalahgunakan.

Keadaan pendapatan dan pekerjaan yang bertambah baik menyokong daya tahan isi rumah yang berterusan, namun risiko masih berlarutan bagi beberapa segmen

Pemberian pinjaman kepada isi rumah terus pulih daripada gangguan yang diakibatkan oleh pandemik. Berdasarkan pertumbuhan tahunan, hutang isi rumah[26] berkembang pada kadar yang lebih cepat (5.5%; Disember 2021: 4.1%) pada separuh pertama tahun 2022. Trend suku tahun ke suku tahun juga menunjukkan pemulihan yang berterusan (Rajah 1.9). Pinjaman bagi pembelian harta kediaman dan kenderaan merupakan pendorong utama bagi pertumbuhan hutang isi rumah, sejajar dengan keadaan pendapatan dan pekerjaan yang bertambah baik (Rajah 1.10). Langkah-langkah dasar oleh Kerajaan[27] telah menggalakkan lagi pembelian rumah dan kenderaan apabila kegiatan ekonomi bersambung semula dan Malaysia beralih ke fasa endemik. Nisbah hutang isi rumah kepada KDNK telah kembali menghampiri paras sebelum pandemik pada 84.5% (Disember 2021: 89.1%; 2019: 82.8%), selaras dengan piawaian pemberian pinjaman yang pada amnya kekal berhemat, terutamanya dalam kalangan bank-bank (Rajah 1.11). Kesannya, hutang isi rumah berkembang pada kadar yang lebih sederhana berbanding dengan pertumbuhan kukuh KDNK nominal yang dicatatkan pada separuh pertama tahun 2022.

Rajah 1.9: Sektor Isi Rumah – Pertumbuhan Hutang Suku Tahunan



Nota: Data pinjaman/pembiayaan yang digunakan adalah berdasarkan keperluan pelaporan statistik yang dikemas kini untuk mencerminkan takrifan data dan metodologi pelaporan yang lebih tepat. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.10: Sektor Isi Rumah – Komposisi Hutang Mengikut Tujuan



Nota: 1. Data pinjaman/pembiayaan yang digunakan adalah berdasarkan keperluan pelaporan statistik yang dikemas kini untuk mencerminkan takrifan data dan metodologi pelaporan yang lebih tepat. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.
2. Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.11: Sektor Isi Rumah – Nisbah Utama



Nota: Data pinjaman/pembiayaan yang digunakan adalah berdasarkan keperluan pelaporan statistik yang dikemas kini untuk mencerminkan takrifan data dan metodologi pelaporan yang lebih tepat. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

[26] Pinjaman yang diberikan oleh bank-bank dan institusi kewangan bukan bank.

[27] Langkah-langkah ini termasuk pengecualian duti setem yang diumumkan dalam Bajet 2021 untuk pembeli rumah kali pertama bagi harta tanah yang berharga hingga RM500,000 mulai 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2025 serta pengecualian cukai jualan dan perkhidmatan bagi pembelian kenderaan bermotor yang dilanjutkan hingga bulan Jun 2022.

Bank-bank terus menyokong pemberian pinjaman kepada isi rumah pada separuh pertama tahun 2022 (pertumbuhan pinjaman terkumpul: 5.8%; Disember 2021: 4.3%). Median nisbah hutang kepada pendapatan[28] (*debt-to-income*, DTI) bagi keseluruhan isi rumah hanya meningkat sedikit pada tempoh pandemik meskipun terdapat kejutan pendapatan dan bantuan bayaran balik pinjaman yang berskala besar yang diberikan oleh bank-bank (Jun 2022: 1.5 kali; Disember 2019: 1.4 kali). Keadaan ini konsisten merentas seluruh kumpulan pendapatan (Rajah 1.12) dan menyokong pemerhatian penyeliaan terhadap piawaian pemberian pinjaman oleh bank-bank yang kekal kukuh serta tingkah laku peminjaman yang lebih berhati-hati semasa pandemik. Ukuran-ukuran lain bagi keupayaan membayar balik hutang juga terus berhemat. Median nisbah khidmat hutang (*debt service ratio*, DSR) bagi pinjaman isi rumah yang baru diluluskan dan pinjaman terkumpul masing-masing berada pada 43% dan 35%, lantas mengekalkan penampan yang kukuh bagi bayaran balik pinjaman. Bahagian peminjam yang lebih berisiko dengan DSR melebihi 60% kekal stabil sebanyak 24% daripada jumlah peminjam isi rumah (atau 32.6% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan). Kebanyakan (67%) daripada hutang ini berkaitan dengan peminjam yang berpendapatan lebih RM5,000 sebulan, dengan nisbah pinjaman terjejas[29] yang rendah (1.3%; Disember 2021: 1.2%). Walau bagaimanapun, bank-bank berwaspada terhadap kemungkinan berlakunya kesan kerosakan jangka panjang akibat pandemik yang boleh menyebabkan pinjaman terjejas menjadi lebih tinggi. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh perubahan struktur dalam pasaran pekerjaan atau prospek pertumbuhan yang tidak sekata dalam sektor ekonomi tertentu. Ujian tekanan yang dijalankan oleh Bank mengesahkan bahawa sistem perbankan mempunyai daya tahan terhadap senario penampan kewangan isi rumah yang sedia ada berkurang secara beransur-ansur, lantas mengehadkan risiko kestabilan kewangan.[30]

Rajah 1.12: Sektor Isi Rumah - Median Nisbah Hutang kepada Pendapatan Mengikut Kumpulan Pendapatan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Bank juga terus berwaspada terhadap sumber risiko kredit yang baharu, termasuk perkembangan berkaitan dengan skim beli sekarang bayar kemudian (*buy-now-pay-later*, BNPL). Walaupun skim BNPL telah mengalami pertumbuhan yang pesat, data yang tersedia menunjukkan bahawa dedahan isi rumah kepada beberapa pemberi pinjaman BNPL terbesar pada masa ini adalah masih kecil berbanding dengan jumlah pemberian pinjaman isi rumah (kurang 0.1%). Pada masa ini, skim BNPL ditawarkan terutamanya oleh penyedia bukan bank, meskipun beberapa bank baru-baru ini juga menyediakan skim tersebut untuk pelanggan mereka, sama ada secara langsung atau melalui kerjasama dengan pemberi pinjaman BNPL utama. Bank-bank yang terlibat dalam aktiviti BNPL dikehendaki menjalankan penilaian kemampuan pinjaman mengikut keperluan pemberian pinjaman secara bertanggungjawab yang sedia ada. Tindakan ini adalah untuk tidak menggalakkan pengguna, khususnya isi rumah yang lebih mudah terjejas, membuat pembelian menggunakan wang pinjaman yang tidak mampu dibayar balik. Di luar sistem perbankan, penyedia BNPL pada masa ini tidak tertakluk pada pengawalseliaan yang formal. Hal ini sedang diselesaikan sebagai sebahagian daripada pembaharuan yang lebih meluas terhadap rangka kerja pengawalseliaan bagi penyedia kredit pengguna menerusi cadangan penggubalan Akta Kredit Pengguna yang dijadualkan untuk pembentangan di Parlimen pada tahun 2023. Di bawah Akta yang dicadangkan ini, penyedia kredit bukan bank, termasuk penyedia BNPL, akan tertakluk pada keperluan pengawalseliaan yang

[28] DTI ialah ukuran leveraj keseluruhan peminjam. DTI dikira bagi setiap peminjam dengan mengambil nisbah semua hutang terkumpul peminjam kepada pendapatan tahunan kasar mereka. Nisbah DTI ialah penunjuk baharu yang dikira menggunakan data yang terperinci pada peringkat peminjam. Nisbah DTI ini menggantikan nisbah leveraj isi rumah dahulu yang berdasarkan kaji selidik terhadap bank-bank.

[29] Nisbah pinjaman terjejas merujuk pinjaman Tahap 3 berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (Malaysian Financial Reporting Standard 9, MFRS 9).

[30] Rujuk bahagian 'Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua 2021 BNM untuk keterangan lanjut.

sewajarnya bagi mengukuhkan perlindungan yang diberikan kepada pengguna kredit. Hal ini termasuk piawaian dan keperluan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab mengenai layanan adil kepada pengguna, selaras dengan piawaian dan keperluan yang dikenakan terhadap bank-bank pada masa ini.

Risiko kredit yang berkaitan dengan hutang perumahan (yang mencakupi hampir 60% daripada hutang isi rumah) kekal terurus. Median nisbah pinjaman kepada nilai (*loan-to-value*, LTV) pinjaman perumahan terkumpul kekal stabil pada 65.3% (Disember 2021: 65.2%). Hal ini menyediakan penampan yang mencukupi bagi bank-bank dan peminjam terhadap penurunan harga rumah, meskipun risiko keadaan ini berlaku telah reda berikutan pemulihan dalam aktiviti pasaran perumahan (rujuk Rencana 'Perkembangan Pasaran Harta Kediaman'). Pemilik rumah[31] yang mempunyai insentif yang lebih besar untuk membayar balik pinjaman mereka (berbanding dengan pelabur isi rumah) terus mendorong pertumbuhan hutang perumahan, mencakupi lebih dua pertiga daripada peningkatan hutang perumahan. Seperti tempoh sebelumnya, lebih separuh (58%) daripada akaun pinjaman perumahan yang baru diluluskan adalah kepada pembeli rumah kali pertama dan sebahagian besarnya mempunyai margin pembiayaan yang lebih tinggi (lebih 90% daripada nilai harta tanah ketika pinjaman dibuat). Bagi menyahut saranan supaya bank-bank menyokong matlamat pemilikan rumah, sebahagian besar peminjam ini adalah daripada golongan yang berpendapatan lebih rendah. Hal ini boleh meningkatkan kerugian bank-bank dan akses kewangan peminjam tersebut akan terus terjejas pada masa hadapan sekiranya berlaku kemungkiran. Penilaian kemampuan membayar balik pinjaman yang berhemat oleh bank-bank serta jaminan gadai janji[32] terus mengurangkan risiko-risiko ini dengan ketara. Beberapa bank telah memperkukuh penilaian kemampuan pinjaman untuk mengambil kira prospek kenaikan kadar faedah. Hasilnya, median DSR yang dikaitkan dengan pinjaman perumahan yang baru diluluskan menunjukkan trend yang lebih rendah daripada paras yang dicatatkan sebelum pandemik (51%; purata 2015-2019: 54.8%). Hal ini akan meningkatkan lagi penampan bayaran balik hutang.

Meskipun persekitaran kadar faedah yang paling rendah dicatatkan, pelaburan dalam pasaran perumahan yang dibiayai oleh peminjaman bank-bank tidak meningkat dengan ketara. Pertumbuhan dedahan pinjaman perumahan bank kepada pemilik rumah terus mengatasi pelabur isi rumah[33] (masing-masing 8.0% dan 5.6%; Disember 2021: 7.5% dan 5.8%). Berbanding dengan pemilik rumah, pelabur isi rumah secara amnya menunjukkan risiko kredit yang lebih tinggi kerana mereka lebih cenderung untuk mungkir jika gadai janji mereka mengalami ekuiti negatif atau ialah pendapatan sewaan mereka terjejas. Bukti berkaitan perkara ini adalah terhad, disebabkan terutamanya oleh piawaian pemberian pinjaman oleh bank-bank. Pelabur isi rumah sebahagian besarnya ialah peminjam berpendapatan melebihi RM5,000 sebulan dan lebih berupaya menghadapi kejutan pendapatan. Bank-bank juga kekal berhemat apabila memberikan pinjaman kepada segmen peminjam ini dengan menggunakan nisbah LTV yang lebih rendah berbanding dengan pemilik rumah. Lebih separuh (53%) pinjaman kepada pelabur isi rumah mempunyai nisbah LTV bawah 90% (berbanding dengan 36% pinjaman kepada pemilik rumah). Faktor-faktor ini terus menyokong kemantapan kualiti dedahan pinjaman pelabur isi rumah. Kebanyakan dedahan kepada pelabur isi rumah sebahagian besarnya terus berbayar dengan hanya 1.2% dedahan tersebut dilaporkan berada pada kedudukan ekuiti negatif.

Kualiti peminjaman isi rumah kekal kukuh dalam keadaan bantuan bayaran balik pinjaman yang ditamatkan secara beransur-ansur dan OPR yang kembali ke paras wajar

Bahagian hutang isi rumah di bawah program bantuan bayaran balik pinjaman menurun dengan ketara pada separuh pertama tahun 2022 kepada 2.4% (Disember 2021: 18.8%) daripada pinjaman terkumpul sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP). Sebahagian besar peminjam yang keluar daripada program bantuan bayaran balik pinjaman telah menyambung semula

[31] Diwakili oleh peminjam individu yang mempunyai satu pinjaman perumahan.
[32] Skim yang ditawarkan oleh Skim Rumah Pertamaku oleh Cagamas Berhad dan Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP).
[33] Pelabur isi rumah merujuk peminjam individu yang mempunyai lebih daripada satu pinjaman perumahan.

bayaran balik pinjaman mereka berikutan keadaan pekerjaan dan ekonomi yang bertambah baik. Bahagian pinjaman isi rumah yang dikelaskan oleh bank-bank sebagai mempunyai risiko kredit yang lebih tinggi (pinjaman Tahap 2) juga terus menurun kepada 7.9% (Disember 2021: 8.5%). Bahagian pinjaman Tahap 2 dijangka terus bertambah baik sepanjang tahun 2022 apabila lebih banyak peminjam yang keluar daripada program bantuan bayaran balik pinjaman menamatkan tempoh "pemerhatian" minimum untuk bayaran balik pinjaman (lazimnya selama enam bulan, dengan beberapa bank menjalankan tempoh pemerhatian selama 12 hingga 24 bulan) sebelum bank-bank mengelaskan semula pinjaman tersebut kepada Tahap 1 (risiko kredit rendah). Hanya sebahagian kecil peminjam masih menghadapi cabaran dalam membayar balik pinjaman mereka, lantas menyebabkan peningkatan sedikit bagi nisbah pinjaman terjejas dan delinkuen,[34] masing-masing kepada 1.2% dan 0.6% (Rajah 1.13). Peningkatan ini sejajar dengan jangkaan bagi tahun 2022 dan mencerminkan terutamanya bantuan bayaran balik pinjaman yang ditamatkan serta pemulihan ekonomi yang tidak sekata. Walaupun sesetengah peminjam juga mungkin menghadapi tekanan tambahan daripada kenaikan kos peminjaman dan kos sara hidup yang meningkat, keadaan ini dijangka tidak akan menjejaskan dengan ketara prospek pinjaman terjejas memandangkan penampan bayaran balik hutang yang tersedia. Walau bagaimanapun, peminjam yang masih berada dalam program bantuan bayaran balik pinjaman, yang sebahagian besarnya telah berada di bawah tempoh bantuan yang panjang, mungkin menimbulkan risiko yang lebih tinggi. Bank-bank telah membuat peruntukan yang mencukupi untuk pinjaman-pinjaman ini, termasuk melalui pertimbangan pengurusan *(management overlay)*. Kebanyakan bank dijangka mengekalkan amalan penetapan tahap pinjaman dan peruntukan yang konservatif bagi baki tempoh tahun 2022 apabila mereka terus memantau trend bayaran balik pinjaman bagi peminjam yang telah keluar daripada program bantuan bayaran balik pinjaman (rujuk bahagian 'Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan – Sektor Perbankan' untuk keterangan lanjut).

[34] Nisbah delinkuen berdasarkan pinjaman dengan tunggakan selama dua bulan.

Rajah 1.13: Sektor Isi Rumah – Nisbah Pinjaman Terjejas dan Delinkuen dalam Sistem Perbankan



Nota: Data pinjaman/pembiayaan yang digunakan adalah berdasarkan keperluan pelaporan statistik yang dikemas kini untuk mencerminkan takrifan data dan metodologi pelaporan yang lebih tepat. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Aset kewangan isi rumah meningkat pada kadar yang lebih perlahan (0.2%; Disember 2021: 2.4%) disebabkan terutamanya oleh prestasi pasaran ekuiti yang lebih lemah dan pengeluaran simpanan persaraan yang besar di bawah kemudahan pengeluaran khas KWSP yang diperkenalkan pada bulan April 2022 (Rajah 1.14). Seperti yang dinyatakan sebelum ini, sesetengah peminjam isi rumah yang mempunyai leveraj yang tinggi dan penampan kewangan yang terhad boleh mengalami tekanan kewangan, terutamanya dalam persekitaran semasa iaitu tekanan kos sara hidup yang semakin meningkat. Berdasarkan simulasi konservatif tentang kejutan kos pinjaman dan perbelanjaan asas tambahan yang digunakan pada ujian tekanan yang dijalankan oleh Bank pada awal tahun 2022,[35] hingga 5.7% daripada dedahan pinjaman isi rumah dalam sistem perbankan (atau 3.4% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan) mungkin berisiko untuk mungkir menjelang akhir tahun 2023.[36] Seperti yang dijangka, sebahagian besar (65%) daripada peminjam yang berisiko[37] terus terdiri daripada peminjam berpendapatan bawah RM5,000 sebulan memandangkan penampan kewangan mereka yang secara relatif rendah untuk menghadapi kejutan

[35] Rujuk bahagian 'Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua 2021 untuk keterangan lanjut.

[36] Ujian tekanan sebelum ini: Hingga 5.0% daripada dedahan pinjaman isi rumah (2.9% daripada jumlah dedahan bank) mungkin berisiko untuk mungkir menjelang akhir tahun 2023.

[37] Merujuk peminjam yang berisiko untuk menghabiskan penampan tunai atau deposit mereka. Rujuk rencana 'Meramal Masa Mungkir Isi Rumah' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Pertama 2020 untuk keterangan lanjut.

yang teruk dan berpanjangan. Walau bagaimanapun, peningkatan tambahan yang sedikit dalam pinjaman isi rumah yang terjejas jika dibandingkan dengan ujian tekanan sebelum ini menunjukkan bahawa kebanyakan peminjam berdaya tahan terhadap kos peminjaman dan perbelanjaan perlu yang lebih tinggi. Peminjam berpendapatan bawah RM5,000 sebulan juga kurang terjejas oleh kenaikan OPR memandangkan lebih separuh (56%) daripada pinjaman mereka[38] merupakan pinjaman berkadar tetap seperti pinjaman kereta, yang bayaran balik pinjamannya tidak berubah mengikut pergerakan OPR (Rajah 1.15). Kadar yang lebih tinggi juga akan meningkatkan pulangan ke atas simpanan isi rumah, lantas mengukuhkan penampan kewangan mereka.

Rajah 1.14: Sektor Isi Rumah – Pertumbuhan Aset Kewangan Tahunan



Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Bank-bank terus memberikan bantuan kepada peminjam yang masih menghadapi cabaran dari segi kewangan berikutan pemulihan yang tidak sekata dan kenaikan kos sara hidup. Pada separuh pertama tahun 2022, pendaftaran bagi Program Pengurusan Kredit yang ditawarkan oleh AKPK dengan kerjasama bank-bank telah meningkat berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2021 (15,034; ST1 2021: 12,852). Walau bagaimanapun, pendaftaran kekal lebih rendah berbanding dengan tempoh sebelum pandemik (ST1 2019: 23,641) apabila peminjam berurusan terus dengan bank-bank mereka bagi memanfaatkan pelbagai pelan bantuan bayaran balik pinjaman yang ditawarkan oleh bank-bank mengikut keadaan kewangan peminjam tersebut (Rajah 1.16). Selain itu, setakat bulan Julai 2022, sebanyak 7,302 individu dengan jumlah dedahan pinjaman sebanyak RM3.4 bilion telah mendaftar untuk Program Pengurusan dan Ketahanan Kewangan (URUS).[39] Tindakan kebankrapan terus menjadi pilihan terakhir bagi bank-bank, selepas semua usaha untuk pemulihan dan pengutipan hutang yang lain telah dilaksanakan.

Rajah 1.15: Sektor Isi Rumah – Bahagian Akaun Pinjaman Berkadar Tetap dan Berkadar Terapung Mengikut Kumpulan Pendapatan



Nota: Tidak termasuk kad kredit.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.16: Sektor Isi Rumah – Program Pengurusan Kredit yang Diluluskan oleh AKPK



Nota: Data untuk ST1 2022 merujuk kepada kelulusan pada tahun ini hingga setakat akhir bulan Jun 2022.

Sumber: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

[38] Mengikut bilangan akaun pinjaman.

[39] URUS ditubuhkan untuk membantu kumpulan peminjam 50 peratus terbawah (Bottom 50, B50) yang layak bagi meringankan kesukaran kewangan yang disebabkan oleh pandemik COVID-19 dan menyediakan sokongan menyeluruh untuk daya tahan kewangan jangka panjang. Permohonan URUS dibuka mulai 15 November 2021 hingga 31 Mac 2022. Bagi peminjam B50 yang layak dan telah mendaftar untuk bantuan banjir yang ditawarkan oleh bank-bank, permohonan URUS masih boleh dibuat sehingga tamat tempoh bantuan banjir peminjam atau hingga 31 Julai 2022.

Perkembangan Pasaran Harta Kediaman

Transaksi pasaran perumahan meningkat dengan ketara pada suku keempat tahun 2021 berikutan kegiatan ekonomi yang disambung semula dan Kempen Pemilikan Rumah yang berakhir pada 31 Disember 2021, sebelum kembali normal pada separuh pertama tahun 2022 (Rajah 1.17). Trend ini terus didorong sebahagian besarnya oleh segmen pasaran umum. Unit rumah yang berharga bawah RM500,000 mencakupi 80% daripada jumlah transaksi pada separuh pertama tahun 2022. Sehubungan dengan itu, pertumbuhan harga rumah kekal di bawah purata jangka panjangnya (S1 2022: 2.4%; purata 2015-2019: 5.3%). Penganalisis industri menjangka aktiviti pasaran akan terus disokong sekitar paras sebelum pandemik dengan pertumbuhan harga rumah yang sederhana. Walaupun inflasi dan kadar pinjaman yang lebih tinggi sebahagiannya boleh menjejaskan momentum pemulihan, aktiviti pasaran keseluruhan akan meraih manfaat daripada pemulihan pendapatan dan aktiviti perniagaan secara beransur-ansur serta pelbagai langkah bantuan. Hal ini termasuk pelanjutan pengecualian duti setem yang diumumkan baru-baru ini bagi harta tanah berharga RM500,000 dan ke bawah, dan diskaun duti setem sebanyak 50% bagi harta tanah berharga lebih RM500,000 hingga RM1 juta.

Walaupun terdapat penambahbaikan, risiko pertumbuhan menjadi perlahan masih berlarutan dengan sebahagian besarnya berpunca daripada ketidakseimbangan permintaan dan penawaran yang berterusan. Bilangan unit perumahan tidak terjual menurun tetapi kekal tinggi (S1 2022: 175,065; 2021: 183,918; purata 2015-2021: 142,317).[40] Sebahagian besar (65%) unit-unit ini kekal tidak terjual selama lebih tiga tahun (Rajah 1.18) disebabkan oleh harga rumah yang jauh melebihi tahap kemampuan kebanyakan isi rumah, khususnya di negeri-negeri utama. Selain kemampuan, perkhidmatan pengangkutan awam yang terhad dan permintaan yang rendah bagi bangunan harta tanah tinggi di lokasi tertentu juga menyumbang kepada lebihan bekalan. Sementara itu, bekalan baharu dalam segmen mampu milik pada separuh pertama tahun 2022 kurang memberangsangkan. Bahagian harta kediaman yang baru dilancarkan berharga RM500,000 dan ke bawah menunjukkan trend yang lebih rendah (65.4%; 2021: 67.3%; 2020: 72.5%) meskipun terdapat permintaan yang kukuh daripada isi rumah.

Selaras dengan aktiviti pasaran, permintaan dan penawaran kredit untuk membeli harta kediaman telah meningkat. Permohonan pinjaman merentas semua segmen harga lebih tinggi pada separuh pertama tahun 2022 (Rajah 1.19). Pemilik rumah terus mendorong permintaan dan mencakupi 57.8% (ST2 2021: 57.6%) daripada pinjaman perumahan yang diluluskan pada separuh pertama tahun 2022. Kadar kelulusan keseluruhan juga telah pulih kepada paras sebelum pandemik dengan bank-bank terus mematuhi penilaian kemampuan pinjaman berhemat.

[40] Angka termasuk unit tidak terjual yang telah siap dan unit tidak terjual yang sedang dalam pembinaan (masing-masing 35.2% dan 64.8% daripada jumlah unit yang tidak terjual) untuk kediaman, pangsapuri berperkhidmatan dan unit *small office, home office* (SOHO)/*small office, virtual office* (SOVO).

Rajah 1.17: Pasaran Harta Tanah – Bilangan Transaksi Perumahan



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)

Rajah 1.18: Pasaran Harta Tanah – Komposisi Unit Perumahan Tidak Terjual Mengikut Tempoh Tidak Terjual



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)

Rajah 1.19: Pasaran Harta Tanah – Bilangan Permohonan Pinjaman Perumahan Mengikut Harga



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan bagi Tahun 2021

Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan (Financial Capability and Inclusion Demand Side Survey, FCI) merupakan kaji selidik merentas seksyen yang dijalankan oleh Bank setiap tiga tahun.[1] Kajian ini menilai tahap keupayaan kewangan rakyat Malaysia dengan mengukur tahap pengetahuan, tingkah laku dan sikap kewangan yang digunakan untuk membentuk Indeks Celik dan Keupayaan Kewangan Malaysia (Malaysia Financial Literacy and Capability Index, MYFLIC). Kaji selidik terkini telah dijalankan pada suku keempat tahun 2021. Kaji selidik ini mencerminkan kesan pandemik COVID-19, seterusnya memberikan pemahaman tambahan tentang keadaan kewangan isi rumah rakyat Malaysia dan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap keupayaan kewangan ketika negara mula pulih daripada kesan pandemik. Antara tinjauan utama adalah seperti yang dipaparkan dalam Gambar Rajah 1.

Gambar Rajah 1: Ringkasan Kaji Selidik FCI 2021



Berbanding dengan tahun 2018, rakyat Malaysia lebih yakin dengan tahap pengetahuan kewangan mereka, disebabkan oleh peningkatan tahap kesedaran tentang membuat keputusan kewangan dan bantuan semasa pandemik



Walaupun penerimaan perkhidmatan dan produk kewangan digital semakin meluas, literasi kewangan digital kekal rendah. Lebih satu pertiga daripada responden berkongsi kata laluan atau butiran akaun bank mereka dengan kawan rapat



Cabaran kewangan akibat pandemik memberikan pengaruh positif terhadap tingkah laku kewangan jangka panjang, dengan lebih ramai rakyat Malaysia menekankan kepentingan perancangan persaraan dan pengurusan risiko kewangan peribadi



Peningkatan yang sedikit pada daya tahan jangka pendek, berkemungkinan kesan daripada bantuan kewangan semasa pandemik. Sebanyak 47% responden menyatakan bahawa mereka menghadapi kesukaran untuk menyediakan RM1,000 semasa kecemasan



Meskipun kesedaran tentang insurans/takaful didapati meningkat semasa pandemik, minat untuk mempelajarinya masih rendah dengan 1 daripada 3 responden tidak berminat untuk mengetahui subjek ini



Pengeluaran simpanan persaraan semasa pandemik telah sangat menjejaskan keyakinan terhadap daya tahan jangka panjang. Sebanyak 27% responden sangat atau agak bimbang tentang kecukupan kewangan mereka pada usia emas

Sumber: Bank Negara Malaysia

Berdasarkan kaji selidik pada tahun 2021 ini, indeks MYFLIC meningkat sebanyak 1.9 mata kepada 59.0 (2018: 57.1). Peningkatan ini mencerminkan kenaikan yang ketara dalam skor pengetahuan kewangan dan skor sikap kewangan yang lebih baik (Gambar Rajah 2).

Tahap celik kewangan dan celik angka yang meningkat telah menyumbang kepada penambahan terbesar dalam subindeks pengetahuan kewangan, terutamanya berkaitan dengan topik faedah dan kesannya terhadap bayaran balik pinjaman (2021: 72; 2018: 62). Pelaksanaan pelbagai langkah bantuan bayaran balik pinjaman semasa pandemik serta bahan komunikasi yang berkaitan merupakan faktor penyumbang penting kepada kesedaran dan pemahaman yang lebih tinggi tentang konsep kewangan. Rakyat Malaysia juga menunjukkan pemahaman yang lebih tinggi tentang konsep kewangan berkaitan pelaburan seperti risiko dan pulangan (2021: 86; 2018: 77) serta inflasi (2021: 81; 2018: 75). Walau bagaimanapun, dapatan tentang penerapan konsep ini secara berkesan memberikan gambaran yang berbeza. Misalnya, kebanyakan responden (86%) mendakwa bahawa mereka memahami pulangan yang tinggi melibatkan risiko yang tinggi. Namun begitu, lebih separuh daripada responden (53%) menganggap pulangan tahunan antara 20% hingga 30% sebagai pulangan yang rendah atau sederhana, dan begitu juga tahap risikonya. Selain itu, hanya 43% daripada responden dapat mengaitkan kesan inflasi terhadap kuasa beli mereka.

Skor subindeks sikap kewangan meningkat sedikit. Hal ini selaras dengan peningkatan tahap pengetahuan kewangan. Walau bagaimanapun, peningkatan ini mungkin juga mencerminkan ketidakpastian lebih tinggi tentang prospek kewangan yang dihadapi rakyat Malaysia berikutan kesan ekonomi akibat pandemik. Dalam hal ini, rakyat Malaysia menjadi lebih berhati-hati dan lebih cenderung menyimpan serta menetapkan matlamat kewangan jangka panjang

[1] Kaji selidik terdahulu dijalankan pada tahun 2015 dan 2018.

Gambar Rajah 2: Indeks Celik dan Keupayaan Kewangan Malaysia (MYFLIC) 2021



Nota: Sampel utama
- Sebanyak 3,007 sampel dikumpulkan berdasarkan struktur demografi penduduk Malaysia dalam banci tahun 2010 yang distratakan kepada enam kriteria iaitu taburan geografi, bandar/luar bandar, etnik, umur, jantina dan tahap pendapatan.
- Rakyat Malaysia berumur 15 tahun dan ke atas.
- Temu duga dengan bantuan komputer secara bersemuka dari rumah ke rumah.

Sumber: Bank Negara Malaysia

supaya lebih bersedia menghadapi kejutan pada masa hadapan. Meskipun perkembangan ini positif, skor sikap kewangan di Malaysia masih berada jauh di bawah purata skor antarabangsa.[2] Khususnya, majoriti rakyat Malaysia tidak merancang untuk masa hadapan sebelum membelanjakan wang yang mereka terima.

Di samping itu, tingkah laku kewangan (seperti yang diwakili oleh subindeks tingkah laku) telah menurun, meskipun pengetahuan dan sikap kewangan bertambah baik. Hal ini tidak mengejutkan berikutan penampan kewangan yang semakin berkurang sepanjang tempoh ini menyukarkan lagi pengurusan perbelanjaan harian dan simpanan untuk masa hadapan. Selain itu, pengeluaran simpanan persaraan dalam jumlah yang besar di bawah skim pengeluaran khas yang diperkenalkan oleh Kerajaan untuk membantu isi rumah sepanjang pandemik juga telah mengurangkan keyakinan mereka terhadap perancangan persaraan jangka panjang. Pemerhatian utama berhubung dengan tiga komponen Indeks MYFLIC adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Pemerhatian Utama Tentang Celik dan Keupayaan Kewangan dalam Kalangan Rakyat Malaysia

Pengetahuan Kewangan	**Mengukur pengetahuan asas tentang konsep dan keupayaan kewangan dalam menggunakan kemahiran angka bagi menangani situasi kewangan** ⬆ 81% memahami konsep inflasi (2018: 75%). Namun, hanya 43% boleh mengaitkan kesan kenaikan harga dengan kuasa beli mereka (2018: 38%) ⬆ 72% faham bahawa faedah/keuntungan perlu dibayar atas pinjaman (2018: 62%) ⬆ 86% sedar bahawa pelaburan yang memberikan pulangan tinggi berkemungkinan berisiko tinggi (2018: 77%)
Tingkah Laku Kewangan	**Mengukur tindakan pengguna yang membentuk kedudukan dan kesejahteraan kewangan mereka** ⬆ 47% mendakwa menghadapi kesukaran untuk menyediakan RM1,000 sekiranya berlaku kecemasan (2018: 52%) ⬇ 54% tidak menghadapi cabaran dalam memenuhi perbelanjaan mereka (2018: 67%) ⬇ 69% mampu menyimpan untuk perbelanjaan luar jangka (2018: 71%)
Sikap Kewangan	**Mengukur sikap pengguna yang mempengaruhi keputusan dan tindakan kewangan mereka** ⬇ 64% menunjukkan kawalan diri dan disiplin dalam menguruskan kewangan mereka (2018: 67%) ⬆ 51% memberikan tumpuan pada masa hadapan berbanding dengan sikap "hidup untuk hari ini" (2018: 46%) ⬆ 43% tidak bersetuju bahawa wang perlu dibelanjakan (2018: 39%), menggambarkan lebih ramai rakyat Malaysia kini cenderung untuk merancang sebelum berbelanja

⬆ Penambahbaikan ⬇ Penurunan

Sumber: Bank Negara Malaysia

[2] Berdasarkan International Survey of Adult Financial Literacy (OECD/INFE Survey) 2020 oleh Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)/International Network for Financial Education (INFE), skor purata sikap kewangan untuk negara-negara OECD adalah sebanyak 62, manakala purata keseluruhan adalah sebanyak 60.

Kira-kira satu daripada empat responden mengalami pengurangan pendapatan yang besar (melebihi 25%) sepanjang tempoh pandemik. Meskipun begitu, lebih banyak responden menyatakan mereka dapat menyara kehidupan sehingga enam bulan selepas hilang punca pendapatan. Daya tahan jangka pendek yang lebih tinggi ini sebahagiannya mungkin disokong oleh pelbagai bantuan kewangan sepanjang pandemik, seperti bantuan bayaran balik pinjaman, skim pengeluaran khas KWSP dan bantuan tunai. Walau bagaimanapun, keadaan ini mungkin menjejaskan kesejahteraan kewangan jangka panjang memandangkan lebih ramai rakyat Malaysia yang menyatakan "sangat/agak bimbang" tentang keupayaan untuk menampung perbelanjaan pada hari tua (2021: 27%; 2018: 16%).

Gambar Rajah 3: Pendapatan Isi Rumah Terjejas Semasa Pandemik



42% Pendapatan Tidak Berubah

55% Pendapatan Berkurang
- **Hingga 25% (32%)**
- **Hingga 50% (18%)**
- **Lebih 50% (5%)**

3% Pendapatan Bertambah

Sekiranya hilang pendapatan, rakyat Malaysia mampu menampung perbelanjaan hidup

antara tiga hingga enam bulan
36%
(2018: 24%)

untuk lebih daripada enam bulan
16%
(2018: 10%)

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pengurusan risiko kewangan peribadi

Sebanyak 53% rakyat Malaysia mendakwa yang mereka mampu mendapatkan dana kecemasan untuk perbelanjaan luar jangka, iaitu peningkatan daripada 47% pada tahun 2018. Tahap kesedaran tentang insurans dan takaful juga telah meningkat dengan ketara kepada 77% (2018: 64%). Lebih banyak rakyat Malaysia (2021: 12%; 2018: 3%) juga semakin sedar tentang produk insurans/takaful yang ditawarkan di bawah Perlindungan Tenang.[3] Pelaksanaan inisiatif Baucar Perlindungan Tenang pada tahun 2021 telah menyumbang kepada kesedaran yang lebih tinggi, berdasarkan peningkatan langganan yang ketara bagi produk Perlindungan Tenang pada tahun 2021 kepada 1.6 juta polisi (2020: 62,500 polisi). Pengambilan perlindungan insurans/takaful turut meningkat (2021: 23%; 2018: 17%), walaupun tahap ini masih rendah dengan kebanyakan responden tidak mempunyai insurans/takaful kematian, hilang upaya atau sakit.[4] Kemampuan mendapatkan perlindungan insurans/takaful terus menjadi cabaran utama bagi segmen isi rumah berpendapatan lebih rendah berikutan baki wang yang sedikit selepas berbelanja untuk barangan keperluan, meskipun terdapat pelbagai produk mampu milik yang ditawarkan di bawah Perlindungan Tenang. Secara amnya, insurans/takaful tidak dilihat sebagai instrumen penting untuk menguruskan risiko kewangan peribadi, dengan satu daripada tiga rakyat Malaysia menyatakan mereka tidak berminat untuk mengambil tahu tentang insurans/takaful (Gambar Rajah 4). Keadaan ini menunjukkan bahawa maklumat yang lebih baik tentang insurans/takaful perlu disediakan bagi meningkatkan pengetahuan dan membetulkan salah tanggapan. Usaha berterusan juga sangat penting untuk mengatasi jurang pasaran melalui produk, pengunderaitan dan kaedah pengedaran yang memenuhi keperluan segmen isi rumah yang tidak atau kurang mendapat perkhidmatan kewangan ini.

[3] Perlindungan Tenang merupakan inisiatif negara untuk menyediakan akses kepada perlindungan insurans dan takaful yang asas, mudah dan mampu milik. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kesediaan serta kualiti penyelesaian insurans dan takaful bagi memenuhi segmen yang tidak atau kurang mendapat perkhidmatan kewangan bagi menggalakkan daya tahan kewangan dan sosial mereka.

[4] Bank Negara Malaysia ambil maklum bahawa Pelan Sektor Kewangan 2022-2026 menyatakan bahawa 42% orang dewasa memiliki sekurang-kurangnya satu polisi insurans hayat atau sijil takaful keluarga. Walau bagaimanapun, dapatan kaji selidik FCI 2021 lebih rendah kerana maklum balas sesetengah responden menunjukkan yang mereka mungkin tidak sedar bahawa mereka memiliki perlindungan insurans/takaful, contohnya Jaminan/Takaful Bertempoh Gadai Janji Berkurang (Mortgage-Reducing Term Assurance/Takaful).

Gambar Rajah 4: Menangani Perbelanjaan Luar Jangka



47% rakyat Malaysia sukar menyediakan RM1,000 sebagai dana kecemasan





35% rakyat Malaysia tidak berminat untuk mengetahui tentang insurans/takaful hayat dan manfaatnya. Majoriti dalam kalangan kumpulan itu juga tidak dapat menyediakan dana kecemasan sebanyak RM1,000



Sumber: Bank Negara Malaysia

Keberhutangan yang tinggi dalam kalangan rakyat Malaysia

Responden yang mendakwa bahawa mereka mempunyai terlalu banyak hutang[5] (2021: 30%; 2018: 32%) terdiri terutamanya daripada golongan pekerja bergaji yang mempunyai lebih keyakinan terhadap aliran pendapatan, lantas lebih cenderung untuk mengambil lebih banyak hutang. Dalam kalangan responden yang mendakwa berada pada tahap keberhutangan yang lebih teruk,[6] hanya 15% menyatakan akan menghubungi bank mereka untuk mendapatkan bantuan, manakala 57% memilih untuk mendapatkan bantuan daripada ahli keluarga dan 27% daripada kawan rapat. Kira-kira satu daripada empat responden dalam kumpulan ini tidak selesa untuk mendapatkan bantuan daripada sesiapa pun. Hal ini menunjukkan bahawa usaha tambahan perlu dilaksanakan bagi menghilangkan stigma terhadap saluran khidmat nasihat dan bantuan pengurusan hutang yang boleh digunakan bagi menggalakkan intervensi awal dan mengelakkan kesan buruk kewangan yang berkekalan.

Perancangan persaraan

Rakyat Malaysia semakin bimbang tentang kemampuan mereka untuk menampung perbelanjaan pada hari tua, lantas mengambil langkah positif yang diperhatikan melalui peningkatan tingkah laku berkaitan dengan perancangan untuk hari tua (Gambar Rajah 5). Sebanyak 47% responden menyatakan simpanan KWSP merupakan sumber dana bagi menampung perbelanjaan hari tua mereka, seterusnya menjadikannya strategi persaraan yang paling lazim. Walau bagaimanapun, dalam kalangan responden yang lebih berumur (melebihi 50 tahun), mereka lebih bergantung pada sumber pendapatan lain (khususnya anak-anak dan ahli keluarga mereka) semasa persaraan. Keadaan ini akan meningkatkan komitmen kewangan keluarga bagi mereka yang menanggung ibu bapa dan saudara mara pada masa akan datang, yang memberikan implikasi penting terhadap daya tahan isi rumah pada masa hadapan sekiranya perancangan kewangan semasa tidak mengambil kira keadaan ini.

[5] Responden yang memilih 'Agak Setuju', 'Setuju' dan 'Setuju Sepenuhnya' bagi pernyataan 'Saya ada terlalu banyak hutang'.
[6] Responden yang memilih 'Setuju' dan 'Setuju Sepenuhnya' bagi pernyataan 'Saya ada terlalu banyak hutang'.

Gambar Rajah 5: Menguruskan Persaraan

Apabila rakyat Malaysia semakin menghampiri umur persaraan (berumur lebih daripada 50 tahun), mereka mula mempertimbangkan pilihan lain untuk membiayai perbelanjaan pada usia emas kerana merasakan bahawa simpanan persaraan KWSP tidak mencukupi



Strategi untuk Membiayai Perbelanjaan Isi Rumah Pada Usia Emas

	Semua responden	Responden berumur lebih daripada 50 tahun
Bergantung kepada KWSP	47%	34%
Bergantung kepada anak-anak	14%	29%
Meneruskan bekerja	25%	25%
Sokongan kewangan daripada keluarga	16%	21%





Sumber: Bank Negara Malaysia

Celik Kewangan Digital

Rakyat Malaysia menerima pakai pendigitalan dengan kadar yang pantas, terutamanya bagi pembelian di premis perniagaan, pindahan wang dan pembelian secara dalam talian. Meskipun produk dan perkhidmatan kewangan digital digunakan secara meluas,[7] kaji selidik mendapati bahawa tahap celik kewangan digital adalah rendah dan membimbangkan[8] (Gambar Rajah 6). Lebih satu pertiga responden (37%) sanggup berkongsi kata laluan dan/atau nombor PIN (*personal identification number*) akaun bank mereka dengan kawan rapat. Hal ini mendedahkan pengguna kepada risiko penipuan dalam talian, termasuk diperalatkan sebagai 'akaun keldai' bagi memudahkan kegiatan penipuan. Selain itu, 62% responden tidak mengendahkan keselamatan laman sesawang bank yang dilayari untuk membuat transaksi perbankan dalam talian. Sikap ini boleh menyebabkan mereka terperdaya untuk memberikan maklumat perbankan seperti nama pengguna atau kata laluan perbankan Internet serta maklumat kad kredit menerusi laman sesawang palsu. Maklumat ini boleh digunakan oleh penipu untuk melakukan penipuan. Seiring dengan langkah-langkah lain yang sedang dilaksanakan oleh bank-bank bagi memastikan keselamatan transaksi perbankan dalam talian, usaha menggiatkan pendidikan dan kesedaran bagi meningkatkan tahap celik kewangan digital, terutamanya tentang langkah-langkah yang perlu diambil bagi mencegah penipuan perbankan dalam talian, adalah sangat penting untuk mengekalkan keyakinan terhadap penggunaan perkhidmatan kewangan digital.

Gambar Rajah 6: Jurang Pengetahuan Celik Kewangan Digital dalam Kalangan Rakyat Malaysia



Sebanyak 37% rakyat Malaysia berkongsi kata laluan dan/atau PIN akaun bank dengan kawan rapat



Hanya 38% memberikan perhatian pada keselamatan laman sesawang sebelum membuat transaksi dalam talian - laman https, logo keselamatan atau sijil keselamatan



Hanya 11% kerap menukar kata laluan untuk membeli-belah dan menguruskan kewangan peribadi secara dalam talian

Sumber: Bank Negara Malaysia

[7] Berdasarkan penggunaan perbankan mudah alih, perbankan Internet, kad pembayaran dan pembayaran mudah alih.
[8] Kaji selidik susulan mengenai Celik Kewangan Digital yang dijalankan selepas FCI 2021, dengan 1,000 sampel dikumpulkan dari seluruh negara.

Kesimpulan

Kejutan besar terhadap pendapatan dan kos sara hidup yang lebih tinggi baru-baru ini telah menjadikan perihal kewangan sebagai tumpuan dalam kalangan isi rumah rakyat Malaysia. Natijahnya, tahap pengetahuan kewangan meningkat dan sikap kewangan bertambah baik. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama sesetengah isi rumah kini berhadapan dengan cabaran realiti kewangan (seperti pendapatan yang tidak mencukupi/tidak menentu dan penampan yang lebih rendah). Cabaran ini mungkin menyukarkan mereka untuk mengubah tingkah laku kewangan walaupun mereka berhasrat untuk berbuat demikian. Kaji selidik ini juga menunjukkan bahawa langkah-langkah bantuan yang diperkenalkan semasa pandemik dan keadaan yang sedia ada sebelum pandemik berpotensi memberikan kesan jangka panjang terhadap daya tahan isi rumah jika tidak ditangani dengan sewajarnya. Persediaan yang tidak mencukupi untuk persaraan dan sikap isi rumah terhadap pengurusan hutang semasa menghadapi tekanan boleh menjejaskan daya tahan isi rumah pada masa hadapan. Tahap celik kewangan digital yang rendah amat membimbangkan, berikutan perkembangan pesat dalam penggunaan perkhidmatan kewangan digital. Sikap berhati-hati dan mengamalkan langkah keselamatan siber semasa melakukan aktiviti dalam talian (*cyber hygiene*) amat penting, bermula daripada peringkat individu sebagai langkah pertahanan pertama dalam menghadapi risiko penipuan kewangan.

Dapatan Kaji Selidik FCI 2021 memberikan input yang bernilai bagi pelaksanaan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023.[9] Peningkatan dalam pengetahuan dan sikap kewangan memberikan peluang keemasan kepada Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network, FEN) untuk memperhebat inisiatif yang boleh membantu individu merancang dan membuat perubahan tingkah laku yang berkekalan. Bagi tujuan ini, Bank sebagai ahli FEN bersama-sama dengan ahli lain serta rakan kerjasama dan pihak berkepentingan akan terus menyediakan alat dan sumber yang berkesan untuk membantu rakyat Malaysia mengawal kewangan peribadi mereka, termasuk menyediakan sumber dalam talian secara percuma melalui https://www.fenetwork.my/.

[9] Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019–2023 ialah pelan lima tahun yang dibangunkan oleh Jaringan Pendidikan Kewangan untuk meningkatkan tahap celik dan kesejahteraan kewangan rakyat Malaysia.

RISIKO OPERASI

Institusi kewangan kekal berdaya tahan dari segi operasi meskipun menghadapi cabaran

Institusi kewangan kekal berdaya tahan dari segi operasi tanpa sebarang gangguan operasi yang besar di seluruh sistem pada separuh pertama tahun 2022. Walau bagaimanapun, institusi perbankan melaporkan kerugian risiko operasi yang lebih besar pada separuh pertama tahun 2022 (RM374.2 juta; ST1 2021: RM118.1 juta). Kerugian ini adalah sepadan dengan lebih banyak insiden terpencil yang membabitkan penipuan yang berpunca daripada luar institusi, kesilapan pemprosesan dan insiden penipuan perbankan dalam talian yang terbatas kepada sesebuah institusi kewangan. Meskipun insiden risiko operasi tidak dapat dielakkan, hal ini boleh mengakibatkan risiko sistemik yang lebih meluas jika dikaitkan dengan kelemahan lazim merentas banyak institusi kewangan. Contoh kelemahan lazim tersebut termasuk kelemahan akibat hubung kait dengan infrastruktur pasaran yang sangat penting ataupun penumpuan terhadap penyedia perkhidmatan yang tertentu. Dari satu segi, penerapan teknologi yang lebih meluas dalam hampir setiap aspek operasi institusi kewangan telah mengurangkan risiko operasi yang berkaitan dengan proses secara manual. Namun begitu, keadaan ini telah meningkatkan kesalinghubungan sesama institusi kewangan, lantas mendorong kepada peningkatan risiko sistemik. Bagi mengurangkan risiko yang sedemikian, Bank sejak beberapa tahun lalu telah menghendaki institusi kewangan memperkukuh tindak balas mereka terhadap ancaman siber yang sentiasa berubah-ubah, menambah baik pengurusan berhubung dengan kebergantungan pada pihak ketiga dan meningkatkan keupayaan untuk pulih daripada pelbagai insiden operasi.

Sehubungan dengan itu, institusi kewangan terus meningkatkan tahap kesiapsiagaan mereka untuk bertindak balas terhadap gangguan operasi dan serangan siber. Setelah mempertingkatkan Pelan Kesinambungan Perniagaan (Business Continuity Plan, BCP) dan Pelan Pemulihan Bencana (Disaster Recovery Plan, DRP) dengan menggabungkan pengalaman semasa menguruskan kesan pandemik terhadap operasi mereka, institusi kewangan sedang menguji pelan ini di bawah simulasi senario krisis. Berikutan surat makluman *(advisories)* yang dikeluarkan oleh Bank, institusi kewangan juga telah meningkatkan dasar dan proses dalaman mereka untuk bertindak balas dan pulih dengan pantas daripada serangan perisian tebusan *(ransomware)* dan serangan rantaian bekalan siber. Pada bulan Jun 2022, Bank menerbitkan draf dedahan mengenai penilaian risiko teknologi awan sebagai tambahan kepada piawaian Pengurusan Risiko dalam Teknologi (Risk Management in Technology, RMiT) yang dikeluarkan oleh Bank. Draf dedahan ini memberikan panduan kepada institusi kewangan mengenai pelaksanaan reka bentuk dan kawalan awan yang kukuh bagi mengurangkan risiko keselamatan maklumat dan gangguan perniagaan apabila lebih banyak institusi kewangan memanfaatkan perkhidmatan awan dalam operasi mereka (Jadual 1).

Jadual 1: Penggunaan Perkhidmatan Awan oleh Institusi Kewangan

	Bilangan Institusi Kewangan		Kadar Penggunaan (%)	
Sektor	**2020**	**2021**	**2020**	**2021**
Institusi perbankan	19	22	46	54
Syarikat insurans dan pengendali takaful	23	25	64	69
Pengeluar e-wang utama dan pengendali perkhidmatan pembayaran	4	4	40	40

Nota: Kadar penggunaan merujuk bilangan institusi kewangan yang telah menggunakan perkhidmatan awan sebagai peratusan daripada jumlah institusi kewangan bagi setiap sektor.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Institusi kewangan terus meningkatkan pelaburan mereka dalam kawalan pengurusan risiko teknologi maklumat (*information technology,* IT), sejajar dengan piawaian RMiT yang ketat. Perbelanjaan IT keseluruhan tahunan oleh industri pada tahun ini dijangka mencecah RM5.6 bilion[40] (2021: RM3.9 bilion; CAGR 3 tahun: 11.6%). Hampir 10% daripada jumlah ini (RM494 juta) dijangka dibelanjakan untuk keselamatan siber (2021: RM322 juta; CAGR 3 tahun: 22.8%) untuk:

- melaksanakan kawalan keselamatan baharu dan meningkatkan sistem tindak balas dan pemulihan siber bagi memenuhi keperluan pendigitalan proses perniagaan yang pantas dan kerja dari jarak jauh serta melindungi permukaan serangan yang lebih luas;
- mendapatkan khidmat pihak ketiga yang bebas untuk melaksanakan penilaian keselamatan siber; dan
- melatih kakitangan dalam bidang IT serta fungsi pengawasan dan kawalan utama untuk menguruskan risiko siber baharu.

Industri juga telah meningkatkan tenaga kerja dalam bidang IT yang memberikan tumpuan pada keselamatan siber, iaitu sebanyak 15% antara tahun 2020 hingga 2022. Tenaga kerja ketiga-tiga barisan pertahanan iaitu operasi keselamatan siber, pengurusan risiko siber dan audit keselamatan siber telah meningkat dengan stabil. Walau bagaimanapun, institusi kewangan terus melaporkan cabaran besar dari segi penyumberan dan pengekalan tenaga mahir, dengan 10% daripada jawatan keselamatan siber yang telah diwujudkan masih tidak diisi setakat bulan Jun 2022. Hal ini akan terus menimbulkan beberapa risiko dari segi keupayaan sesebuah institusi untuk mengekalkan kestabilan dalam persekitaran kawalan mereka. Keadaan ini juga boleh mendorong kepada kemungkinan risiko penumpuan yang lebih tinggi jika lebih banyak institusi bergantung pada perkhidmatan pihak ketiga untuk meningkatkan keupayaan dalaman.

Bank Negara Malaysia terus bekerjasama rapat dengan industri serta pihak berkepentingan dalam negeri dan antarabangsa yang lain bagi mengenal pasti dan mengurangkan risiko siber dan teknologi yang timbul. Tumpuan khusus penilaian risiko Bank adalah pada kemungkinan ancaman yang timbul daripada pergantungan industri terhadap penyedia perkhidmatan pihak ketiga (*third-party service providers*, TPSP) untuk menjalankan fungsi perniagaan yang sangat penting dan perkhidmatan perlu. Meskipun penumpuan terhadap beberapa TPSP telah dikenal pasti, risiko gangguan sistemik akibat kegagalan pihak ketiga secara relatif dinilai agak rendah. Hal ini berdasarkan pengasingan infrastruktur utama secara logik dan berstruktur, kawalan pengurusan risiko yang bersesuaian bagi perkhidmatan pihak ketiga, serta pelan kontingensi yang boleh dipercayai dan usaha penyelesaian menyeluruh yang dilaksanakan oleh institusi kewangan sekiranya berlaku kegagalan TPSP.

Institusi kewangan setakat ini juga kekal berdaya tahan dari segi operasi walaupun terdapat penemuan berkaitan dengan kelemahan perisian yang sangat penting, yang dikaitkan dengan entiti negara asing. Hal ini telah disokong terutamanya oleh usaha pengukuhan siber yang berterusan dan perkongsian maklumat secara proaktif antara Bank dengan industri (Gambar Rajah 1). Latihan serangan siber peringkat industri yang diselaraskan oleh Bank pada bulan Februari 2022 selanjutnya menunjukkan tahap kesiapsiagaan yang tinggi dalam industri untuk bertindak balas terhadap serangan siber yang sistemik. Yang penting, institusi kewangan telah menunjukkan keupayaan untuk melaksanakan pelan tindak balas terhadap insiden siber mereka dengan berkesan. Pelan ini dilaksanakan melalui pengaturan yang cukup berkesan untuk penyelarasan aliran maklumat dalaman dan luaran. Peluang untuk menambah baik dan meningkatkan selanjutnya komunikasi krisis juga telah dikenal pasti. Khususnya, peluang ini termasuk penyelarasan komunikasi pada peringkat industri untuk menangani kebimbangan orang ramai semasa insiden serangan siber secara sistemik.

[40] Jumlah anggaran perbelanjaan IT yang ditanggung oleh bank tempatan, penanggung insurans dan pengendali pembayaran (tidak termasuk gaji kakitangan).

Gambar Rajah 1: Usaha yang Diambil oleh Bank untuk Mempertingkatkan Daya Tahan Siber Industri



Sumber: Bank Negara Malaysia

Laporan fraud perbankan dalam talian telah meningkat. Pada separuh pertama tahun 2022, sebanyak 9,735 kes fraud perbankan dalam talian yang berjumlah RM39.9 juta telah dilaporkan oleh pelanggan institusi kewangan, daripada 1.85 bilion transaksi perbankan dalam talian[41] yang dijalankan (atau lima kes bagi setiap satu juta transaksi; ST1 2021: tiga kes bagi setiap satu juta transaksi). Walaupun bahagian transaksi melibatkan fraud kekal rendah, Bank sangat memandang serius mengenai perkara ini. Hal ini kerana fraud perbankan dalam talian berpotensi menjejaskan keyakinan orang ramai dan mendedahkan kelemahan yang boleh dieksploitasi lantas mengakibatkan kemudaratan yang lebih meluas kepada pengguna perkhidmatan kewangan sekiranya tidak ditangani. Selain memerlukan institusi kewangan untuk melaksanakan langkah-langkah tambahan terhadap fraud perbankan dalam talian, Bank juga menyelaraskan usaha dengan industri, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk membanteras semua jenis fraud dan penipuan kewangan serta meningkatkan kesedaran orang ramai tentang taktik-taktik fraud yang baharu (Gambar Rajah 2).

Operasi sistem pembayaran dan penyelesaian kekal berdaya tahan

[41] Merujuk bilangan transaksi kewangan perbankan Internet dan perbankan mudah alih.

Gambar Rajah 2: Inisiatif yang Diambil untuk Membanteras Penipuan (Fraud) Perbankan Dalam Talian

Memperkukuh Langkah-langkah Kawalan di Institusi Kewangan

Institusi kewangan telah diminta untuk melaksanakan langkah-langkah tambahan untuk membanteras fraud:

- Mempercepat peralihan daripada penggunaan kata laluan sekali sahaja (one-time password) yang berasaskan SMS kepada kaedah pengesahan yang lebih selamat untuk aktiviti atau transaksi dalam talian yang melibatkan pembukaan akaun, pemindahan dana dan pembayaran serta pertukaran maklumat peribadi dan penetapan akaun
- Mengetatkan dan mengkaji semula peraturan pengesanan fraud secara berkala untuk mengenal pasti dan menyekat transaksi yang mencurigakan, yang akan dikenakan prosedur pengesahan tambahan
- Melaksanakan tempoh bertenang untuk pendaftaran kali pertama bagi perkhidmatan perbankan dalam talian atau peranti selamat. Semasa tempoh ini, sebarang aktiviti perbankan dalam talian tidak dibenarkan
- Mengehadkan peranti yang digunakan oleh pelanggan untuk pengesahan aktiviti dan transaksi perbankan dalam talian kepada satu peranti mudah alih atau peranti selamat

Menambah Baik Bantuan Pencegahan Fraud kepada Pelanggan

Institusi kewangan juga akan menyediakan bantuan tambahan bagi membolehkan pelanggan mengelak daripada menjadi mangsa fraud:

- Peringatan yang lebih kerap melalui pelbagai saluran bagi memaklumkan kepada pelanggan tentang aktiviti akaun yang tertentu, contohnya pindahan dana dan pembayaran, log masuk kali pertama menggunakan peranti baharu, perubahan butiran akaun atau perubahan had transaksi
- Panduan yang berterusan tentang langkah-langkah keselamatan, cara untuk mengesahkan laman sesawang bank dan aplikasi e-perbankan yang tulen serta cara mengenal pasti kaedah fraud baharu atau lazim yang digunakan oleh penipu untuk mendapatkan akses kepada maklumat dan akaun perbankan
- Kaedah yang menyenangkan pelanggan untuk membatalkan kemudahan perbankan dalam talian dengan pantas sekiranya berlaku kejadian yang disyaki sebagai fraud bagi mencegah kerugian

Bekerjasama dengan Pengawal Selia Lain, Penguat Kuasa Undang-Undang dan Agensi Kerajaan Negeri

Tindakan kerjasama antara Bank, SKMM, PDRM, NACSA dan CSM terus diperkukuh untuk:

- Memudahkan siasatan segera ke atas kes fraud yang dilaporkan bagi mengenal pasti dan menahan penipu serta mendapatkan semula dana yang dicuri
- Membolehkan laman sesawang dan aplikasi yang disyaki berstatus hasad (malicious) dikenal pasti dan dialihkan tepat pada masanya
- Menyelaraskan tindakan menyenaraihitamkan dan menyekat nombor telefon yang disyaki terbabit dengan aktiviti fraud bagi mencegah nombor-nombor ini daripada digunakan untuk menghubungi mangsa
- Memperkukuh semakan usaha wajar terhadap langganan khidmat telekomunikasi bagi mencegah fraud
- Menyokong pengawasan berterusan yang berkesan berhubung dengan modus operandi fraud yang berubah-ubah untuk mengenal pasti kelemahan yang mungkin timbul serta membangunkan langkah-langkah pertahanan jangka panjang yang berkesan

Nota: SKMM merujuk Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, PDRM merujuk Polis Diraja Malaysia, NACSA merujuk Agensi Keselamatan Siber Negara dan CSM merujuk Cyber Security Malaysia.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS)[42] dan sistem pembayaran runcit (*retail payment systems*, RPS) utama terus berada pada tahap ketersediaan sistem yang tinggi. Gangguan operasi terpencil telah berlaku pada bulan Januari 2022 yang menjejaskan saluran RENTAS SWIFT Alliance Access (SAA). Kejadian itu telah diselesaikan dengan segera dan secara kekal, sekali gus mengehadkan sebarang kesan terhadap kelancaran transaksi penyelesaian. Tiada insiden siber yang menjejaskan RENTAS dan RPS utama pada separuh pertama tahun 2022. Pengaturan BCP yang diaktifkan semasa pandemik kebanyakannya dikekalkan meskipun berlaku peralihan ke fasa endemik. Hal ini memastikan bahawa sistem pembayaran akan terus beroperasi tanpa gangguan sekiranya terjadi sebarang kes COVID-19 yang sporadik dalam kalangan kakitangan kategori sangat penting. Pengaturan sedemikian juga diperluas kepada TPSP yang sangat penting.

[42] RENTAS ialah sistem penyelesaian kasar masa nyata untuk pemindahan dana antara bank, penyelesaian sekuriti hutang dan perkhidmatan penyimpanan untuk sekuriti hutang tanpa skrip.

Susulan kajian semula yang dijalankan secara bebas oleh juruaudit luar terhadap sistem RENTAS dan RPS utama, pengendali sedang dalam proses melaksanakan pelan tindakan segera dan jangka panjang bagi meningkatkan lagi keupayaan keselamatan siber mereka. Saranan penambahbaikan rangka kerja TPSP untuk sistem RENTAS dan RPS utama yang selaras dengan saranan Committee on Payments and Market Infrastructures (CPMI)[43] akan memantapkan lagi persekitaran kawalan keselamatan siber yang sedia kukuh dalam sistem pembayaran yang sangat penting.

Pindahan kredit yang diproses melalui Platform Pembayaran Runcit (Retail Payments Platform, RPP) terus meningkat dengan ketara, dan purata kadar pertumbuhan tahunan masing-masing sebanyak 254% dan 211% dari segi bilangan dan nilai transaksi sejak platform ini dimulakan pada bulan Disember 2018. Rancangan sedang dijalankan untuk merangkumkan lebih banyak perkhidmatan pembayaran runcit masa nyata dalam RPP sebagai tambahan kepada perkhidmatan DuitNow Transfer dan DuitNow QR. Sistem pembayaran RPP juga telah berjaya dihubungkan dengan sistem pembayaran runcit di Thailand dan Indonesia bagi memudahkan pembayaran segera merentas sempadan dengan negara-negara itu.

Memandangkan kepentingan sistemiknya yang semakin meningkat sebagai infrastruktur pembayaran yang sangat penting untuk pemindahan kredit masa nyata di Malaysia, Bank sedang mengambil langkah-langkah tambahan bagi mengurangkan risiko dan melindungi integriti RPP. Bank sedang dalam proses untuk merasmikan penetapan RPP sebagai sistem pembayaran yang ditetapkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Langkah ini akan memberikan kuasa tambahan kepada Bank untuk mengeluarkan arahan kepada peserta RPP dan jika perlu, mengambil alih operasi RPP bagi memastikan RPP terus stabil dan boleh dipercayai. Selain itu, PayNet sebagai pengendali RPP sedang bekerjasama dengan institusi kewangan untuk melaksanakan operasi mekanisme cagaran yang dipertingkatkan bagi penyelesaian bersih tertangguh yang akan mengurangkan risiko kredit dan risiko penyelesaian untuk transaksi pembayaran runcit masa nyata.

[43] Lampiran F Principles for Financial Market Infrastructures yang diterbitkan oleh CPMI menggariskan lima kehendak pengawasan untuk penyedia perkhidmatan yang sangat penting, iaitu pengenalpastian dan pengurusan risiko, keselamatan maklumat, kebolehpercayaan dan daya tahan, perancangan teknologi dan komunikasi dengan pengguna.

Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

37 Sektor Perbankan
42 *Rencana: Institusi Perbankan Terus Menyokong Pemulihan Ekonomi Meskipun Mengalami Kemerosotan Keuntungan yang Ketara Semasa Pandemik*
48 *Rencana: Memperkukuh Daya Tahan Sistem Kewangan dengan Rangka Kerja Perancangan Pemulihan dan Resolusi*
53 *Rencana: Mengawal Selia Bank-bank Digital*
54 Sektor Insurans dan Takaful
58 *Rencana: Keadaan Semasa Aset Digital di Malaysia dan Hubung Kait dengan Kestabilan Kewangan*
64 *Rencana: Pelaksanaan Ujian Tekanan Risiko Iklim*

Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

SEKTOR PERBANKAN

Bank-bank mengekalkan kedudukan pendanaan dan mudah tunai yang teguh meskipun keadaan pasaran tidak menentu

Kedudukan pendanaan sistem perbankan kekal teguh pada separuh pertama tahun 2022, dengan Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) dan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio, NSFR) agregat yang kukuh masing-masing pada 148.3% dan 118.5% (Rajah 2.1 dan 2.2). Keadaan ini terus menyokong aktiviti pemberian pinjaman, dan pada masa yang sama memastikan bank terus berdaya tahan untuk menghadapi kejutan pendanaan dalam tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Deposit sistem perbankan mencatatkan pertumbuhan yang stabil (6.6%; purata 2015-2019: 4.4%), didorong terutamanya oleh deposit perniagaan sejajar dengan pemulihan kegiatan ekonomi (Rajah 2.3). Individu dan perniagaan terus mengekalkan pemegangan penampan awasan (*precautionary buffers*) seperti yang ditunjukkan dalam bahagian deposit akaun semasa dan akaun simpanan (*current and savings accounts*, CASA) yang tinggi pada 37.3% (purata 2015-2019: 29.4%) daripada jumlah deposit (Rajah 2.4). Bersama-sama dengan persaingan yang terhad untuk deposit dalam keadaan mudah tunai sistem perbankan yang lebih daripada mencukupi, keadaan ini telah mengawal kenaikan kos dana bank-bank (+15 mata asas) susulan kenaikan OPR pada bulan Mei (Rajah 2.5). Kos pendanaan bank-bank boleh terus meningkat dalam persekitaran kenaikan kadar faedah dan apabila pendeposit cenderung beralih kepada deposit berkadar tetap jangka lebih panjang yang memberikan pulangan yang lebih baik. Meskipun beberapa bank sejak akhir-akhir ini semakin aktif menawarkan kadar deposit yang lebih tinggi bagi mendapatkan lebih banyak deposit jangka lebih panjang, persaingan dalam pasaran deposit masih tidak sengit sehingga kini berikutan kedudukan mudah tunai bank-bank yang kukuh.

Fleksibiliti[1] Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) yang akan tamat pada akhir tahun 2022 dijangka tidak akan menjejaskan mudah tunai sistem perbankan dengan ketara berikutan penampan mudah tunai yang kukuh. Kebanyakan bank menempatkan lebihan mudah tunai di Bank dan dalam pasaran pemberian pinjaman antara bank yang mencukupi bagi menggantikan pemegangan MGS yang pada masa ini boleh digunakan oleh bank-bank untuk mematuhi SRR. Ketersediaan kemudahan perjanjian belian balik (*repurchase agreement, repo*) dengan Bank akan

Rajah 2.1: Sistem Perbankan – Nisbah Perlindungan Mudah Tunai



Nota: 1. LCR MYR dikira berdasarkan HQLA dan jangkaan aliran keluar tunai bersih dalam denominasi ringgit.
2. LCR keseluruhan dikira berdasarkan HQLA dan jangkaan aliran keluar tunai bersih dalam denominasi semua mata wang.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[1] Kebanyakan fleksibiliti pengawalseliaan yang diperkenalkan semasa kemuncak pandemik pada tahun 2020 dan 2021 telah tamat, kecuali fleksibiliti SRR dan pengaturan peralihan yang berterusan untuk olahan modal pengawalseliaan bagi peruntukan perakaunan. Penamatan langkah-langkah yang pelbagai ini tidak mengakibatkan sebarang gangguan terhadap pengantaraan kewangan. Rujuk Rencana mengenai 'Langkah-langkah untuk Mengurangkan Kesan Pandemik COVID-19 dan Memelihara Kestabilan Kewangan' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Pertama 2020 untuk keterangan lanjut mengenai langkah-langkah bantuan yang diperkenalkan.

Rajah 2.2: Sistem Perbankan – Nisbah Pendanaan Stabil Bersih



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.3: Sistem Perbankan – Sumbangan kepada Pertumbuhan Deposit Diterima



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.4: Sistem Perbankan – Komposisi Deposit Mengikut Jenis



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.5: Sistem Perbankan – Kos Deposit Purata dan Kos Dana Purata



Sumber: Bank Negara Malaysia

memberikan sokongan tambahan untuk bank-bank menguruskan mudah tunai mereka. Semua keadaan ini akan terus memastikan pasaran pendanaan kekal teratur. Berdasarkan analisis sensitiviti oleh Bank yang menggabungkan kesan kejutan aliran keluar dan kejutan kadar hasil bon yang ketara,[2] LCR dan NSFR sistem perbankan kekal berdaya tahan masing-masing pada 141.3% dan 115.5%.

Risiko daripada dedahan hutang luar negeri bank-bank kekal terurus

Dedahan hutang luar negeri bank-bank meningkat pada separuh pertama tahun 2022 (RM371.5 bilion; Disember 2021: RM336.5 bilion) berikutan permintaan pelanggan yang lebih tinggi terhadap mata wang asing (*foreign currency*, FCY) sejajar dengan aktiviti perdagangan yang pesat (Rajah 2.6). Peningkatan hutang luar negeri bank-bank sebahagian besarnya didorong oleh peminjaman FCY oleh beberapa kumpulan perbankan domestik (*domestic banking group*, DBG) dalam pasaran antara bank antarabangsa. Peminjaman ini digunakan terutamanya untuk merapatkan jurang mudah tunai FCY yang bersifat sementara daripada deposit korporat yang akan matang. Walaupun begitu, peminjaman dalam kumpulan terus membentuk sebahagian besar (kira-kira 70%) daripada jumlah pembiayaan antara bank FCY, sekali gus mengehadkan risiko pelanjutan yang dihadapi bank-bank. Kesan penilaian kadar pertukaran

[2] Aliran keluar bukan pemastautin diandaikan pada paras setara yang dicatatkan semasa pilihan raya AS 2016, dengan kadar hasil MGS 10 tahun melebihi tahap tertinggi dalam tempoh dua dekad yang lalu.

Rajah 2.6: Hutang Luar Negeri Bank-bank – Mengikut Instrumen



Nota: Hutang luar negeri bank-bank dalam konteks ini merujuk hutang luar negeri DBG, LIFB dan bank-bank di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (LIBFC).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.7: Sistem Perbankan – Hutang Luar Negeri FCY Berisiko dan Aset Mudah Tunai FCY



Nota: Aset mudah tunai terdiri daripada tunai dan setara tunai, sekuriti hutang tidak dihalang (*unencumbered*) dan penempatan antara bank.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.8: Sistem Perbankan – Kedudukan Terbuka Bersih FX dan USD



Sumber: Bank Negara Malaysia

mata wang asing susulan pengukuhan dolar AS, terutamanya pada suku kedua, juga menyumbang kira-kira 30% daripada kenaikan hutang luar negeri yang diukur dalam ringgit pada separuh pertama tahun 2022.

Risiko yang berpunca daripada dedahan sedemikian kekal terkawal dengan baik. Bank-bank terus mengekalkan aset mudah tunai FCY dalam jumlah yang besar, memadai untuk menampung sehingga 2.6 kali (Disember 2021: 3.5 kali; purata 2017-2019: 2.6 kali) hutang luar negeri FCY berisiko[3] (Rajah 2.7). Selain itu, bank-bank juga mempunyai akses kepada kemudahan pendanaan yang telah dijanjikan yang boleh digunakan semasa tempoh tekanan. Ketidaksepadanan FCY secara keseluruhan, seperti yang diukur oleh kedudukan terbuka bersih pertukaran asing (*foreign exchange net open position*, FX NOP) keseluruhan kekal rendah pada 4.5% daripada jumlah modal (Disember 2021: 4%). Hal ini mencerminkan penetapan kesanggupan mengambil risiko yang konservatif dalam kalangan bank-bank berikutan peningkatan volatiliti pasaran dalam tempoh tersebut (Rajah 2.8).

Bank-bank terus berhati-hati berikutan risiko pertumbuhan menjadi perlahan yang terus wujud

Nisbah pinjaman terjejas kasar dan bersih sistem perbankan masing-masing meningkat hingga 1.8%[4] dan 1.1% daripada jumlah keseluruhan pinjaman pada akhir bulan Jun 2022 (Rajah 2.9). Peningkatan ini didorong oleh sebilangan kecil peminjam isi rumah dan PKS yang mudah terjejas yang tidak dapat meneruskan bayaran balik pinjaman setelah keluar daripada program bantuan bayaran balik pinjaman serta kemungkiran peminjam korporat tertentu. Walau bagaimanapun, sebilangan besar peminjam yang keluar daripada program bantuan bayaran balik pinjaman telah kembali membayar balik pinjaman, lantas menyebabkan pinjaman Tahap 2 yang lebih rendah (Rajah 2.10). Bahagian pinjaman di bawah bantuan bayaran balik pinjaman[5] telah menurun kepada hanya 7.2% daripada jumlah pinjaman sistem

[3] Hutang luar negeri berisiko bank-bank terdiri daripada deposit institusi kewangan, peminjaman antara bank dan pinjaman jangka pendek daripada rakan niaga bukan pemastautin yang tiada kaitan, yang dianggap lebih mudah terdedah pada kejutan pengeluaran yang mendadak.

[4] Data pinjaman/pembiayaan yang digunakan adalah berdasarkan keperluan pelaporan statistik yang dikemas kini untuk mencerminkan takrifan data dan metodologi pelaporan yang lebih tepat. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.

[5] Merujuk semua jenis bantuan bayaran balik pinjaman untuk isi rumah dan PKS, termasuk moratorium, pakej bank-bank yang khusus, penjadualan semula dan penstrukturan semula (R&R) serta program URUS/FIRST.

Rajah 2.9: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar



Nota: Data pinjaman/pembiayaan yang digunakan adalah berdasarkan keperluan pelaporan statistik yang dikemas kini untuk mencerminkan takrifan data dan metodologi pelaporan yang lebih tepat. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.10: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Tahap 2



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.11: Sistem Perbankan – Perubahan Peruntukan Separuh Tahunan



Sumber: Bank Negara Malaysia

perbankan (Disember 2021: 26.1%). Jumlah peruntukan juga meningkat pada kadar yang lebih perlahan (Rajah 2.11) sejajar dengan pertumbuhan pinjaman, dengan beberapa bank mengurangkan sebahagian peruntukan pertimbangan pengurusan yang telah disediakan untuk peminjam tertentu berdasarkan bukti nyata tingkah laku bayaran balik pinjaman yang baik. Kesannya, kos kredit tahunan menurun kepada 18 mata asas, iaitu paras terendah sejak pandemik COVID-19 (Rajah 2.12). Namun, kos kredit ini masih melebihi paras sebelum pandemik berikutan bank terus berwaspada tentang kerugian kredit yang menjadi nyata daripada peminjam yang lebih terjejas akibat pandemik.

Walaupun kadar faedah dan kos sara hidup yang lebih tinggi boleh meningkatkan lagi kemungkiran sesetengah peminjam pada separuh kedua tahun 2022, peningkatan pinjaman terjejas keseluruhan dijangka sederhana berikutan prospek pertumbuhan ekonomi dan keadaan pasaran pekerja yang lebih baik. Bank-bank terus menyesuaikan rancangan R&R yang khusus untuk peminjam berdaya maju yang mungkin masih memerlukan bantuan, lantas membantu mengelakkan kemungkiran pramatang (*premature defaults*). Amalan pengelasan dan peruntukan pinjaman yang konservatif oleh bank-bank sebagai tindak balas terhadap pandemik ini juga telah menghasilkan peningkatan peruntukan yang ketara

Rajah 2.12: Sistem Perbankan – Nisbah Kos Kredit Tahunan



Sumber: Bank Negara Malaysia

sehingga kini (1.8% daripada jumlah pinjaman; purata 2015-2019: 1.4%), sekali gus menyediakan penampan yang berhemat bagi menghadapi kerugian kredit masa hadapan. Keseluruhan peruntukan dijangka kekal tinggi sepanjang tahun 2022 kerana bank-bank secara amnya mematuhi amalan bayaran balik pinjaman yang mampan untuk sekurang-kurangnya enam bulan bagi peminjam runcit dan PKS yang telah keluar daripada bantuan bayaran balik pinjaman sebelum peruntukan dimasuk kira semula (*unwinding provisions*).

Perolehan terus pulih namun risiko perolehan menjadi perlahan terus wujud

Keuntungan sistem perbankan terus bertambah baik pada separuh pertama tahun 2022 (Rajah 2.13). Keadaan ini disokong oleh kos kredit yang lebih rendah serta pertumbuhan pinjaman yang bertambah baik dan kos pendanaan yang rendah telah membantu mengekalkan margin faedah bersih (2.1%; Disember 2021: 2.1%). Pulangan atas aset dan ekuiti sistem perbankan masing-masing meningkat kepada 1.3% dan 11.8% (Disember 2021: 1.1% dan 9.5%). Penilaian pasaran

Rajah 2.13: Sistem Perbankan – Pendapatan, Kos and Untung Sebelum Cukai



Nota: 1. Pertumbuhan tahunan dikira berdasarkan angka-angka untuk ST1 2021 dan ST1 2022.
2. Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.14: Sistem Perbankan – Nisbah Harga kepada Nilai Buku dan Nisbah Harga kepada Perolehan Bank Tersenarai di Pasaran Saham Malaysia



Nota: Merujuk kepada median nisbah semua bank tersenarai di pasaran saham Malaysia.

Sumber: Bloomberg

bagi bank-bank tersenarai, seperti yang diukur dengan nisbah harga kepada nilai buku (*price-to-book*, P/B) dan nisbah harga kepada nilai perolehan (*price-to-earnings*, P/E) bagaimanapun telah menurun sedikit (Rajah 2.14). Hal ini mencerminkan sentimen keseluruhan pasaran ekuiti domestik yang lebih lemah walaupun prospek prestasi bank-bank lebih menggalakkan. Pada masa hadapan, beberapa risiko prestasi bank-bank menjadi lebih perlahan masih wujud. Persaingan semakin sengit daripada peserta sedia ada serta kemunculan produk dan peserta baharu (contohnya bank-bank digital, e-dompet dan pemberi pinjaman BNPL) dalam pasaran, boleh mengurangkan kemungkinan peningkatan keuntungan bank-bank. Dasar monetari yang terus diperketat dalam ekonomi utama dan volatiliti pasaran bon global yang ketara juga boleh memberikan kesan limpahan kepada pasaran bon Malaysia. Hal ini seterusnya boleh menjejaskan pendapatan perdagangan dan pelaburan bank-bank (Jun 2022: 6.9% daripada jumlah pendapatan sistem perbankan).

Institusi Perbankan Terus Menyokong Pemulihan Ekonomi Meskipun Mengalami Kemerosotan Keuntungan yang Ketara Semasa Pandemik

Pengenalan

Keuntungan bank penting untuk kestabilan kewangan. Bank-bank yang mempunyai tahap permodalan yang mantap dan tahap keuntungan yang kukuh boleh melindungi ekonomi daripada kemerosotan kewangan manakala bank-bank yang mengalami kerugian akan menambahkan dan memburukkan lagi kejutan negatif terhadap ekonomi. Penampan modal membolehkan bank-bank menyerap kerugian yang tidak dijangka dan mengekalkan pengantaraan kewangan semasa tempoh ketidakpastian ekonomi. Penampan modal diperoleh terutamanya melalui perolehan tertahan yang sebahagian besarnya didorong oleh keuntungan. Bank-bank yang mempunyai rekod prestasi keuntungan yang kukuh juga akan lebih mudah untuk memperoleh modal baharu dan pendanaan daripada pasaran kewangan. Sebaliknya, bank-bank yang mengalami penurunan dalam paras keuntungan mereka mungkin menghadapi kesukaran untuk meningkatkan kembali paras penampan modal, lantas menjejaskan kesediaan dan keupayaan mereka untuk memberikan pinjaman. Sesetengah bank mungkin memilih untuk menggunakan strategi yang lebih berisiko untuk menambah keuntungan, lantas meningkatkan risiko terhadap kestabilan kewangan.

Sistem perbankan yang menguntungkan juga dapat mengekalkan ekosistem yang lebih meluas. Di Malaysia, institusi kewangan bukan bank[1] (IKBB) yang besar merupakan pemegang saham yang penting dalam sektor perbankan (pemegangan saham bank oleh IKBB sebagai peratusan daripada ekuiti bank tersenarai: 37.8%). Keuntungan sistem perbankan yang kukuh menyumbang kepada bayaran dividen lebih stabil, yang akhirnya memberikan manfaat kepada isi rumah yang menyimpan dalam IKBB.

Rencana ini meneliti prestasi sektor perbankan sepanjang pandemik COVID-19 serta pemerhatian yang berkaitan dengan amalan pengambilan risiko oleh bank.

Institusi perbankan mengalami tekanan yang ketara semasa pandemik

Bank-bank Malaysia menghadapi pandemik dengan penampan modal yang mantap dan keuntungan yang kukuh. Walau bagaimanapun, keuntungan semua bank mengalami kesan buruk yang ketara apabila kegiatan ekonomi terhenti susulan bermulanya pandemik COVID-19. Keyakinan pasaran terhadap sektor perbankan, seperti yang dicerminkan oleh median harga saham bank-bank tersenarai awam juga merosot ke paras terendah sejak Krisis Kewangan Global disebabkan oleh persekitaran risiko kredit yang tidak pasti (Rajah 1).

Pada akhir tahun pertama pandemik, pulangan atas ekuiti (*return on equity,* ROE) sistem perbankan menurun kepada paras terendahnya, iaitu 8.3% pada bulan Mac 2021 daripada 12.2% pada akhir bulan Disember 2019 (Rajah 2). Penurunan keuntungan ini berlaku pada semua bank. Kegiatan ekonomi yang terhenti berulang kali telah menjejaskan aktiviti pemberian pinjaman bank-bank dan seterusnya mengurangkan sumber pendapatan utama mereka dengan ketara, iaitu pendapatan faedah bersih. Yang penting, sumbangan pendapatan faedah bersih kepada pendapatan kasar bank-bank meningkat semasa pandemik (pendapatan faedah bersih sebagai peratusan daripada pendapatan sistem perbankan, Jun 2022: 73.6%; 2019: 71.4%), didorong oleh penurunan pendapatan bukan faedah. Seperti yang dinyatakan dalam tinjauan[2] Bank pada tahun 2019, sebahagian besar hasil berasaskan fi adalah daripada penyediaan perkhidmatan sampingan yang dikaitkan dengan pengeluaran pinjaman. Keuntungan ini menurun sejajar dengan penurunan dalam permintaan kredit semasa pandemik. Pada masa yang sama, bank-bank menyediakan peruntukan kerugian pinjaman yang lebih banyak bagi

[1] Merujuk entiti yang menjalankan aktiviti pelaburan melalui pengurusan dana awam, skim pelaburan secara kolektif dan dana persaraan yang bukan di bawah bidang kuasa Bank.
[2] Rujuk Rencana 'Keuntungan Bank-bank Malaysia – Trend Masa Lalu dan Prospek Masa Hadapan' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Pertama 2019 untuk keterangan lanjut.

Rajah 1: Sistem Perbankan – Harga Saham Bank-bank Tersenarai Awam di Malaysia dan FBM KLCI



Note: Merujuk median nisbah semua bank tersenarai awam di Malaysia.

Sumber: Bloomberg

Rajah 2: Sistem Perbankan – Pulangan atas Ekuiti bagi Suku Tahunan



Sumber: Bank Negara Malaysia

mengambil kira persekitaran risiko kredit yang tidak menentu semasa pelaksanaan moratorium pinjaman, lantas mengurangkan lagi keuntungan bank-bank. Hal ini diburukkan lagi oleh kerugian pengubahsuaian[3] yang dikaitkan dengan langkah bantuan bayaran balik pinjaman secara meluas yang diperkenalkan bagi membantu aliran tunai isi rumah dan PKS pada awal pandemik COVID-19.

Kesanggupan pelabur mengambil risiko bagi saham sektor perbankan juga terjejas dengan ketara pada tahun 2020

Sebelum pandemik, median nisbah harga kepada nilai buku (*price-to-book*, P/B)[4] industri bagi bank-bank tersenarai awam sudahpun menunjukkan trend menurun secara beransur-ansur, didorong oleh kemerosotan keuntungan serta keperluan modal yang lebih tinggi. Prospek risiko kredit yang tidak menentu dan persekitaran operasi yang mencabar semasa pandemik menambah lagi penurunan jangka panjang ini, setara dengan nisbah keuntungan bank-bank yang jatuh mendadak. Median nisbah P/B bank-bank yang tersenarai menurun ke paras terendah yang pernah dicatatkan iaitu 0.59 kali pada bulan Oktober 2020 sebelum meningkat semula kepada 0.78 kali menjelang akhir tahun 2020 (Disember 2019: 0.91 kali) (Rajah 3). Baru-baru ini pada tahun 2022, median nisbah P/B menjadi sederhana, mencerminkan ketidakpastian yang meningkat dalam kalangan pelabur tentang kesan pasaran yang tidak menentu terhadap pendapatan dagangan bank-bank.

Median nisbah P/B yang lebih rendah semasa pandemik mencerminkan kebimbangan pelabur terhadap keupayaan perolehan bank dan potensi kerugian yang belum diiktiraf berikutan langkah bantuan bayaran balik pinjaman yang berulang kali seiring dengan kualiti aset yang tidak jelas. Nisbah P/B meningkat pada tahun 2021 apabila dedahan risiko kredit bank-bank semakin jelas dengan peralihan kepada bantuan bayaran balik pinjaman yang lebih bersasar. Amalan peruntukan berhemat bank-bank bersama-sama dengan pelbagai langkah sokongan pengawalseliaan telah meningkatkan lagi keyakinan terhadap keupayaan bank-bank untuk mengharungi keadaan yang genting.

[3] Kerugian pengubahsuaian merujuk pelarasan kos sekali sahaja (*one-off*) yang berpunca daripada moratorium pinjaman disebabkan oleh perubahan dalam nilai bawaan dan pendapatan faedah selepas pengubahsuaian. Berdasarkan MRFS 9, nilai bawaan kasar perlu dikira semula bersandarkan nilai semasa aliran tunai kontrak yang diubah suai, menyebabkan perbezaan nilai diambil sebagai kerugian pengubahsuaian.

[4] Nisbah P/B ialah ukuran pasaran untuk ekuiti bank kepada nilai buku dan boleh dijadikan ukuran untuk nilai francais bank. Nisbah P/B yang lebih besar daripada satu menandakan keyakinan pelabur terhadap keupayaan perolehan syarikat dan pasaran sanggup membayar lebih daripada nilai aset bersih syarikat untuk harga satu unit saham. Sebaliknya, nisbah P/B di bawah satu menunjukkan kebimbangan pelabur terhadap nilai pemegang saham.

Amalan pengambilan risiko institusi perbankan secara relatif kekal konsisten sepanjang pandemik

Meskipun persekitaran operasi mencabar semasa pandemik, bank-bank tidak mengubah amalan pengambilan risiko mereka secara ketara. Sama seperti ROE, pulangan atas aset berwajaran risiko (*return on risk-weighted assets,* RoRWA)[5] bank-bank juga merosot sepanjang tahun 2020, menurun daripada paras sebelum pandemik iaitu 2.42% kepada 1.71% menjelang akhir tahun 2020 (Rajah 4). Kepadatan aset berwajaran risiko (*risk-weighted asset,* RWA),[6] iaitu proksi untuk tahap pengambilan risiko mutlak, tidak berubah dengan ketara sepanjang tahun 2020 meskipun mencatatkan sedikit peningkatan dari segi volatiliti. Hal ini menunjukkan bahawa perolehan yang lebih rendah semasa pandemik memainkan peranan lebih penting yang menyebabkan penurunan RoRWA berbanding dengan sebarang perubahan ketara dalam amalan pengambilan risiko bank-bank. Hal ini selaras dengan peranan kitaran balas yang dapat dilaksanakan oleh bank-bank semasa pandemik berikutan penampan mereka yang kukuh (seperti yang dijelaskan di bawah). Walau bagaimanapun, kepadatan RWA menurun pada separuh kedua tahun 2021, didorong oleh aset berwajaran risiko yang lebih rendah. Dalam persekitaran mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dan permintaan kredit yang rendah, bank-bank menempatkan lebihan dana mereka dalam sekuriti kerajaan yang mempunyai wajaran risiko yang rendah. Pada masa yang sama, pertimbangan pengurusan yang digunakan di bawah piawaian modal kawal selia dan piawaian perakaunan sedia ada telah membantu mengelakkan tekanan yang tidak perlu terhadap rizab modal bank-bank.

Rajah 3: Sistem Perbankan – Median Nisbah Harga kepada Nilai Buku bagi Bank-bank Tersenarai Awam di Malaysia



Sumber: Bloomberg

Rajah 4: Sistem Perbankan – Pulangan atas Aset Berwajaran Risiko (RWA) dan Densiti RWA



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kedudukan modal bank-bank yang kukuh sebelum pandemik merupakan faktor penting di sebalik amalan pengambilan risiko bank-bank yang secara relatif stabil semasa persekitaran operasi pandemik yang mencabar. Kebanyakan bank menghadapi krisis pada kedudukan paras modal yang jauh melebihi keperluan pengawalseliaan. Hal ini membolehkan bank-bank menyerap kesan jangka pendek terhadap keuntungan dan pada masa yang sama mengekalkan keupayaan mereka untuk memberikan pinjaman dan menyokong ekonomi sebaik sahaja ekonomi mula pulih tanpa menjejaskan profil risiko jangka panjang mereka. Walaupun bank-bank lebih berhati-hati untuk memberikan pinjaman kepada peminjam baharu, kemudahan kredit kepada peminjam sedia ada tidak terjejas secara meluas. Pada tempoh ini, kebanyakan bank juga mengurangkan kadar pengagihan dividen serta melaksanakan program pelaburan semula dividen bagi mengekalkan penampan modal. Pengurusan risiko yang berhemat oleh bank-bank semasa pandemik serta prospek bank-bank dan ekonomi secara meluas yang bertambah baik dijangka meningkatkan nilai francais bank-bank pada jangka masa panjang. Keadaan ini berlaku meskipun risiko keadaan buruk yang berterusan seperti yang dibincangkan dalam bab ini. Yang penting, daya tahan bank-bank yang berterusan akan mengekalkan peranan kitaran balas mereka semasa tempoh tekanan.

[5] RoRWA, yang penyebutnya *(denominator)* ialah ukuran terlaras risiko bagi jumlah aset sistem perbankan, menunjukkan kos kecekapan setiap unit risiko yang dijana oleh sesebuah bank pada masa ini. Nilai yang rendah mungkin menandakan tahap pengambilan risiko yang lebih tinggi dalam kalangan bank melalui RWA yang lebih tinggi.

[6] Kepadatan aset berwajaran risiko ditakrifkan sebagai nisbah jumlah RWA berbanding dengan jumlah aset, sebagai proksi untuk tahap pengambilan risiko mutlak oleh bank-bank. Kepadatan yang lebih tinggi menunjukkan aktiviti pengambilan risiko yang lebih tinggi.

Permodalan sistem perbankan terus kukuh

Permodalan bank-bank terus kukuh, dengan lebihan penampan modal sebanyak RM122.9 bilion (Rajah 2.15). Penampan ini terus memelihara daya tahan bank-bank terhadap sebarang kerugian yang tidak dijangka dan berupaya menyokong aktiviti pemberian pinjaman apabila kegiatan ekonomi disambung semula. Nisbah jumlah modal keseluruhan yang lebih rendah (18.0%; Disember 2021: 19.2%) didorong oleh pertumbuhan aset berwajaran risiko sejajar dengan pertumbuhan pinjaman yang lebih tinggi dan kerugian penilaian semula akibat kenaikan kadar hasil bon. Meskipun begitu, penampan modal yang kukuh telah membolehkan bank-bank meneruskan pembayaran dividen. Tindakan ini juga telah memberikan manfaat kepada isi rumah yang menyimpan dengan dana institusi yang merupakan pemegang saham bank-bank. Kedudukan kewangan bank-bank yang kukuh juga akan mengekalkan keupayaan mereka untuk memperoleh modal daripada pasaran bagi menyokong aktiviti pengantaraan kewangan. Strategi pengurusan risiko bank-bank yang aktif seperti penyeimbangan semula portfolio pelaburan daripada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (*fair value through other comprehensive income*, FVOCI) kepada kos terlunas (*amortised cost*, AC) serta peralihan kepada sekuriti FVOCI jangka lebih pendek akan membantu mengurangkan kesan kenaikan kadar hasil bon terhadap kedudukan modal bank-bank.

Rajah 2.15: Sistem Perbankan – Permodalan



Nota: Lebihan jumlah modal merujuk kepada jumlah modal yang melebihi keperluan minimum pengawalseliaan termasuk keperluan penampan pengekalan modal 2.5% serta keperluan minimum bank tertentu yang lebih tinggi.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Berdasarkan analisis sensitiviti yang dijalankan oleh Bank, sistem perbankan dijangka terus berdaya tahan bagi menghadapi kejutan makroekonomi dan kewangan yang teruk, termasuk keadaan kewangan global dan domestik yang semakin ketat serta penurunan nilai ringgit. Bank selanjutnya mengenakan tekanan pada parameter terpilih yang digunakan dalam ujian tekanan kesolvenan makro[6] Bank sebelum ini untuk mengetahui risiko keadaan buruk di bawah persekitaran semasa. Parameter yang dikenakan tekanan ini termasuk kadar hasil MGS 10 tahun yang melebihi tahap tertinggi dalam tempoh dua dekad, kos pendanaan dan peminjaman yang semakin tinggi berikutan kenaikan kadar dasar yang mengandaikan kejutan Kadar US Federal Funds terbesar dalam tempoh 12 bulan sejak berakhirnya US Great Inflation pada awal 1980-an, serta ringgit berada pada paras yang lebih teruk daripada paras semasa Krisis Kewangan Asia. Dalam persekitaran simulasi ini, keseluruhan pinjaman terjejas boleh meningkat kepada 5.8% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan pada akhir tahun 2023 (Rajah 2.16). Peningkatan jejas nilai secara relatif sederhana sebanyak 1.2 mata peratusan berbanding dengan ujian tekanan kesolvenan makro. Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh kemungkiran tambahan peminjam isi rumah (kira-kira 75% bahagian daripada jejas nilai tambahan) dengan penampan kewangan yang lebih terhad untuk menampung kos sara hidup dan kos peminjaman yang lebih tinggi, serta peminjam PKS daripada sektor pembinaan serta sektor hotel dan restoran. Walau bagaimanapun, nisbah modal

Rajah 2.16: Analisis Sensitiviti: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Terjejas



u Unjuran

Sumber: Bank Negara Malaysia

[6] Rujuk bahagian 'Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua 2021 untuk keterangan lanjut.

sistem perbankan terus jauh melebihi paras minimum selepas kejutan iaitu 15.4% pada akhir tahun 2023 (Rajah 2.17).

Rajah 2.17: Analisis Sensitiviti: Sistem Perbankan – Nisbah Jumlah Modal Selepas Kejutan



u Unjuran

Sumber: Bank Negara Malaysia

Semua bank domestik yang penting dari segi sistemik[7] (*domestic systemically important banks*, D-SIB) terus mengekalkan modal CET1 yang nyata melebihi keperluan pengawalseliaan minimum, termasuk keperluan penyerapan kerugian yang lebih tinggi (*higher loss absorbency*, HLA). Berdasarkan penilaian terkini Bank yang menggunakan penyerahan data akhir tahun 2021, senarai kumpulan perbankan yang ditetapkan sebagai D-SIB dan keperluan HLA masing-masing kekal tidak berubah (Jadual 2.1).

Jadual 2.1: Keperluan HLA untuk D-SIB

D-SIB	Keperluan HLA (% daripada aset berwajaran risiko)
Malayan Banking Berhad	**1.0**
CIMB Group Holdings Berhad	
Public Bank Berhad	**0.5**

Sumber: Bank Negara Malaysia

[7] Penilaian D-SIB dijalankan untuk bank-bank yang mempunyai gabungan jumlah aset yang bersamaan dengan atau melebihi RM30 bilion.

Momentum pemulihan merentas operasi luar negeri DBG sejajar dengan pemulihan ekonomi global

Prestasi operasi luar negeri kumpulan perbankan domestik[8] (*domestic banking groups*, DBG) bertambah baik berikutan peningkatan kegiatan ekonomi dalam pasaran utama. Pulangan atas ekuiti (ROE) tahunan[9] keseluruhan dan nisbah pinjaman terjejas kasar operasi luar negeri DBG bertambah baik masing-masing kepada 17.8% dan 3.2% (Rajah 2.18). Keadaan ini disokong terutamanya oleh operasi di Singapura (Rajah 2.19). Trend peningkatan keuntungan merentas kebanyakan negara ini adalah hasil daripada pendapatan faedah bersih yang lebih tinggi berikutan pertumbuhan pinjaman yang lebih baik (11.3%; Disember 2021: 7.9%) serta peruntukan lebih rendah yang direkodkan. Berikutan tamatnya bantuan dan

Rajah 2.18: Sistem Perbankan – Pulangan atas Ekuiti Operasi Luar Negeri Mengikut Negara



Nota:
1. Purata pulangan atas ekuiti keseluruhan diberikan wajaran berdasarkan saiz aset operasi luar negeri terpilih.
2. Purata pulangan atas ekuiti diberikan wajaran berdasarkan saiz operasi luar negeri setiap kumpulan perbankan domestik mengikut negara.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[8] Merujuk pejabat DBG di luar negara (cawangan dan anak syarikat) yang beroperasi di luar Malaysia dan LIBFC. Secara kumulatif, DBG beroperasi di 14 negara, dengan operasi utama di Singapura, Indonesia, Thailand dan Hong Kong SAR.

[9] Angka tahunan diberikan wajaran berdasarkan saiz aset operasi setiap DBG di negara masing-masing.

fleksibiliti bayaran balik pinjaman di kebanyakan negara, bahagian pinjaman di bawah pelbagai langkah bantuan bayaran balik pinjaman menurun daripada 4.5% pada bulan Disember 2021 kepada 2.9% daripada jumlah pinjaman operasi luar negeri. Selain itu, prestasi bayaran balik pinjaman yang bertambah baik oleh peminjam di negara yang mempunyai operasi DBG yang lebih besar telah menyebabkan pinjaman terjejas lebih rendah pada separuh pertama tahun 2022.

Risiko mudah tunai dan pendanaan kekal terurus apabila operasi luar negeri utama sebahagian besarnya terus dibiayai oleh deposit pelanggan yang stabil (Rajah 2.20). Potensi kesan yang menyusuli (*knock-on effects*) daripada operasi luar negeri terhadap daya tahan seluruh kumpulan juga terus terhad. Keadaan ini disokong oleh kekukuhan penampan modal dalam operasi luar negeri DBG bagi menyerap potensi kerugian kredit tanpa memerlukan bantuan bank induk (Rajah 2.21).

Rajah 2.19: Sistem Perbankan – Profil Aset Operasi Luar Negeri Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.20: Sistem Perbankan – Profil Pendanaan Operasi Luar Negeri Utama



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.21: Sistem Perbankan – Penunjuk Kewangan Utama Operasi Luar Negeri



Nota: Purata penunjuk kewangan utama diberikan wajaran berdasarkan saiz aset operasi luar negeri terpilih.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Memperkukuh Daya Tahan Sistem Kewangan dengan Rangka Kerja Perancangan Pemulihan dan Resolusi

Selepas Krisis Kewangan Global (Global Financial Crisis, GFC), Financial Stability Board G20 telah menerbitkan kertas kerja mengenai Key Attributes of Effective Resolution Regimes for Financial Institutions sebagai piawaian baharu antarabangsa untuk rejim resolusi yang berkesan.. Matlamat piawaian tersebut adalah untuk memastikan pihak berkuasa negara mampu menangani kegagalan institusi kewangan secara teratur tanpa mendedahkan pembayar cukai kepada risiko kerugian daripada sokongan kesolvenan. Oleh itu, sistem kewangan akan menjadi lebih berdaya tahan terhadap peristiwa tekanan yang boleh menjejaskan kestabilan kewangan. Sehubungan dengan itu, Bank Negara Malaysia (Bank) dan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) telah berganding bahu untuk mewujudkan rangka kerja Perancangan Pemulihan dan Resolusi (Recovery and Resolution Planning, RRP) yang bersepadu untuk bank-bank berlesen dan syarikat induk kewangan (selepas ini dirujuk sebagai institusi kewangan).

Perancangan Pemulihan

Pelan pemulihan berfungsi sebagai panduan untuk institusi kewangan bertindak tepat pada masanya terhadap pelbagai peristiwa tekanan yang boleh mengancam kesolvenan dan daya maju jangka panjangnya. Pelan pemulihan mestilah dirangka dan dimiliki oleh institusi kewangan dan tanpa mengambil kira sebarang prospek sokongan atau campur tangan oleh pihak berkuasa. Paling penting, pelan pemulihan tidak boleh mengambil kira sokongan pembayar cukai sebagai jalan penyelesaian.

Pelan pemulihan yang berkesan dan boleh dipercayai dirangka berasaskan analisis yang mendalam tentang operasi sesebuah institusi kewangan dan mengenal pasti pelbagai pilihan yang boleh dilaksanakan oleh institusi kewangan tersebut bagi memulihkan daya maju jangka panjangnya di bawah pelbagai senario tekanan (Gambar Rajah 1). Institusi kewangan perlu mewujudkan strategi yang boleh dipercayai untuk pulih daripada peristiwa tekanan ke atas keseluruhan sistem, peristiwa tekanan yang unik bagi institusi terlibat atau gabungan kedua-duanya.

Gambar Rajah 1: Komponen Utama Pelan Pemulihan



Analisis Strategik	Penunjuk Pemulihan	Pilihan Pemulihan	Analisis Senario
Merekodkan maklumat terperinci mengenai struktur, aktiviti perniagaan, profil risiko dan kesalinghubungan	Rangka kerja penunjuk dengan kriteria dan nilai ambang yang ditetapkan bagi memudahkan pemantauan, pelaporan dan pengaktifan pilihan pemulihan tepat pada masanya	Langkah-langkah untuk memulihkan kekukuhan dan mengekalkan daya maju untuk jangka panjang	Sekumpulan senario tekanan yang pelbagai bagi menilai kebolehlaksanaan dan kesan pilihan pemulihan menerusi sejumlah peristiwa tekanan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Dalam usaha membangunkan pelan pemulihan, institusi kewangan perlu merujuk Dokumen Dasar mengenai Perancangan Pemulihan (Recovery Planning Policy Document) yang dikeluarkan oleh Bank pada bulan Julai 2021. Dokumen dasar ini bertujuan untuk memastikan pelan pemulihan mengandungi tahap kerapian dan kualiti yang mencukupi. Dokumen dasar ini mencerminkan pendekatan yang lebih berkadaran terhadap perancangan pemulihan bagi mengambil kira kepelbagaian ciri, saiz dan kerumitan institusi kewangan. Sehubungan dengan itu, tahap perincian dan kedalaman analisis yang dijangka dalam pelan pemulihan akan seiring dengan profil risiko institusi kewangan.

Bank Negara Malaysia berpandangan bahawa perancangan pemulihan merupakan sebahagian daripada pengurusan risiko yang baik bagi meningkatkan daya tahan institusi-institusi terhadap episod tekanan kewangan dan mengukuhkan tahap kesediaan mereka untuk bertindak balas terhadap kejutan yang teruk. Oleh itu, perancangan pemulihan diwajibkan untuk semua institusi kewangan dan dilaksanakan pada peringkat kumpulan[1] bagi memastikan penilaian risiko yang komprehensif dan merangkumi tahap saling bergantung dalam kumpulan. Oleh yang demikian, hal ini memberi institusi kewangan satu penilaian berhubung dengan keupayaan pemulihannya secara keseluruhan dan rangkaian pilihan pemulihan yang tersedia secara lebih meluas yang mungkin tidak dapat dilakukan pada peringkat entiti. Menerusi pendekatan pelaksanaan perancangan pemulihan secara berfasa, institusi kewangan yang lebih besar dan lebih kompleks dikehendaki melengkapkan pelan pemulihan mereka menjelang suku pertama tahun 2023 dan diikuti oleh bank-bank lain pada tahun 2024.

Manfaat utama perancangan pemulihan adalah untuk membantu institusi-institusi kewangan mengenal pasti dengan lebih awal halangan terhadap pemulihannya daripada peristiwa tekanan yang teruk. Institusi kewangan yang telah merangka pelan pemulihan, termasuk bank-bank di Malaysia yang mengambil bahagian dalam latihan rintis domestik pada tahun 2017 dan 2018, mendapati bahawa halangan yang lazim dialami termasuk sistem maklumat yang tidak serasi. Hal ini lantas menyukarkan keupayaan mengagregat dan menganalisis dedahan merentas entiti dan lokasi, penyelarasan yang lemah dalam kalangan dan merentas entiti, kerumitan undang-undang dan operasi dalam merungkai aktiviti yang tersebar merentasi lokasi berlainan sepanjang rantaian nilai, serta penumpuan pasaran yang boleh mengekang keupayaan institusi kewangan untuk mengurangkan risiko operasi mereka. Apabila halangan ini ditangani pada peringkat awal, institusi kewangan boleh bertindak balas terhadap peristiwa tekanan dengan lebih pantas, lantas meningkatkan prospek pemulihannya daripada peristiwa tekanan dengan ketara.

Sekiranya pilihan pemulihan sesebuah institusi kewangan tidak lagi dapat dilaksanakan untuk memulihkan daya maju jangka panjangnya, institusi kewangan itu akan mula melaksanakan resolusi.

Perancangan Resolusi

Sebagai pihak berkuasa resolusi bagi institusi kewangan yang merupakan institusi ahlinya,[2] PIDM menerajui pembangunan rangka kerja perancangan resolusi di Malaysia untuk memastikan resolusi yang segera dan teratur bagi mana-mana bank ahli yang gagal (Gambar Rajah 2).[3] Pelan resolusi dirangka oleh PIDM. Secara amnya, pelan resolusi memperincikan pelaksanaan strategi resolusi terpilih (*preferred resolution strategy*, PRS) yang khusus untuk sesebuah bank, mengenal pasti halangan terhadap tindakan resolusi PIDM dan membangunkan langkah pemulihan bagi menangani halangan ini. Maklumat lanjut tentang rangka kerja perancangan resolusi yang berkenaan untuk bank-bank ahli di Malaysia boleh didapati dalam Draf Dedahan PIDM mengenai Resolution Planning Approach for Deposit-Taking Members yang diterbitkan pada 1 Ogos 2022.

Perancangan resolusi bertujuan menjadikan bank-bank ahli PIDM bersedia untuk pemindahan dan boleh dibubarkan

PRS bagi bank-bank ahli bertujuan menjadikan mereka 'bersedia untuk pemindahan', dan pada masa yang sama memastikan kesinambungan fungsi yang sangat penting untuk dilaksanakan dan memelihara nilai francais institusi. Hal ini bermaksud memastikan tindakan resolusi bank-bank ahli yang tidak berdaya maju boleh dilaksanakan terlebih dahulu melalui pemindahan saham, perniagaan dan/atau portfolio aset serta liabilitinya kepada pembeli sektor swasta atau institusi pengantara (*bridge institution*).[4] Sebagai alternatif atau strategi pelengkap, bank ahli

---

[1] Hal ini memerlukan perancangan pemulihan yang dirangka oleh syarikat induk bank atau syarikat induk kewangan secara bersepadu.
[2] Institusi ahli ialah institusi kewangan yang disifatkan sebagai institusi ahli PIDM di bawah Akta PIDM 2011.
[3] Bank-bank ahli termasuk semua bank perdagangan yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan semua bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, termasuk anak syarikat bank asing yang diperbadankan dan beroperasi di Malaysia. Rangka kerja perancangan resolusi pada masa ini tidak termasuk ahli penanggung insurans. Rangka kerja bagi ahli penanggung insurans akan dirangka kemudian, jika bersesuaian.
[4] Institusi pengantara ialah anak syarikat PIDM yang ditubuhkan bagi mengambil alih bank ahli yang tidak berdaya maju dari segi perniagaan, aset, hal ehwal dan liabiliti termasuk fungsi sangat pentingnya bagi membolehkan bank ahli itu terus berfungsi dengan lancar, lantas mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan.

Gambar Rajah 2: Pendekatan Perancangan Resolusi Tiga Peringkat Secara Berterusan untuk Bank Ahli



Nota: Pelan Operasi merupakan sebahagian daripada Pelan Resolusi.

Sumber: Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

yang gagal atau baki bahagian bank tersebut (aset lapuk) boleh dilupuskan dan dicairkan. Bagi institusi yang lebih kecil dan kurang kompleks, alternatif ini berkemungkinan akan kurang memberikan kesan terhadap kestabilan sistem kewangan. Oleh itu, pilihan ini boleh menjadi pilihan yang paling mengurangkan kos. Selaras dengan mandat PIDM, kos resolusi[5] juga akan mengambil kira kesan luaran (*externalities*) kegagalan institusi ahli terhadap sistem kewangan dan ekonomi secara lebih meluas.

Sama seperti pelan pemulihan, institusi ahli dan PIDM masing-masing akan menjalankan penilaian kebolehlaksanaan dan kredibiliti pelan resolusi serta perincian pelaksanaan. Penilaian ini adalah untuk mengenal pasti potensi halangan terhadap pelaksanaan PRS yang segera dan berkesan serta merangka langkah-langkah pengurangan halangan. Tujuan tindakan ini adalah untuk memastikan perancangan yang dirumuskan boleh dilaksanakan, meliputi bidang seperti kesinambungan operasi, data, sistem maklumat pengurusan (*management information system*) dan penilaian, akses berterusan kepada infrastruktur pasaran kewangan, struktur undang-undang serta isu-isu yang berkaitan dengan pembiayaan resolusi, komunikasi dan tadbir urus.

Sebagai hasil proses perancangan resolusi, PIDM mungkin memerlukan bank-bank ahli mengambil langkah khusus bagi meningkatkan keupayaan untuk dibubarkan. Hal ini akan dilakukan melalui perundingan dengan Bank sebagai pihak berkuasa penyeliaan utama.

Penyelarasan Perancangan Pemulihan dan Perancangan Resolusi

Perancangan pemulihan dan perancangan resolusi saling melengkapi antara satu sama lain bagi memastikan wujudnya pelbagai strategi kesediaan menghadapi krisis untuk institusi kewangan mengharungi tekanan yang ketara daripada peristiwa luar jangka dan seterusnya memelihara kestabilan kewangan. Bank dan PIDM bekerjasama erat dalam menyelaraskan pembangunan dan pelaksanaan rangka kerja perancangan pemulihan dan resolusi memandangkan usaha ini memerlukan sumber yang intensif. Hal ini memastikan keselarasan dasar

[5] Penilaian terdiri daripada kos kualitatif dan kos kuantitatif.

yang meminimumkan beban pengawalseliaan terhadap industri. Contohnya, PIDM turut memanfaatkan analisis strategik bagi perancangan pemulihan yang dilakukan oleh bank-bank ahli sebagai input makluman kepada pembangunan pelan resolusi. Pelan resolusi juga berpandukan prinsip berkadaran (*principle of proportionality*) berdasarkan pertimbangan yang konsisten tentang ciri, saiz dan kerumitan bank ahli. Selain itu, pelan resolusi akan dilaksanakan secara berfasa seiring dengan pelaksanaan pelan pemulihan bagi meraih manfaat daripada libat urus yang terselaras dengan bank-bank serta langkah-langkah yang diambil untuk menangani halangan lazim terhadap kedua-dua pelan.

Penyelarasan antara Bank dengan PIDM juga memudahkan kerjasama rentas sempadan yang lebih lancar dengan pihak berkuasa negara asal dan pihak berkuasa negara lain yang mempunyai kehadiran institusi kewangan Malaysia yang ketara. Bank dan PIDM terus bekerjasama rapat dengan rakan setara di negara lain termasuk melalui latihan simulasi krisis serta penilaian pelan pemulihan dan resolusi kumpulan secara bersama bagi memperkukuh pengaturan kerjasama rentas sempadan.

Bukan sekadar latihan pematuhan...

Apabila dilihat sebagai lanjutan daripada proses pengurusan risiko institusi kewangan di bawah spektrum tekanan (Gambar Rajah 3), langkah-langkah yang diambil oleh institusi kewangan bagi menangani halangan terhadap pelan pemulihan dan resolusi (contohnya, mengurangkan kerumitan organisasi dan penumpuan pasaran, meningkatkan keupayaan data dan memperkukuh pemantauan terhadap pencetus pemulihan) dijangka mengukuhkan lagi amalan pengurusan risiko yang mantap dan pengawasan yang berkesan oleh institusi kewangan semasa tempoh urusan seperti biasa (*business-as-usual*, BAU). Institusi kewangan juga meraih peluang untuk meningkatkan kecekapan operasi dan memantapkan lagi proses membuat keputusan.

Gambar Rajah 3: Kesalinghubungan antara Pengurusan Risiko, Pelan Pemulihan dan Pelan Resolusi



Nota: BCP merujuk Pelan Kesinambungan Perniagaan; ICAAP merujuk Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman; ILAAP merujuk Proses Penilaian Kecukupan Mudah Tunai Dalaman.

Sumber: Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

Selain itu, isu keupayaan pemindahan (*transferability*) yang ditangani boleh mengungkai nilai strategik untuk bank-bank ahli ketika ekonomi mencatatkan pertumbuhan yang baik, terutamanya bagi institusi yang mempertimbangkan penggabungan dan pengambilalihan. Semasa tempoh tekanan yang teruk, tempoh tindak balas yang lebih singkat untuk mengambil tindakan pembetulan adalah sangat penting bagi memelihara daya maju institusi kewangan dan nilai pemegang saham.

Rujukan:

Financial Stability Board (2014). 'Key Attributes of Effective Resolution Regimes for Financial Institutions'.

Bank Negara Malaysia (2021). 'Policy Document on Recovery Planning'.

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (2022). 'Exposure Draft on Resolution Planning Approach for Deposit-Taking Members'.

Mengawal Selia Bank-bank Digital

Penyertaan bank-bank digital dalam landskap perbankan Malaysia dijangka dapat merangsang inovasi dan menambah baik penyediaan perkhidmatan kewangan kepada segmen pasaran yang kurang atau tidak mendapat perkhidmatan kewangan. Pada masa yang sama, Bank menyedari bahawa bank-bank digital akan memperkenalkan model perniagaan baharu yang amat bergantung pada: (i) saluran penyediaan perkhidmatan digital; (ii) analisis data untuk mendorong pemprofilan risiko dan hubungan pelanggan; serta (iii) penggunaan penyedia perkhidmatan pihak ketiga untuk mempertingkatkan jangkauan dan pengalaman pelanggan. Perkembangan ini memerlukan tumpuan yang lebih tinggi terhadap pengurusan risiko keselamatan siber dan teknologi; penggunaan dan perlindungan data pelanggan secara bertanggungjawab; serta risiko yang timbul daripada perkongsian dengan pihak ketiga. Standard kehematan yang digunakan untuk bank-bank digital akan diselaraskan mengikut kesesuaian untuk menangani risiko-risiko ini dan pada masa yang sama memastikan bahawa sebarang risiko terhadap kestabilan sistem kewangan akan diuruskan dengan sebaiknya dan pelanggan mendapat perlindungan yang sewajarnya.

Pada fasa awal atau fasa 'asas' operasi, bank-bank digital akan tertakluk pada rangka kerja pengawalseliaan yang dipermudah, yang berpadanan dengan had jumlah aset yang dikenakan terhadap aktiviti mereka. Semasa fasa ini, beberapa keperluan pengawalseliaan yang berkaitan dengan kecukupan modal, mudah tunai, ujian tekanan, tadbir urus Syariah dan penzahiran telah disesuaikan bagi memudahkan pelaksanaan keperluan tersebut dan pada masa yang sama mengekalkan tahap kehematan yang digunakan untuk bank-bank lain secara amnya. Walau bagaimanapun, bank-bank digital dikehendaki menunjukkan keupayaan untuk memenuhi kehendak yang lebih tinggi dalam pengurusan risiko teknologi dan operasi yang mencerminkan risiko khusus bagi bank-bank digital. Sebagai contoh, berikutan ketiadaan premis fizikal sebagai sokongan, bank-bank digital dikehendaki mematuhi standard yang lebih tinggi untuk daya tahan operasi dan menunjukkan mereka mampu pulih dengan cepat daripada gangguan perniagaan merentas seluruh aktiviti. Sumber dan pendekatan yang diambil oleh bank-bank digital untuk melaksanakan, menyelenggara, menilai semula dan mengemas kini kawalan keselamatan siber oleh pihak ketiga juga perlu konsisten dengan tahap kepentingan perkhidmatan itu bagi operasi bank-bank digital.

Sepanjang fasa asas, iaitu pada tiga hingga lima tahun pertama operasi bank-bank digital, sumber penyeliaan Bank akan tertumpu pada penilaian model perniagaan dan infrastruktur teknologi dari aspek kemampanan dan keupayaan mencapai skala yang lebih besar (*scalability*), serta keberkesanan kawalan dan amalan pengurusan risiko bank-bank digital dalam melaksanakan tawaran nilai mereka. Satu bidang khusus yang diberikan penekanan dari segi daya maju perniagaan dan operasi ialah pengurusan risiko penyumberan luar, terutamanya apabila terdapat kebergantungan yang tinggi pada beberapa rakan kongsi perniagaan atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga. Bank-bank digital juga perlu mewujudkan perancangan keluar yang berkesan bagi memastikan perniagaan dapat dibubarkan dengan teratur tanpa menggunakan dana awam dan tanpa menyebabkan gangguan pasaran. Hal ini juga akan melindungi pelanggan daripada terjejas dengan teruk sekiranya sesuatu model perniagaan atau inovasi tidak berjaya.

Kesemua lima bank digital berlesen kini sedang menjalani tempoh persediaan dan akan disahkan oleh Bank melalui audit kesediaan operasi sebelum operasi boleh dimulakan. Audit tersebut akan memastikan bahawa struktur organisasi, dasar, prosedur dan kawalan, sistem IT dan perakaunan, rancangan kesinambungan perniagaan serta aspek lain yang berkaitan dengan operasi bank-bank digital telah tersedia dan memenuhi keperluan pengawalseliaan yang berkenaan. Proses ini dijangka mengambil masa antara 12 hingga 24 bulan.

SEKTOR INSURANS DAN TAKAFUL

Keuntungan dana insurans dan takaful berkurang, didorong oleh prestasi pelaburan yang lebih lemah

Keuntungan keseluruhan dana insurans dan takaful berkurang pada separuh pertama tahun 2022, didorong oleh prestasi pelaburan dana insurans hayat dan takaful keluarga yang lebih lemah. Bagi dana insurans hayat dan takaful keluarga, lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan[10] adalah negatif pada separuh pertama tahun 2022 (Rajah 2.22). Penurunan ini didorong oleh kerugian tidak direalisasi bersih daripada pelaburan bon dan ekuiti, berikutan kenaikan kadar hasil bon serta prestasi ekuiti global dan domestik yang lebih lemah pada tempoh tersebut. Sebaliknya, pendapatan daripada aktiviti pengunderaitan bertambah baik berikutan pertumbuhan perniagaan baharu yang lebih kukuh. Premium[11] perniagaan baharu hampir pulih sepenuhnya ke tahap sebelum pandemik (Rajah 2.23). Hal ini sebahagian besarnya didorong oleh segmen perubatan dan kesihatan yang menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan perniagaan baharu dalam beberapa tahun kebelakangan ini, sejajar dengan peningkatan kos perkhidmatan perubatan. Wabak COVID-19 telah meningkatkan lagi kesedaran orang ramai akan manfaat perlindungan insurans dan takaful dengan komposisi premium perubatan dan kesihatan daripada jumlah premium baharu meningkat sekali ganda pada separuh pertama tahun 2022 berbanding dengan tahap purata sebelum pandemik. Jaminan/Takaful Bertempoh Gadai Janji Berkurang (Mortgage Reducing Term Assurance/ Takaful) dan polisi berjangka lain, seperti produk berkaitan kredit, turut mencatatkan premium yang lebih tinggi dalam tempoh tersebut (ST1 2022: RM3.8 bilion; ST2 2021: RM2.9 bilion), berikutan peningkatan dalam pasaran harta tanah dan pembukaan semula ekonomi. Walau bagaimanapun, premium perniagaan baharu berkaitan pelaburan menguncup sebanyak 31% (ST2 2021: +16%). Pengurangan dalam perniagaan baharu berkaitan pelaburan ini sebahagian kecilnya disebabkan oleh produktiviti tenaga jualan yang lebih rendah akibat jangkitan sporadik COVID-19 serta sentimen pengguna yang lebih berhati-hati berikutan keadaan pasaran yang tidak menentu.

Bayaran manfaat bersih keseluruhan pada amnya stabil sepanjang tempoh tersebut (ST1 2022: RM13.2 bilion; ST2 2021: RM13.1 bilion). Peralihan ke fasa endemik mendorong peningkatan bayaran perubatan pada separuh pertama tahun 2022 (RM3.5 bilion; ST2 2021: RM3.1 bilion) apabila penggunaan perkhidmatan perubatan, termasuk prosedur pilihan, dimulakan kembali. Bayaran serahan juga meningkat ke paras sebelum pandemik (RM2.5 bilion; purata setengah tahunan 2020-2021: RM2.2 bilion; purata setengah tahunan 2018-2019: RM2.4 bilion). Walau bagaimanapun, peningkatan bayaran perubatan dan serahan diimbangi oleh bayaran mortaliti dan bonus yang lebih rendah.

Rajah 2.22: Dana Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Komposisi Pendapatan dan Perbelanjaan



Nota: 1. Data tidak termasuk dana unit berkaitan pelaburan.
2. Pendapatan pengunderaitan bersih merujuk lebihan premium bersih selepas ditolak bayaran manfaat, imbuhan agensi dan perbelanjaan pengurusan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.23: Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Premium Perniagaan Baharu



Sumber: Bank Negara Malaysia

[10] Jumlah pendapatan pengunderaitan bersih, pendapatan pelaburan dan pendapatan bersih lain bagi semua penanggung insurans hayat/ pengendali takaful keluarga langsung dan penanggung insurans semula hayat. Data tidak termasuk dana unit berkaitan pelaburan.

[11] Merujuk premium insurans dan sumbangan takaful, kecuali dinyatakan sebaliknya.

Hal ini secara kebetulannya sejajar dengan bilangan polisi yang mempunyai ulang tahun bonus tunai pada separuh pertama tahun yang lazimnya lebih sedikit.

Bagi dana insurans dan takaful am, keuntungan operasi separuh tahun menurun ke paras terendah dalam tempoh 10 tahun (Rajah 2.24) (purata 2015-2019: RM1.5 bilion). Penurunan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh keuntungan pengunderaitan yang lebih rendah berikutan tuntutan bersih yang lebih tinggi yang ditanggung oleh segmen motor dan kebakaran. Hal ini sejajar dengan jangkaan bahawa tuntutan akan kembali normal pada tahun 2022 apabila pergerakan kembali seperti biasa secara beransur-ansur serta ditambah lagi oleh peningkatan tuntutan akibat banjir besar pada suku pertama tahun 2022. Walaupun perniagaan pada amnya terjejas akibat gangguan rantaian bekalan global, kesan terhadap pengalaman tuntutan ITO adalah kecil berikutan dedahan yang rendah terhadap perlindungan gangguan perniagaan (kurang 1% daripada jumlah premium am). Sama seperti sektor insurans hayat dan takaful keluarga, prestasi pelaburan yang lebih lemah turut menjejaskan pencapaian operasi sepanjang tempoh tersebut.

Premium langsung kasar meningkat pada kadar terpantas sejak tahun 2015, didorong terutamanya oleh peningkatan premium kebakaran (Rajah 2.25). Hal ini mencerminkan perlindungan yang lebih besar dalam segmen komersial di bawah polisi baharu dan pembaharuan bermusim, serta kadar yang lebih tinggi bagi risiko besar dan khusus seiring dengan pasaran insurans semula yang semakin sukar (*hardening reinsurance market*). Segmen perlindungan kemalangan peribadi juga menyumbang kepada premium yang lebih tinggi, mencerminkan lebih banyak pengambilan insurans oleh kumpulan berpendapatan lebih rendah sebagai tindak balas kepada inisiatif kebangsaan untuk memperluas perlindungan sosial bagi kumpulan ini. Penyambungan semula aktiviti pelancongan dan pembukaan semula ekonomi juga menyokong pertumbuhan perniagaan perlindungan kemalangan peribadi.

Walaupun terdapat kerugian besar disebabkan oleh kebakaran dan kejadian banjir baru-baru ini, kenaikan kos perlindungan insurans semula masih boleh ditangani oleh ITO am. Setakat ini, kenaikan kadar dan syarat yang lebih ketat banyak terbatas pada portfolio yang tidak menguntungkan.[12] Sehubungan dengan itu, pemerhati pasaran menjangka kadar global akan terus meningkat pada tahun 2022 berikutan kapasiti yang lebih ketat, persekitaran operasi yang terus tidak menentu dan volatiliti pasaran modal. ITO am mempunyai pendapatan dan penampan modal yang mencukupi untuk menyerap kenaikan kos insurans semula, termasuk daripada komisen keuntungan yang lebih tinggi yang diperoleh daripada portfolio yang menguntungkan. Berdasarkan libat urus dengan ITO, sebarang semakan kenaikan terhadap kadar insurans bagi isi rumah dan perniagaan dijangka sangat kecil berikutan margin sedia ada dan persaingan untuk bahagian pasaran. Semakan juga dihadkan oleh tarif yang masih terpakai bagi kebanyakan polisi kebakaran. Pada bulan Jun 2022, Bank memaklumkan fasa liberalisasi yang seterusnya, iaitu ITO yang

Rajah 2.24: Dana Insurans dan Takaful Am – Komposisi Keuntungan Operasi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.25: Sektor Insurans dan Takaful Am – Pertumbuhan Premium Langsung Kasar dan Komposisi Produk



Sumber: Bank Negara Malaysia

[12] Merujuk portfolio penanggung insurans semula yang mengalami kerugian. Bagi mengelakkan kerugian yang serupa pada masa hadapan bagi portfolio ini, penanggung insurans semula mengenakan kadar insurans semula yang lebih tinggi dan/atau syarat-syarat yang lebih ketat kepada ITO langsung.

memenuhi jangkaan dan keperluan Bank berhubung dengan pembaharuan ekosistem tuntutan motor akan diberikan fleksibiliti penentuan harga yang lebih besar untuk produk motor dan kebakaran. Liberalisasi berfasa bagi tarif motor dan kebakaran yang sedang dilaksanakan secara berterusan dijangka dapat meningkatkan keupayaan ITO am untuk bertindak balas terhadap perubahan dalam risiko dasar dan pada masa yang sama memastikan pelarasan tidak berlaku secara mendadak dan tidak teratur.

Pada masa hadapan, ITO kekal terdedah kepada volatiliti yang ketara dalam pasaran kewangan berikutan saiz pelaburan bon dan ekuiti yang agak besar. Bagi ITO hayat dan keluarga, peruntukan aset strategik mereka dijangka kekal stabil secara keseluruhan untuk mencerminkan profil liabiliti masing-masing. Dalam persekitaran kenaikan kadar faedah, kesan kewangan bersih bagi penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga dijangka menguntungkan. Hal ini kerana pengurangan penilaian aset yang tempohnya lebih singkat diimbangi oleh kenaikan keuntungan daripada penilaian lebih rendah bagi liabiliti yang tempohnya lebih panjang. Selain itu, pelaburan semula dalam aset yang memberikan kadar hasil yang lebih tinggi juga akan meningkatkan margin keuntungan. Secara keseluruhan, pendapatan pelaburan bersih bagi penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga meningkat lebih tinggi pada separuh pertama tahun 2022 (RM4.9 bilion; purata setengah tahunan 2020-2021: RM4.8 bilion; purata setengah tahunan 2015-2019: RM4.4 bilion). Sementara itu, ITO am terus mempunyai penampan aset mudah tunai yang mencukupi untuk memenuhi keperluan tuntutan dan mudah tunai jangka pendek lain. Hal ini dijangka mengurangkan sebarang kesan buruk yang mungkin berlaku berikutan volatiliti pasaran yang ketara. Berdasarkan ujian tekanan kesolvenan makro Bank, ITO terus berdaya tahan terhadap kejutan kadar hasil MGS dan harga ekuiti yang besar masing-masing hingga +120 mata asas dan -19% secara relatif kepada tahap sebelum tekanan.[13] Dapatan ini juga sama seperti dapatan analisis sensitiviti yang menggabungkan kejutan kadar hasil bon yang dikemas kini dalam ujian tekanan kesolvenan makro[14] dengan nisbah kecukupan modal industri agregat kekal kukuh pada 209% (rujuk bahagian 'Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan – Sektor Perbankan' untuk keterangan lanjut).

Selain volatiliti pasaran kewangan dan peningkatan kadar hasil bon, prestasi ITO pada masa hadapan dijangka mencerminkan tuntutan yang terus kembali normal, peningkatan kos tuntutan perubatan dan motor (disebabkan oleh inflasi dan gangguan rantaian bekalan), serta peristiwa risiko fizikal yang lebih kerap dan teruk seperti banjir yang boleh menjejaskan pendapatan pengunderaitan. Perkembangan perundangan yang melibatkan pampasan tuntutan motor juga boleh terus menimbulkan beberapa risiko terhadap prestasi ITO. Hal ini termasuk keputusan Mahkamah Persekutuan[15] baru-baru ini yang menjelaskan tentang liabiliti ITO berhubung dengan pampasan kepada mangsa pihak ketiga dalam kes-kes kemalangan kenderaan bermotor melibatkan kenderaan yang telah dijual oleh pihak yang diinsuranskan tanpa pengetahuan penanggung insurans. Keputusan ini mungkin tidak akan menyebabkan sebarang peningkatan ketara dalam tuntutan dan peruntukan motor secara keseluruhan kerana amalan rizab semasa oleh ITO am telah pun mengambil kira risiko sedemikian di bawah polisi pihak ketiga.

Sektor insurans dan takaful dijangka kekal berdaya tahan, disokong oleh kedudukan modal dan mudah tunai yang kukuh seperti yang disahkan oleh keputusan ujian tekanan kesolvenan makro Bank yang dilaksanakan pada awal tahun ini.[16] Nisbah kecukupan modal (*capital adequacy ratio*, CAR) agregat industri sebanyak 224% pada masa ini kekal jauh melebihi tahap pengawalseliaan minimum iaitu sebanyak 130% (Rajah 2.26). Pada peringkat institusi, semua ITO terus mengekalkan nisbah modal melebihi tahap sasaran modal individu iaitu antara 150% hingga 250%. Lebihan penampan modal agregat melebihi tahap pengawalseliaan minimum juga kekal kukuh

[13] Selain kejutan risiko pasaran, andaian khusus insurans lain yang utama termasuk (i) pembayaran khusus yang berkaitan dengan COVID-19 kepada pemegang polisi, (ii) unjuran pertumbuhan yang konservatif bagi liabiliti insurans yang mengecualikan pembalikan disebabkan oleh tuntutan dan serahan; dan (iii) nisbah tuntutan insurans am yang lebih tinggi disebabkan oleh keadaan ekonomi yang teruk, persaingan yang semakin sengit dalam segmen motor dan kebakaran, serta peristiwa banjir yang berlaku setiap hujung tahun sepanjang tempoh ujian tekanan. Rujuk bahagian Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan, dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua 2021 BNM untuk keterangan lanjut.

[14] Di bawah parameter kejutan kadar hasil bon yang dikemas kini, kadar hasil MGS diandaikan meningkat lebih dua kali ganda magnitud peningkatan yang diandaikan dalam ujian tekanan kesolvenan makro.

[15] Pada 5 Ogos 2022, Mahkamah Persekutuan telah membuat keputusan penting bagi kemalangan jalan raya yang melibatkan kenderaan yang bertukar hak milik yang tidak berdaftar mengikut Seksyen 13(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987. Berdasarkan keputusan tersebut, ITO akan bertanggungjawab untuk membayar pampasan kepada mangsa pihak ketiga sekalipun penjualan kenderaan bermotor kepada pihak ketiga dibuat tanpa pengetahuan penanggung insurans, kerana polisi tersebut dianggap berkuat kuasa sepenuhnya sewaktu kemalangan terjadi.

[16] Rujuk bab Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan, seperti yang dinyatakan dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua 2021 BNM untuk keterangan lanjut.

Rajah 2.26: Sektor Insurans dan Takaful – Nisbah Kecukupan Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

pada RM35.8 bilion (Disember 2021: RM36.8 bilion). Bagi memastikan rangka kerja modal terus berkesan semasa keadaan pasaran berubah-ubah dan bagi meningkatkan daya tahan ITO melalui liputan risiko yang lebih menyeluruh, kertas perbincangan berkaitan dengan cadangan semakan untuk Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko untuk Penanggung Insurans dan Pengendali Takaful telah diterbitkan pada tahun 2021[17] sebagai sebahagian daripada semakan berbilang fasa Bank yang berterusan bagi keperluan modal kesolvenan. Keperluan modal kesolvenan yang dipertingkatkan dijangka dilaksanakan paling awal pada tahun 2025.

[17] Kertas perbincangan berkaitan dengan Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko untuk Penanggung Insurans dan Pengendali Takaful tersedia melalui https://www.bnm.gov.my/-/dp-risk-based-capital-framework-instkf.

Keadaan Semasa Aset Digital di Malaysia dan Hubung Kait dengan Kestabilan Kewangan

Aktiviti aset digital di seluruh dunia telah berkembang dan berubah dengan pesat terutamanya sejak beberapa tahun yang lepas. Sehubungan dengan itu, bank-bank pusat dan pihak berkuasa pengawalseliaan negara semakin memperuntukkan sumber khusus untuk memahami landskap aset digital dengan lebih baik serta hubung kaitnya dengan kewangan aliran perdana dan ekonomi yang lebih luas. Ciri tanpa sempadan dan kesalinghubungan yang semakin meningkat dengan sistem kewangan menekankan keperluan untuk pengawasan yang dipertingkat, pengawalseliaan yang lebih berkesan dan kerjasama penyeliaan untuk mengelakkan kemungkinan wujudnya ancaman terhadap kestabilan kewangan.

Rencana ini mengkaji keadaan semasa aset digital di Malaysia, yang penggunaannya juga telah meningkat dengan ketara sejak bermulanya pandemik, serta merangkumkan pemahaman tentang implikasi yang mungkin berlaku hasil daripada aktiviti aset digital terhadap kestabilan kewangan domestik.

Keadaan Semasa

Landskap global: Volatiliti dan ketidakpastian pasaran yang berterusan

Lebih sedekad sejak Bitcoin pertama dikeluarkan pada tahun 2009, pasaran aset digital telah mengalami episod turun naik harga yang tidak terkawal dan volatiliti pasaran yang nyata secara berterusan. Seperti yang diperhatikan dalam pergolakan pasaran yang terkini yang digelar ramai sebagai "musim sejuk kripto", keadaan ini terus menjadi ciri pasaran tersebut. Semasa pandemik, permodalan pasaran aset digital meningkat hingga paras tertingginya iaitu kira-kira USD3 trilion pada bulan November 2021. Hal ini didorong oleh mudah tunai yang mencukupi, kadar faedah terendah yang pernah dicatatkan dan penyertaan pelabur runcit dan institusi yang bertambah. Walau bagaimanapun, permodalan pasaran aset digital merudum sebanyak 70% kepada USD894 bilion pada bulan Jun 2022 sebelum mendapatkan semula sebahagian kerugiannya baru-baru ini. Jumlah Nilai Terkunci (Total Value Locked, TVL) dalam platform kewangan tidak berpusat (*decentralised finance*, DeFi) turut mengalami situasi yang serupa iaitu penurunan mendadak daripada paras tertinggi USD186 bilion pada bulan Disember 2021 kepada USD55 bilion pada bulan Jun 2022 (Rajah 1). Penjualan yang ketara ini disebabkan oleh sentimen penghindaran risiko berikutan persekitaran global yang menghadapi inflasi yang tinggi, kadar faedah yang meningkat dan keadaan geopolitik yang semakin tidak pasti. Hal ini diburukkan lagi oleh peristiwa khusus sesebuah pasaran seperti kegagalan projek TerraUSD yang melenyapkan USD40 bilion dari segi nilai dalam masa beberapa hari.

Rajah 1: Permodalan Pasaran Aset Digital dan Jumlah Nilai Terkunci (TVL) dalam Aplikasi DeFi



Sumber: CoinGecko

Akibat musim sejuk kripto, beberapa projek dan syarikat kripto yang terkemuka telah ditutup dalam tempoh beberapa bulan. Selain kegagalan TerraUSD pada bulan Mei 2022, pemberi pinjaman kripto seperti Celsius Network (yang berpusat di AS) dan Vauld (yang berpusat di Singapura) telah mengehadkan pengeluaran, dagangan dan deposit oleh pelanggan pada platform mereka berikutan usaha penstrukturan semula. Dana lindung nilai kripto telah mengalami nasib yang serupa, seperti Three Arrows Capital (yang berpusat di Singapura) yang memohon diisytiharkan bankrap baru-baru ini dengan hutang yang berjumlah sehingga USD3.5 bilion.

Sebagai tindak balas terhadap perkembangan ini, pengawal selia dan badan penetapan piawaian telah mempergiat usaha untuk menangani isu-isu yang timbul daripada pasaran kripto. Sebagai contoh, Kesatuan Eropah (European Union, EU) telah bersetuju dengan satu urus janji penting untuk meletakkan aset kripto, pengeluar aset kripto dan penyedia perkhidmatan aset kripto di bawah rangka kerja pengawalseliaan seluruh EU buat kali pertama pada bulan Jun 2022. Rangka kerja yang terhasil, iaitu rangka kerja Markets in Crypto-Assets (MiCA), bermatlamat untuk melindungi pelabur dan memelihara kestabilan kewangan serta membolehkan inovasi dalam sektor aset kripto pada masa yang sama.[1] Pada bulan September 2022, White House telah menyiarkan rangka kerja komprehensif bagi pembangunan aset digital yang bertanggungjawab yang menggariskan saranan untuk melindungi pengguna, pelabur dan perniagaan serta menggalakkan kestabilan kewangan, membanteras kewangan haram dan mengurangkan sebarang kesan terhadap alam sekitar.[2] Di negara jiran, Monetary Authority of Singapore (MAS) telah mengeluarkan garis panduan pada bulan Januari 2022 yang menegaskan kehendak MAS bahawa penyedia perkhidmatan Token Pembayaran Digital (Digital Payment Token, DPT) tidak seharusnya mempromosikan perkhidmatan DPT mereka kepada masyarakat umum di Singapura. Garis panduan ini juga memberikan tanda-tanda bahawa akses pelabur runcit kepada aset digital mungkin diketatkan lagi. Pada bulan Ogos 2022, MAS turut mengumumkan hasratnya untuk mengambil langkah-langkah yang lebih tegas untuk mengehadkan akses pelabur runcit kepada aset digital dan mempertimbangkan langkah selanjutnya untuk mengurangkan mudarat kepada pengguna. Langkah ini termasuk mengenakan keperluan ujian kesesuaian pelanggan dan mengehadkan penggunaan kredit untuk dagangan.[3]

Landskap domestik: Berkembang pesat namun kekal kecil

Penggunaan aset digital di Malaysia juga telah berkembang pesat sepanjang dua tahun lalu. Berdasarkan data yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Securities Commission Malaysia, SC), bilangan akaun pelaburan bagi empat Bursa Aset Digital (Digital Asset Exchanges, DAX) berdaftar meningkat sekitar 300% kepada kira-kira 760,000 pada tahun 2021 (2020: lebih daripada 190,000). Meskipun berkembang pesat, jumlah aktiviti aset digital di Malaysia kekal kecil. Bilangan akaun pelaburan secara keseluruhan dalam DAX merangkumi hanya sedikit melebihi 3% apabila dibandingkan dengan 24.1 juta akaun dana unit amanah di Malaysia pada tahun 2021 (2020: 21.3 juta). Pada tahun 2021, aset digital yang berjumlah kira-kira RM21 bilion telah diurusniagakan merentas semua DAX berdaftar, berbanding dengan hanya RM1.4 bilion pada tahun 2020. Jumlah ini mencakupi 2.3% dan 0.2% sahaja apabila dibandingkan dengan nilai dagangan masing-masing dalam pasaran ekuiti tempatan dan pertukaran asing (Rajah 2).

Pelabur lebih muda yang berumur bawah 35 tahun merupakan segmen terbesar pengguna aset digital di Malaysia, mencakupi 62% daripada jumlah akaun pelaburan pada akhir tahun 2021. Penglibatan pelabur muda yang lebih ketara ini juga seiring dengan trend global, memandangkan mereka berkemungkinan lebih celik teknologi dan sanggup mengambil risiko yang lebih tinggi. Kajian oleh Luno menunjukkan bahawa 76% daripada penggunanya membeli aset digital bagi tujuan pelaburan, manakala 15% membelinya bagi tujuan dagangan (Rajah 3). Keadaan ini selaras dengan pandangan orang ramai yang melihat sebahagian besar aset digital sebagai kelas aset spekulatif. Sebaliknya, hanya 2% daripada responden telah menggunakan aset digital sebagai kaedah pembayaran. Hal ini juga selaras dengan pandangan umum bahawa aset digital pada amnya tidak sesuai sebagai medium pembayaran disebabkan oleh volatiliti harganya yang ketara.

---

[1] European Council dan Council of European Union (Jun 2022).
[2] White House (September 2022). Rangka kerja komprehensif tersebut menyusuli "Executive Order on Ensuring Responsible Development of Digital Assets" oleh President Joseph R. Biden Jr. (Mac 2022).
[3] Financial Times (Ogos 2022).

Rajah 2: Nilai Dagangan Tahunan di Malaysia untuk Aset Digital dan Instrumen Pasaran Kewangan Lain pada Tahun 2021



Nota: 1. Nilai dagangan tahunan bagi pasaran MGS adalah untuk pasaran bon sekunder.
2. Pertumbuhan tahunan yang tinggi bagi aset digital mungkin disebabkan oleh kesan asas yang rendah.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Rajah 3: Peratusan Pengguna Luno di Malaysia Mengikut Tujuan Pembelian Aset Digital



Sumber: Luno (2021)

Hubung Kait dengan Kestabilan Kewangan

Risiko terhadap kestabilan kewangan adalah minimum pada tahap penggunaan semasa

Pada tahap penggunaan aset digital semasa di Malaysia, risiko terhadap kestabilan kewangan domestik tetap terkawal dengan baik. Walau bagaimanapun, penggunaan aset digital yang lebih meluas mungkin menjadi punca risiko kepada sektor kewangan pada masa hadapan, dengan implikasi yang penting terhadap kestabilan kewangan. Keadaan ini boleh timbul akibat penyahpengantaraan (*disintermediation*) sektor kewangan dan risiko limpahan yang lebih ketara daripada pasaran aset digital kepada sistem kewangan yang lebih luas. Sebagai contoh, peralihan deposit bank secara besar-besaran kepada aset digital boleh memberikan tekanan terhadap kos dana bank dengan meningkatkan pergantungan bank pada sumber pendanaan yang lebih mahal dan kurang stabil (misalnya, deposit borong). Kesan yang terhasil terhadap mudah tunai dan perolehan bank seterusnya boleh mendorong kadar pemberian pinjaman yang lebih tinggi atau pertumbuhan pinjaman yang lebih rendah, dengan implikasi yang lebih luas terhadap kegiatan ekonomi dan risiko kredit masa hadapan. Pada masa ini, risiko sedemikian adalah rendah. Pada akhir bulan Jun 2022, kira-kira RM4.9 bilion dana pelanggan telah didepositkan dalam DAX berdaftar, mencakupi hanya 0.6% daripada jumlah deposit runcit di Malaysia. Pada masa yang sama, pertumbuhan deposit dan pinjaman bank[4] secara semula jadi juga terus konsisten mengatasi sebarang kesan daripada penggunaan aset digital yang lebih luas.

Institusi kewangan juga mungkin mempunyai dedahan langsung dan tidak langsung kepada aset digital yang boleh menimbulkan risiko mudah tunai, kredit dan operasi. Sebagai contoh, pengaturan *stablecoin*, yang bertujuan untuk mengekalkan nilai yang stabil secara relatif kepada aset tertentu, menimbulkan risiko sedemikian kerana *stablecoin* bergantung pada instrumen hutang jangka pendek atau mekanisme penstabilan yang kurang berwibawa[5] untuk mengekalkan nilai yang stabil. *Stablecoin* sedemikian mudah terdedah pada pengeluaran dana secara besar-besaran apabila penebusan *stablecoin* pada skala yang besar boleh mengancam kesolvenan pengeluar *stablecoin* atau mencetuskan penjualan aset asas pada harga yang sangat rendah (*fire sale*) untuk memenuhi penebusan. Hal ini boleh mewujudkan gangguan yang lebih luas dalam pasaran aset dan menghasilkan kejutan pendanaan bagi syarikat dan bank. Platform dan perkhidmatan DeFi juga telah diteliti dengan lebih rapi sebagai berpotensi mencetuskan masalah yang menyebabkan risiko sistemik berikutan kemungkinan pergantungannya pada leveraj

[4] Sehingga kini, tiada pertumbuhan negatif dalam deposit dan pinjaman bank di Malaysia.
[5] Sebagai contoh, *stablecoin* beralgoritma lazimnya diprogramkan untuk melaraskan bekalannya sebagai tindak balas terhadap perubahan permintaan bagi mengekalkan tambatan harga.

dan operasi tanpa sempadan. Namun begitu, sehingga kini belum ada lagi sebarang terbitan *stablecoin* utama di Malaysia, atau projek sedemikian yang disokong terutamanya oleh aset yang berasas di Malaysia. Penggunaan DeFi di Malaysia juga kekal sederhana, dengan Malaysia berada pada kedudukan ke-46 daripada 145 negara dalam Global DeFi Adoption Index 2021.[6]

Pada masa ini, dedahan bank di Malaysia kepada aktiviti aset digital sebahagian besarnya terhad kepada memudahkan perkhidmatan pelanggan berisiko rendah. Langkah ini terdiri daripada terutamanya penyediaan akaun deposit atau amanah untuk DAX berdaftar dan memudahkan pembayaran untuk pembelian aset digital oleh pelanggan melalui DAX berdaftar.[7] Berdasarkan kaji selidik baru-baru ini tentang hasrat bank-bank untuk mengambil bahagian dalam aktiviti aset digital, antara faktor utama yang menghalang penglibatan bank-bank selanjutnya dalam aset digital pada peringkat ini termasuk kebimbangan tentang volatiliti harga, kes penipuan yang tinggi, kurangnya pengawalseliaan yang jelas tentang penglibatan bank dalam aktiviti aset digital serta keperluan perlindungan pelabur, risiko keselamatan siber dan kesan buruk terhadap alam sekitar.

Pada masa hadapan, beberapa bank telah menyatakan minat untuk mengembangkan penglibatan mereka dalam aset digital, sebagai tindak balas terhadap permintaan yang dijangka daripada pelanggan mereka dan sebagai potensi aliran pendapatan. Aktiviti ini antara lainnya mungkin merangkumi perkhidmatan penyediaan bursa dan kustodi aset digital. Memandangkan keadaan ini boleh meningkatkan dedahan bank kepada aset digital, aktiviti sedemikian akan dipantau dengan rapi oleh Bank sebagai sebahagian daripada aktiviti penyeliaannya, di samping membuat pertimbangan tentang perlindungan dan kawalan yang berkaitan untuk menangani sebarang peningkatan ketara yang diperhatikan dalam dedahan risiko bank-bank.

Kesan kekayaan: Memastikan pelabur dan pengguna selamat

Pemahaman tentang profil pelabur aset digital runcit menunjukkan wujudnya faktor yang boleh menimbulkan kebimbangan. Kaji selidik yang dijalankan oleh Sukumaran et al. (2022) mendapati bahawa 87% pelabur runcit Malaysia yang dikaji selidik mempunyai pengetahuan yang hanya setakat sederhana tentang aset digital yang dilaburkan (Rajah 4). Memandangkan pelabur ini kebanyakannya berumur kurang 35 tahun, mereka juga berkemungkinan lebih terdedah kepada tekanan kewangan disebabkan oleh penampan kewangan yang lebih rendah.[8] Ketidaktentuan harga aset digital yang ketara akan menjejaskan kekayaan pelabur runcit. Pelaburan yang dibiayai melalui kredit atau leveraj akan meningkatkan lagi kesan ini dengan menjejaskan kebolehan peminjam untuk membayar balik hutang dan menambah tekanan kewangan individu.

Rajah 4: Peratusan Pelabur Runcit Malaysia Mengikut Tahap Pengetahuan Tentang Aset Digital



Sumber: Sukumaran et al. (2022)

[6] Seperti yang digariskan dalam laporan Geography of Cryptocurrency Report (Oct 2021) oleh Chainalysis, DeFi Adoption Index terdiri daripada tiga metrik, iaitu (i) nilai mata wang kripto pada rantaian yang diterima oleh platform DeFi mengikut wajaran pariti kuasa beli (*purchasing power parity*, PPP) per kapita; (ii) jumlah nilai runcit yang diterima oleh platform DeFi; dan (iii) deposit individu kepada platform DeFi mengikut wajaran PPP per kapita.

[7] Pelabur di Malaysia boleh memindahkan dana kepada empat DAX berdaftar melalui sistem Bursa Pemprosesan Kewangan (Financial Process Exchange, FPX), DuitNow atau GIRO Antara Bank (Interbank GIRO, IBG) untuk pembelian aset digital seterusnya.

[8] Anggaran melalui data Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2019 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa isi rumah yang diketuai oleh individu yang lebih muda (berumur 35 tahun ke bawah) lazimnya mempunyai purata baki pendapatan yang lebih rendah selepas mengambil kira perbelanjaan dan obligasi kewangan, berbanding dengan ketua isi rumah yang lebih tua.

Pengguna juga terdedah kepada risiko tambahan apabila berurusan dengan penyedia perkhidmatan aset digital yang tidak berdaftar. Penyedia sedemikian lazimnya tidak memberikan kepada pelabur perlindungan pelanggan dan saluran bantuan penyelesaian yang setara dengan yang ditawarkan oleh kewangan aliran perdana dan DAX yang dikawal selia. Di samping itu, terdapat banyak kes baru-baru ini tentang penyalahgunaan data peribadi pelabur, kecurian aset berkaitan dengan maklumat, dan ketidakupayaan mengakses dana pengguna kerana pembekuan akaun.

Berikutan wujudnya risiko-risiko ini, Bank bersama-sama dengan SC terus melaksanakan usaha untuk mendidik orang ramai tentang risiko berkaitan aset digital, terutama sekali risiko bahawa mereka boleh kehilangan kekayaan mereka bukan sahaja melalui perubahan harga yang besar, bahkan juga melalui risiko penipuan dan kecurian siber yang lebih tinggi apabila mereka berurusan dengan peserta aset digital yang tidak dikawal selia.

Langkah selanjutnya: Membina keupayaan dan memperkukuh kerjasama

Meskipun sekarang ini mungkin terdapat risiko yang terhad kepada kestabilan kewangan daripada penggunaan aset digital, Bank melalui Hab Penyelidikan Mata Wang Digitalnya terus memantau dengan rapi perkembangan aktiviti sedemikian pada peringkat global dan domestik yang berkaitan dengan mandat teras Bank. Bank terus memberikan keutamaan kepada usaha memperkukuh pendidikan kewangan dan kesedaran orang ramai tentang risiko aset digital, melalui kerjasama dengan pengawal selia yang lain, Jaringan Pendidikan Kewangan dan agensi Kerajaan yang berkenaan.

Bank juga berhasrat untuk memperkukuh keupayaan pengawasannya yang sedia ada bagi meningkatkan pemahaman tentang landskap aset digital dan menangani jurang data yang mungkin timbul. Dengan jangkaan bahawa penglibatan bank-bank dalam aktiviti aset digital akan meningkat pada tahun-tahun yang akan datang, perhatian akan turut ditumpukan kepada penambahbaikan rangka kerja pengawalseliaan Bank bagi mengurangkan risiko yang timbul daripada aset digital. Usaha sedemikian akan dijalankan melalui rundingan dengan peserta industri dan dengan mengambil kira perkembangan semasa yang berkaitan dengan piawaian pengawalseliaan global dalam bidang ini.

Usaha untuk memperkukuh pengawasan aktiviti aset digital juga akan memerlukan Bank memperteguh kerjasama dan penyelarasan peringkat antarabangsa dengan pengawal selia kewangan lain. Hal ini bertujuan untuk mengurangkan risiko pemecahan dan arbitraj pengawalseliaan terutamanya apabila mengambil kira ciri aset digital yang tiada sempadan.

Rujukan:

Bank Negara Malaysia, BNM (2021): "Melangkah dengan Hemat: Mengimbangi Peluang dan Risiko Aset Digital", Laporan Tahunan, Mac.

Chainalysis (2021): "The 2021 Geography of Cryptocurrency Report", Oktober.

European Council and Council of the European Union, EU (2022): Press Release on "Digital Finance: Agreement Reached on European Crypto-Assets Regulation (MiCA), Jun.

Financial Stability Report, FSB (2022): "Assessment of Risks to Financial Stability from Crypto-assets", Februari.

Financial Times, FT (2022): "Singapore to Tighten Retail Access to Cryptocurrencies", Ogos.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2020): "Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2019", Julai.

Monetary Authority of Singapore, MAS (2022): "Guidelines on Provision of Digital Payment Token Services to the Public [PS-G02]", Januari.

Shangeetha Sukumaran, Thai Siew Bee and Shaista Wasiuzzaman, Sukumaran et al (2022): "Cryptocurrency as an Investment: The Malaysian Context", April.

The Malaysian Reserve (2021): "Luno Plans to Add More Digital Asset Offerings Next Year", Disember.

The White House, (2022): "Executive Order on Ensuring Responsible Development of Digital Assets", Mac.

The White House, (2022): "FACT SHEET: White House releases first-ever comprehensive Framework for Responsible Development of Digital Assets", September.

Pelaksanaan Ujian Tekanan Risiko Iklim

Kebelakangan ini, kejadian bencana iklim berlaku dengan semakin kerap dan buruk. Bencana iklim memberikan kesan yang dahsyat terhadap ekonomi dan menimbulkan risiko terhadap sistem kewangan. Di samping itu, dasar dan strategi yang dilaksanakan oleh kerajaan dan ekonomi lain dalam menangani cabaran iklim boleh mengakibatkan risiko peralihan yang seterusnya akan meningkatkan lagi ancaman terhadap kestabilan kewangan. Oleh yang demikian, peserta industri kewangan perlu memberikan perhatian yang tinggi dan mengambil tindakan segera bagi memastikan risiko ini diuruskan dengan berkesan dan sebarang kesan yang mungkin berlaku terhadap sistem kewangan dan ekonomi dapat dibendung.

Sehubungan dengan itu, pada bulan Jun 2022, Bank telah menerbitkan satu kertas perbincangan tentang rancangan pelaksanaan Ujian Tekanan Risiko Iklim (Climate Risk Stress Testing, CRST) untuk seluruh industri pada tahun 2024. Pelaksanaan CRST bertujuan menilai daya tahan institusi kewangan terhadap risiko fizikal dan risiko peralihan. Pelaksanaan CRST juga dijangka memperkukuh keupayaan Bank dan institusi kewangan mengukur dan menilai risiko iklim untuk menetapkan strategi dalaman bagi mengurangkan risiko tersebut. Pada peringkat industri, kesan kolektif tindakan pengurangan risiko oleh institusi kewangan juga dapat mewujudkan lingkaran maklum balas yang penting yang boleh mengurangkan atau meningkatkan risiko sistemik. Kesan ini dikaji melalui penggunaan senario iklim alternatif sebagai sebahagian daripada CRST. Maklum balas yang diberikan terhadap kertas perbincangan ini akan digunakan untuk memuktamadkan reka bentuk dan spesifikasi CRST.

Dalam ujian tekanan ini, Bank berhasrat untuk menggunakan tiga senario iklim buruk[1] bagi mendapatkan kesan laluan alternatif yang dikaitkan dengan pelbagai risiko peralihan dan fizikal yang berbeza. Senario tersebut adalah seperti yang berikut:

- Senario Dasar Semasa – senario ini membuat anggapan bahawa kerajaan tidak mengenakan apa-apa langkah baharu melangkaui langkah-langkah yang dilaksanakan sebelum ini bagi menangani risiko iklim. Ejen-ejen ekonomi pula tidak mengubah tingkah laku mereka untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (*greenhouse gases*, GHG) dan teknologi penyingkiran karbon dioksida juga terhad. Risiko fizikal adalah buruk.
- Senario Sumbangan Peringkat Kebangsaan yang Ditetapkan – senario ini membuat anggapan bahawa langkah dasar yang dilaksanakan dan dijanjikan adalah berkesan meskipun beberapa langkah masih belum dijalankan. Beberapa risiko fizikal pada tahap sederhana hingga buruk dijangka berlaku dan hal ini mencerminkan tindakan dasar yang tidak mencukupi.
- Senario Peralihan Tertangguh – senario ini merangkumi risiko peralihan yang mungkin timbul berikutan kelewatan pelaksanaan langkah-langkah untuk menangani perubahan iklim. Usaha untuk mengurangkan pelepasan GHG tertangguh hingga tahun 2030. Langkah-langkah dasar yang lebih ketat kemudiannya dilaksanakan dengan serta-merta bagi mengimbangi pelaksanaan yang tertangguh itu. Ejen-ejen ekonomi terpaksa mengubah tingkah laku mereka secara drastik. Ini mengakibatkan gangguan mendadak terhadap aktiviti ekonomi dan pasaran kewangan.

Tempoh penilaian ujian tekanan ini akan meliputi hingga tahun 2050, sejajar dengan komitmen Malaysia terhadap pelepasan GHG sifar bersih.

CRST dibangunkan berdasarkan inisiatif sedia ada yang Bank telah laksanakan bagi memantapkan pengurusan industri kewangan dalam usaha menangani risiko kewangan berkaitan iklim. Inisiatif ini termasuk penerbitan standard dan rangka kerja untuk menambah baik amalan pengurusan risiko iklim oleh institusi kewangan[2] serta untuk menggalakkan pengelasan yang konsisten tentang dedahan terhadap risiko kewangan berkaitan iklim.[3] Inisiatif ini bertujuan untuk menambah baik keadaan yang akan membolehkan institusi-institusi kewangan melaksanakan CRST dengan ketelitian yang sewajarnya dan menggunakan keputusan ujian tersebut dengan cara yang berkesan untuk meningkatkan daya tahan iklim.

---

[1] Sila rujuk Kertas Perbincangan mengenai CRST 2024 untuk maklumat lanjut (https://www.bnm.gov.my/-/dp_2024_crst).
[2] Draf dedahan Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario diterbitkan pada bulan Disember 2021.
[3] Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (Climate Change and Principle-based Taxonomy) yang berkuat kuasa pada 30 April 2021 dan Panduan Sektoral Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan Berasaskan Nilai (Value-based Intermediation Financing and Investment Impact Assessment Framework).

Tambahan

Jadual A.1

Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama

	Pada akhir				
	ST1 2020	ST2 2020	ST1 2021	ST2 2021	ST1 2022*a*
	% (atau dinyatakan sebaliknya)				
Sistem Perbankan					
Nisbah Jumlah Modal	18.4	18.9	18.6	19.2	18.0
Nisbah Modal Kumpulan 1	15.2	15.7	15.4	16.0	14.9
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1	14.6	15.2	14.9	15.5	14.3
Pulangan atas Aset[1]	1.0	1.0	1.1	1.1	1.3
Pulangan atas Ekuiti[1]	8.8	8.4	9.7	9.5	11.8
Nisbah Perlindungan Mudah Tunai	149.2	148.2	149.1	153.4	148.3
Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih[2]	0.9	1.0	1.0	1.1	1.1
Caj Modal atas Risiko Kadar Faedah dalam Akaun Dagangan kepada Modal Asas	1.2	1.1	1.1	1.0	0.9
Kedudukan Terbuka Bersih FX kepada Modal Asas	4.8	5.2	4.7	4.0	4.5
Pemegangan Ekuiti kepada Modal Asas	1.3	1.5	1.3	1.3	1.4
Sektor Insurans dan Takaful					
Nisbah Kecukupan Modal	227.1	219.7	221.1	222.2	224.4
Insurans Hayat dan Takaful Keluarga					
Lebihan Pendapatan berbanding Perbelanjaan (RM bilion)[3]	3.1	8.4	1.1	3.2	-2.3
Premium / Sumbangan Perniagaan Baharu (RM bilion)	9.0	9.9	11.8	10.5	12.3
Nisbah Kecukupan Modal	210.6	203.5	207.9	212.0	217.3
Insurans Am dan Takaful Am					
Keuntungan Operasi (RM bilion)	1.7	1.7	1.8	1.3	1.0
Keuntungan Pengunderaitan (RM bilion)	0.9	0.9	1.3	0.7	0.4
Premium / Sumbangan Langsung Kasar (RM bilion)	10.3	10.5	10.8	10.8	12.1
Nisbah Tuntutan	55.9	54.2	52.7	56.5	63.8
Nisbah Kecukupan Modal	287.1	282.6	270.9	256.9	246.2
Sektor Isi Rumah (IR)					
Hutang IR (RM bilion)[2]	1,265.9	1,320.6	1,335.4	1,376.2	1,409.0
Aset Kewangan IR (RM bilion)	2,749.8	2,901.3	2,896.0	2,971.3	2,901.9
Nisbah Hutang IR kepada KDNK[2]	87.4	93.1	89.6	89.1	84.5
Nisbah Aset Kewangan IR kepada Jumlah Hutang IR[2]	217.2	219.7	216.9	215.9	205.9
Nisbah Aset Kewangan Mudah Tunai IR kepada Jumlah Hutang IR[2]	143.7	145.2	146.2	144.1	137.6
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor IR (Pinjaman Bank)[2, 4]	1.0	1.2	1.2	1.1	1.2
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor IR (Pinjaman Bukan Bank)[2, 5]	1.3	1.4	1.5	1.0	1.1
Sektor Perniagaan					
Pulangan atas Aset	0.9	1.1	2.2	2.4	2.4
Pulangan atas Ekuiti	1.6	2.2	4.1	4.1	4.3
Nisbah Hutang kepada Ekuiti	24.1	22.6	22.3	22.5	21.5
Nisbah Perlindungan Faedah (kali)	4.0	4.8	6.8	7.1	7.1
Margin Operasi	5.1	5.5	7.5	7.4	7.3
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor Perniagaan[2]	2.5	2.6	2.7	2.8	3.0
Institusi Kewangan Pembangunan[6]					
Pemberian Pinjaman kepada Sektor Disasarkan (% perubahan)	3.9	7.7	6.2	3.6	3.0
Deposit Digembleng (% perubahan)	2.0	6.6	7.5	1.4	2.3
Nisbah Pinjaman Terjejas	5.9	5.1	5.5	4.8	5.4
Pulangan atas Aset	1.1	1.1	1.3	1.1	1.0

[1] Keuntungan sistem perbankan diagregat pada peringkat entiti. Sejak penerbitan Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Pertama 2021, hasil agregat bagi tahun 2019 dan seterusnya telah diselaraskan bagi pendapatan dividen yang diterima daripada subsidiari perbankan domestik (sebelum ini ditambah pada peringkat induk dan subsidiari). Perbezaan angka-angka sebelum cukai secara perbandingan yang dilaporkan dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan sebelum ini dianggarkan dalam julat antara 5.5% dan 10.7%.

[2] Data pinjaman/pembiayaan yang digunakan adalah berdasarkan keperluan pelaporan statistik yang dikemas kini untuk mencerminkan takrifan data dan metodologi pelaporan yang lebih tepat. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.

[3] Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan tidak termasuk dana unit insurans berkaitan pelaburan bagi mencerminkan prestasi teras keuntungan ITO dengan lebih tepat. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.

[4] Berdasarkan pinjaman Tahap 3 di bawah Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (Malaysian Financial Reporting Standard 9, MFRS 9).

[5] Berdasarkan pinjaman tertunggak 3 bulan atau lebih.

[6] Merujuk institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002.

a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

Jadual A.2

Penunjuk Kewangan Utama: Sektor Perbankan Islam dan Takaful

	Pada akhir				
	ST1 2020	ST2 2020	ST1 2021	ST2 2021	ST1 2022*a*
Sistem Perbankan Islam	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Jumlah Aset[1]	1,041,629.6	1,089,540.7	1,139,095.2	1,191,622.4	1,236,239.2
% daripada jumlah aset seluruh sistem perbankan[1]	33.3	34.2	35.1	35.5	35.5
Jumlah Pembiayaan[1]	780,376.6	817,403.3	841,507.2	886,607.2	924,156.1
% daripada jumlah pinjaman / pembiayaan seluruh sistem perbankan[1]	39.9	41.0	41.5	42.5	43.2
Jumlah Deposit dan Akaun Pelaburan[1]	859,946.8	889,951.4	933,749.8	968,918.4	1,001,104.9
Jumlah Deposit[1]	761,993.4	790,905.4	820,390.9	844,293.4	865,763.1
Jumlah Akaun Pelaburan[1]	97,953.4	99,046.0	113,358.9	124,625.0	135,341.8
% daripada jumlah deposit dan akaun pelaburan seluruh sistem perbankan[1]	38.1	38.9	39.7	39.8	40.2
	%				
Nisbah Jumlah Modal	18.3	18.6	18.4	19.2	18.0
Nisbah Modal Kumpulan 1	14.6	15.0	14.8	15.5	14.5
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1	14.0	14.5	14.3	15.0	14.0
Pulangan atas Aset	0.6	0.7	1.3	1.1	1.2
Nisbah Pembiayaan Terjejas Bersih	0.9	0.9	0.9	0.7	1.6
Sektor Takaful	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Aset Dana Takaful	39,040.1	41,871.2	43,223.1	45,803.0	46,779.6
Keluarga	34,538.5	37,025.5	38,272.5	40,258.9	41,182.4
Am	4,501.6	4,845.7	4,950.6	5,544.1	5,597.2
% daripada industri insurans dan takaful	11.8	11.9	12.3	12.6	13.2
Pendapatan Sumbangan Bersih	5,642.8	5,985.5	7,189.0	6,614.6	8,590.7
Keluarga	4,336.5	4,527.5	5,776.3	5,093.2	6,888.6
Am	1,306.3	1,457.9	1,412.8	1,521.5	1,702.1
% daripada industri insurans dan takaful	18.6	18.2	21.9	19.4	24.3
Takaful Keluarga					
Sumbangan Perniagaan Baharu	3,191.8	3,401.9	4,682.1	3,817.5	5,439.9
Takaful Am					
Sumbangan Langsung Kasar	1,641.2	1,817.1	1,861.7	1,966.4	2,229.5
Nisbah Tuntutan (%)	53.3	58.0	51.8	50.7	60.0

[1] Termasuk institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002.
a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Glosari, Akronim dan Singkatan

Aset digital
Aset digital ialah nilai dalam bentuk digital yang boleh didagangkan atau dipindahkan secara digital dan boleh digunakan untuk tujuan pembayaran atau pelaburan. Aset digital memanfaatkan terutamanya kriptografi dan teknologi lejar teragih yang membolehkannya diurus niaga tanpa memerlukan pengantara. Secara amnya, aset digital boleh dikelaskan kepada dua kategori utama, iaitu aset digital tanpa sokongan (contohnya Bitcoin dan Ether) dan stablecoin (contohnya Tether dan USD Coin), yang bertujuan untuk mengekalkan nilai yang secara relatif stabil berbanding dengan aset tertentu atau sekumpulan aset. Yang penting, aset digital tidak termasuk bentuk digital mata wang fiat yang dikeluarkan oleh badan berdaulat

Aset kewangan isi rumah
Aset yang dimiliki oleh isi rumah termasuk deposit, pelaburan dalam dana unit amanah dan ekuiti, polisi insurans/sijil takaful dan simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Aset kewangan mudah tunai isi rumah
Aset kewangan isi rumah kecuali simpanan KWSP

Aset mudah tunai berkualiti tinggi
Aset yang boleh ditukar kepada tunai secara mudah dan segera dengan sedikit kehilangan nilai atau tanpa kehilangan nilai

Bank asing diperbadankan di Malaysia
Bank berlesen atau bank Islam berlesen milik asing yang diperbadankan di Malaysia

Bank digital
Bank yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 untuk menjalankan peniagaan perbankan atau perniagaan perbankan Islam melalui kaedah digital atau elektronik secara sepenuhnya atau sebahagian besarnya

Bank domestik yang penting dari segi sistemik
Bank yang berpotensi menyebabkan gangguan yang besar terhadap sistem kewangan domestik dan ekonomi secara lebih meluas jika mengalami
kegagalan

Beli dahulu bayar kemudian
Kemudahan yang membolehkan pelanggan menangguhkan pembayaran barangan atau perkhidmatan dalam tempoh masa yang dipersetujui apabila pembayaran telah didahulukan oleh penyedia perkhidmatan kewangan (atau bersama-sama dengan rakan kerjasamanya) kepada pembekal barangan atau perkhidmatan tersebut. Penangguhan pembayaran tidak dikenakan sebarang faedah atau menghasilkan keuntungan

Bon hijau
Instrumen kewangan yang membiayai projek hijau dan memberikan bayaran pendapatan tetap kepada pelabur

Ekuiti negatif
Harga harta tanah yang kurang daripada baki terkumpul pinjaman yang digunakan untuk membeli harta tanah tersebut

Hutang luar negeri berisiko bank
Bahagian hutang luar negeri bank yang lebih terdedah pada kejutan pengeluaran secara tiba-tiba

Indeks Celik dan Keupayaan Kewangan Malaysia
Indeks untuk mengukur tahap pengetahuan, tingkah laku dan sikap kewangan pengguna Malaysia

Indeks Tekanan Pasaran Kewangan
Instrumen pemantauan risiko untuk mengukur tahap tekanan dalam pasaran kewangan domestik dan pendorong tekanan pasaran

Institusi pengantara
Sebuah syarikat yang ditubuhkan atau diperoleh oleh Bank atau anak syarikat PIDM, yang ditetapkan sebagai institusi pengantara untuk mengambil alih perniagaan, aset, hal ehwal dan liabiliti sesebuah bank yang tidak berdaya maju, termasuk fungsi yang sangat penting

Jumlah modal
Jumlah modal pengawalseliaan sesebuah bank yang terdiri daripada jumlah modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1, Tambahan Kumpulan 1 dan Kumpulan 2

Jumlah Nilai Terkunci
Nilai keseluruhan dana pengguna yang disimpan dalam protokol kewangan tidak berpusat (decentralised finance, DeFi). Dana ini mungkin ditumpukan pada protokol untuk beberapa fungsi, seperti meletakkan kepentingan, menyumbang kepada kumpulan mudah tunai, atau memberi pinjaman

Kadar Pertukaran Efektif Nominal
Purata berwajaran mata wang negara asal berbanding dengan mata wang negara rakan perdagangan utama

Keluaran dalam negeri kasar (KDNK) nominal
KDNK pada harga semasa

Keuntungan/kerugian operasi
Jumlah keuntungan/kerugian pengunderaitan, pelaburan bersih dan pendapatan lain yang meliputi semua penanggung insurans/pengendali takaful am langsung serta penanggung insurans semula am

Keuntungan/kerugian pengunderaitan
Pendapatan premium insurans/sumbangan takaful diperoleh yang ditolak tuntutan bersih, komisen bersih dan perbelanjaan pengurusan. Pendapatan ini meliputi semua penanggung insurans/pengendali takaful am langsung serta penanggung insurans semula am

Kewangan tidak berpusat
Perkhidmatan kewangan yang disediakan tanpa pengantara serta menggunakan protokol automatik (kontrak pintar) pada rantaian blok

Kredit penggunaan
Pembiayaan yang diambil untuk tujuan penggunaan seperti pembiayaan peribadi, pembiayaan kenderaan bermotor, kad kredit dan lain-lain

Kumpulan perbankan domestik
Kumpulan kewangan milik tempatan yang terdiri daripada bank komersial berlesen, bank pelaburan berlesen dan bank Islam berlesen

Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan
Jumlah pendapatan pengunderaitan bersih, pendapatan pelaburan bersih dan pendapatan lain yang meliputi semua penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga langsung serta penanggung insurans semula hayat.

Margin faedah bersih
Perbezaan antara kadar faedah yang digunakan apabila bank memberikan pembiayaan dengan kadar faedah yang dibayar oleh bank untuk pendanaan, termasuk deposit

Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1
Komponen modal pengawalseliaan sesebuah bank yang terdiri daripada saham biasa yang diterbitkan oleh institusi perbankan, keuntungan tertahan dan rizab lain

Nisbah bida kepada perlindungan
Nisbah yang mengukur kekukuhan permintaan untuk sekuriti semasa lelongan. Nisbah dikira mengikut nilai bida diterima semasa lelongan dibahagi dengan jumlah terjual

Nisbah harga kepada nilai buku
Nisbah harga saham kepada nilai buku saham

Nisbah harga kepada nilai perolehan
Nisbah harga saham kepada nilai perolehan sesaham bank dalam tempoh 12 bulan yang lepas

Nisbah hutang kepada pendapatan
Nisbah semua hutang terkumpul peminjam kepada pendapatan kasar tahunannya

Nisbah kecukupan modal
Ukuran kedudukan kesolvenan penanggung insurans atau pengendali takaful yang dinyatakan sebagai nisbah jumlah modal tersedia kepada jumlah modal diperlukan

Nisbah khidmat hutang
Nisbah jumlah obligasi hutang bulanan dengan bank dan bukan bank kepada pendapatan boleh guna bulanan (ditolak potongan berkanun)

Nisbah kos kredit tahunan
Nisbah peruntukan kerugian pinjaman tahunan dikenakan pada penyata pendapatan sebagai bahagian daripada jumlah pinjaman terkumpul

Nisbah Pendanaan Stabil Bersih
Nisbah pendanaan stabil tersedia (*available stable funding,* ASF) kepada pendanaan stabil yang diperlukan (*required stable funding,* RSF) bank. ASF merujuk sumber pendanaan institusi perbankan berwajaran mengikut kestabilan, manakala RSF merujuk aset dan dedahan lain di luar penyata kedudukan kewangan yang berwajaran mengikut tahap mudah tunai

Nisbah perlindungan faedah
Nisbah perolehan syarikat sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan kepada perbelanjaan faedah. Nisbah ini mengukur keupayaan membayar balik hutang

Nisbah Perlindungan Mudah Tunai
Nisbah aset mudah tunai berkualiti tinggi (*high-quality liquid assets,* HQLA) bank kepada jangkaan aliran keluar tunai bersih bank untuk tempoh 30 hari akan datang

Nisbah pinjaman kepada nilai
Nisbah pinjaman kepada nilai aset yang dibeli

Nisbah tunai kepada hutang jangka pendek
Nisbah tunai kepada hutang jangka pendek syarikat yang mengukur mudah tunai

Pelan kesinambungan perniagaan
Pelan tindakan menyeluruh yang menggariskan prosedur, proses dan sistem yang diperlukan untuk meneruskan atau memuliihkan operasi perniagaan sesebuah institusi sekiranya terjadi gangguan

Pelan Pemulihan Bencana
Pelan tindakan bertulis secara menyeluruh yang menggariskan prosedur dan proses untuk sistem IT dan keperluan untuk menyokong dan memulihkan operasi perniagaan sesebuah institusi sekiranya terjadi gangguan

Pelan Pemulihan dan Resolusi
Perancangan oleh institusi kewangan dan pihak berkuasa yang menetapkan proses yang berkesan dan cekap bagi meningkatkan tahap boleh diselia, boleh dipulihkan dan boleh diselesaikan bagi institusi kewangan semasa krisis dan mengelakkan daripada perlu bergantung pada bantuan kewangan kerajaan untuk diselamatkan

Pelepasan gas rumah hijau (greenhouse gases, GHG) sifar bersih
Pelepasan GHG sifar bersih dicapai apabila pelepasan antropogenik (yang dilepaskan oleh aktiviti manusia seperti penggunaan bahan api fosil) GHG ke atmosfera diimbangi oleh penyingkiran antropogenik (seperti perolehan dan penyimpanan hutan dan karbon yang lebih besar) dalam tempoh tertentu. Apabila melibatkan banyak GHG, pengiraan pelepasan sifar bersih bergantung pada metrik iklim yang dipilih untuk membandingkan pelepasan gas yang berbeza (seperti potensi pemanasan global, potensi perubahan suhu global dan lain-lain, serta tempoh masa yang dipilih)

Pembelian dan Pengambilalihan
Strategi resolusi iaitu pemeroleh pihak ketiga membeli aset dan mengambil alih liabiliti daripada bank yang tidak berdaya maju

Pendapatan pengunderaitan bersih
Pendapatan daripada premium insurans/sumbangan takaful selepas ditolak bayaran manfaat, imbuhan agensi dan perbelanjaan lain yang meliputi semua penanggung insurans hayat/pengendali takaful keluarga langsung dan penanggung insurans semula hayat

Penyedia perkhidmatan pihak ketiga
Entiti-entiti, termasuk syarikat-syarikat sekutu, yang menyediakan perkhidmatan bantuan kepada sesebuah institusi kewangan di bawah pengaturan penyumberan luar

Penyerapan kerugian yang lebih tinggi
Keperluan penampan modal yang dikenakan terhadap D-SIB melebihi keperluan pengawalseliaan minimum untuk meningkatkan penampan modal bagi operasi yang akan berterusan serta bertujuan mengurangkan kebarangkalian untuk D-SIB tersebut gagal

Pinjaman delinkuen
Akaun pinjaman tertunggak dua bulan

Pinjaman tahap 2
Pinjaman yang menunjukkan kemerosotan risiko kredit yang memerlukan bank menyediakan peruntukan berdasarkan jangkaan kerugian kredit seumur hidup, berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (Malaysian Financial Reporting Standard 9, MFRS 9)

Pinjaman terjejas bersih
Nisbah pinjaman terjejas ditolak peruntukan tertentu kepada jumlah pinjaman ditolak peruntukan tertentu

Premium/sumbangan langsung kasar
Premium/sumbangan yang diperoleh sebelum potongan komisen, pembrokeran atau perbelanjaan lain yang meliputi semua penanggung insurans am langsung dan pengendali takaful am langsung

Premium/sumbangan perniagaan baharu
Premium/sumbangan yang diperoleh daripada polisi/sijil baharu bagi tahun tertentu yang meliputi semua penanggung insurans hayat/pengendali takaful keluarga langsung dan penanggung insurans semula hayat

Produk berkaitan pelaburan
Insurans hayat atau takaful keluarga yang nilai polisi/sijilnya pada sesuatu masa sebahagiannya ditentukan mengikut nilai aset pelaburan pada masa itu

Non-fungible tokens
Unique cryptographic tokens that exist on a blockchain and cannot be replicated, used to represent ownership of artwork, real estate or other assets

Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman
Proses keseluruhan bagi memastikan institusi perbankan mengekalkan modal yang mencukupi secara berterusan untuk menyokong operasi perniagaannya melebihi keperluan modal pengawalseliaan minimum di bawah Asas 1

Proses Penilaian Kecukupan Mudah Tunai Dalaman
Proses keseluruhan bagi memastikan institusi perbankan mengekalkan pengurusan risiko mudah tunai yang mantap untuk memastikan keupayaannya memenuhi obligasi pembayaran pada setiap masa, termasuk semasa keadaan buruk

Rantaian blok
Lejar teragih yang dikemas kini dalam sekumpulan transaksi yang disebut sebagai blok

Risiko fizikal
Kos ekonomi dan kerugian kewangan akibat daripada peningkatan tahap keterukan dan kekerapan
(i) peristiwa cuaca yang berkaitan dengan perubahan iklim yang melampau (atau peristiwa cuaca melampau) seperti gelombang haba, tanah runtuh, banjir, kebakaran hutan dan ribut (iaitu risiko fizikal akut);
(ii) peralihan iklim secara beransur-ansur dalam jangka lebih panjang seperti perubahan dalam kerpasan, cuaca yang berubah-ubah secara melampau, pengasidan lautan serta peningkatan paras laut dan suhu purata (iaitu risiko fizikal kronik atau risiko kronik); dan
(iii) kesan tidak langsung perubahan iklim seperti kehilangan perkhidmatan ekosistem (contohnya penggurunan, kekurangan air, kemerosotan kualiti tanah atau ekologi marin)

Risiko Peralihan
Risiko yang berkaitan dengan proses penyesuaian ke arah ekonomi rendah karbon. Semua pendorong ini mewakili perubahan berkaitan iklim yang boleh menyebabkan, meningkatkan atau mengurangkan risiko peralihan. Pendorong ini termasuk perubahan dasar, perundangan dan pengawalseliaan sektor awam (lazimnya kerajaan), perubahan teknologi serta perubahan pasaran dan sentimen pelanggan. Setiap pendorong ini mungkin menyebabkan, mempercepat, memperlahankan atau mengganggu peralihan ke arah ekonomi rendah karbon

Rumah yang tidak terjual
Terdiri daripada unit kediaman yang tidak terjual selama lebih daripada sembilan bulan dari tarikh pelancaran atau 1 Januari 1997. Unit-unit ini merangkumi (i) unit yang dilengkapi Sijil Penyiapan dan Pematuhan atau Sijil Layak Menduduki Sementara dalam tempoh kajian; atau (ii) unit dengan kelulusan pelan bangunan yang sedang dibina

Sekuriti pada kos terlunas
Sekuriti yang dibeli bagi tujuan pemegangan sehingga tempoh matang. Perubahan dalam harga pasaran sekuriti ini tidak menyebabkan sebarang keuntungan atau kerugian tidak direalisasi

Sekuriti pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain
Sekuriti yang dibeli dengan tujuan untuk dijual sebelum mencapai tempoh matang dengan keuntungan dan kerugian daripada perubahan nilai saksamanya dicatatkan dalam pendapatan komprehensif lain sehingga sekuriti itu dijual

Sistem pembayaran runcit
Sistem pindahan dana yang lazimnya mengendalikan sejumlah besar pembayaran bernilai rendah dalam bentuk seperti cek, pindahan kredit, debit langsung dan transaksi pembayaran kad

Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata
Sistem penyelesaian kasar masa nyata untuk pemindahan dana antara bank, penyelesaian sekuriti hutang dan perkhidmatan penyimpanan untuk sekuriti hutang tanpa skrip

Sistem Pengurusan Maklumat
Sistem maklumat yang digunakan untuk membuat keputusan serta untuk penyelarasan, kawalan, analisis dan visualisasi maklumat dalam sesebuah entiti

Strategi Resolusi Terpilih
Strategi penyelesaian yang telah dinilai sesuai berhubung dengan bank ahli PIDM tertentu untuk mencapai resolusi segera dan teratur yang memastikan kesinambungan fungsi sangat penting, jika ada, serta menggalakkan dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan

Syarikat yang berisiko
Syarikat korporat bukan kewangan tersenarai dengan nisbah perlindungan faedah di bawah paras ambang kehematan dua kali

Teknologi kewangan
Integrasi teknologi kewangan dalam perkhidmatan kewangan

Token Pembayaran Digital
Nilai berbentuk digital yang boleh dipindahkan, disimpan atau didagangkan secara elektronik serta memenuhi keperluan yang ditetapkan dalam Akta Perkhidmatan Pembayaran 2019 di Singapura

Token tidak sepiawai
Token kriptografi unik yang wujud pada sesuatu rantaian blok dan tidak boleh disalin serta digunakan untuk mewakili pemilikan karya seni, harta tanah atau aset lain

AC
kos terlunas (amortised cost)

AKPK
Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit

BCP
pelan kesinambungan perniagaan (business continuity plan)

BI
institusi pengantara

BNPL
beli dahulu bayar kemudian (buy-now-pay-later)

CAGR
kadar pertumbuhan tahunan terkompaun (compounded annual growth rate)

CAR
nisbah kecukupan modal (capital adequacy ratio)

CASA
akaun semasa dan akaun simpanan (current and savings accounts)

CASTD
nisbah tunai kepada hutang jangka pendek (cash-to-short-term debt ratio)

CCPT
Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (Climate Change and Principle-based Taxonomy)

CDRC
Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (Corporate Debt Restructuring Committee)

CGC
Perbadanan Jaminan Kredit (Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad)

CIS
Skim Pelaburan Kolektif (Collective Investment Scheme)

CRMA
Penilaian Kematangan Daya Tahan Siber (Cyber Resilience Maturity Assessment)

CRST
Ujian Tekanan Risiko Iklim (Climate Risk Stress Testing)

CSM
Cyber Security Malaysia

DAR
hutang berisiko (debt-at-risk)

DAX
Bursa Aset Digital (Digital Asset Exchanges)

DBG
kumpulan perbankan domestik (domestic banking group)

DeFi
kewangan tidak berpusat (decentralised finance)

DPT
Token Pembayaran Digital (Digital Payment Token)

DRP
pelan pemulihan bencana (disaster recovery plan)

D-SIB
bank domestik yang penting dari segi sistemik (domestic systemically important bank)

DSR
nisbah khidmat hutang (debt service ratio)

DTI
nisbah hutang kepada pendapatan (debt-to-income)

FCI
Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan (Financial Capability and Inclusion Demand Side Survey)

FCY
mata wang asing (foreign currency)

FEN
Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network)

FinTIP
Platform Risikan Ancaman Siber Sektor Kewangan (Financial Sector Cyber Threat Intelligence Platform)

FMSI
Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (Financial Market Stress Index)

FVOCI
nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (fair value through other comprehensive income)

FX
pertukaran asing (foreign exchange)

GFC
Krisis Kewangan Global (Global Financial Crisis)

GHG
gas rumah hijau (greenhouse gases)

GII
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (Government Investment Issues)

HLA
penyerapan kerugian yang lebih tinggi (higher loss absorbency)

HQLA
aset mudah tunai berkualiti tinggi (high-quality liquid assets)

ICAAP
Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (Internal Capital Adequacy Assessment Process)

ICR
nisbah perlindungan faedah (interest coverage ratio)

IKBB
institusi kewangan bukan bank

IKP
institusi kewangan pembangunan

ILAAP
Proses Penilaian Kecukupan Mudah Tunai Dalaman (Internal Liquidity Adequacy Assessment Process)

IT
teknologi maklumat (information technology)

ITO
penanggung insurans dan pengendali takaful (insurers and takaful operators)

KDNK
Keluaran Dalam Negeri Kasar

KWSP
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

LCR
Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio)

LIBFC
Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan International Business and Financial Centre)

LIBOR
Kadar Tawaran Antara Bank London (London Interbank Offered Rate)

LIFB
bank asing diperbadankan di Malaysia (locally-incorporated foreign bank)

LTV
pinjaman kepada nilai (loan-to-value)

MFRS 9
Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (Malaysian Financial Reporting Standard 9)

MGS
Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities)

MYFLIC Index
Indeks Celik dan Keupayaan Kewangan Malaysia (Malaysia Financial Literacy and Capability Index)

MYR
Ringgit Malaysia (Malaysian Ringgit)

NACSA
Agensi Keselamatan Siber Negara (National Cyber Security Agency)

NFT
token tidak sepiawai (non-fungible token)

NOP
kedudukan terbuka bersih (net open position)

NSFR
Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio)

OPR
Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate)

P/B
harga kepada nilai buku (price-to-book)

P/E
harga kepada perolehan (price-to-earning)

PayNet
Payments Network Malaysia Sdn Bhd

PDRM
Polis Diraja Malaysia

PEMULIH
Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi

PIDM
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

PKS
perusahaan kecil dan sederhana

PRS
strategi resolusi terpilih (preferred resolution strategy)

R&R
penjadualan dan penstrukturan semula (rescheduling and restructuring)

RENTAS
Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System)

RFR
kadar bebas risiko (risk-free rates)

ROE
pulangan atas ekuiti (return on equity)

RORWA
pulangan atas aset berwajaran risiko (return on risk-weighted assets)

RPP
Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata (Real-time Retail Payments Platform)

RPS
sistem pembayaran runcit (retail payment system)

RRP
Pelan Pemulihan dan Resolusi (Recovery and Resolution Planning)

RWA
aset berwajaran risiko (risk-weighted asset)

SC
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Securities Commission Malaysia)

SDRS
Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (Small Debt Resolution Scheme)

SJPP
Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad

SKMM
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

SOFR
Kadar Pembiayaan Semalaman Terjamin (Secured Overnight Financing Rate)

SRR
Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement)

TPSP
penyedia perkhidmatan pihak ketiga (third party service provider)

TVL
Jumlah Nilai Terkunci (Total Value Locked)

URUS
Program Pengurusan dan Ketahanan Kewangan

VBIAF
Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan Berasaskan Nilai (Value Based Intermediation Financing and Investment Impact Assessment Framework)